

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK MOHAMAD NIZAM BIN OSMAN  
WARISAN KESENIAN WAYANG KULIT KELANTAN**

**NOR ADILAH BINTI MANSOR                    2015148917  
AMALINA BINTI HASSAN                    2015180251**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UiTM CAWANGAN KELANTAN**

**MAC 2017 – JULAI 2017**

## **ABSTRAK**

### ***Abstrak***

*Wayang kulit atau dikenali juga dengan “World Master Piece” merupakan kesenian tradisional yang mula bertapak di negeri Kelantan Darul Naim dan akhirnya telah menular sehingga ke seluruh Malaysia sehingga dikenali oleh negara-negara luar. Wayang kulit juga telah diiktiraf oleh Organisasi Pendidikan, Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan PBB UNESCO pada tahun 2003 yang lalu dan telah diakui oleh UNESCO sebagai World Master Piece of Oral and Intangible Heritage of Humanity. Wayang kulit yang terdiri daripada tok dalang dan panjak akan melakukan persembahan dengan menggunakan alatan muzik trational untuk mengalunkan muzik mengikut situasi dan tema yang telah ditetapkan oleh tok dalang sebelum bermulanya persembahan. Alunan-alunan muzik yang dimainkan oleh panjak mestilah mengikut kesusaian situasi penceritaan yang disampaikan oleh tok dalang. Selain itu, dalam setiap penceritaan wayang kulit ia akan diserikan lagi dengan lagu yang mempunyai maksud tersirat mahupun tersurat.*

***Kata kunci:*** *tok dalang, panjak, muzik, lagu, alatan tradisional*

## **PENGHARGAAN**

*ASSALAMUALAIKUM W.B.T.*

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana memberi kami kesihatan fizikal dan mental yang baik untuk menyiapkan kerja berkumpulan yang telah diamanahkan ini pada masa yang telah ditetapkan serta diberikan oleh-Nya kesempatan untuk berjumpa dengan individu yang berkaitan bagi menyiapkan tugas ini.

Kami juga ingin meluahkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap pensyarah yang kami sayangi, Madam Nor Kamariah Binti Chik dan tidak lupa juga kepada Madam Noor Rahmawati Binti Alias kerana memberi kami garis panduan serta nasihat dan semangat kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa mereka, mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selain itu, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Mohamad Nizam Bin Osman di atas perkongsian maklumat dan juga pengalaman beliau mengenai tajuk tugas kami iaitu Wayang Kulit.

Dalam menyiapkan tugas ini, kami telah berjaya mencungkil maklumat mengenai warisan kesenian wayang kulit dan mendapat banyak ilmu pengetahuan yang berguna sepanjang menyiapkan tugas ini. Walaubagaimanapun, tugas ini tidak akan dapat diteruskan tanpa sokongan dan pertolongan daripada rakan-rakan, keluarga dan pensyarah yang disayangi. Akhir kata, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tugas kami.

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
ASWARA	- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
CD	- <i>Compact Disk</i> (Cakera Padat)
GATRA	- Gabungan Tradisional
JKKN	- Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Kelantan
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PAS	- Parti Islam Se-Malaysia
PCB	- Pantai Cahaya Bulan
RTM	- Radio Televisyen Malaysia
SK	- Sekolah Kebangsaan
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia
TV	- Televisyen
UiTM	- Universiti Teknologi MARA
UM	- Universiti Malaya
UMK	- Universiti Malaysia Kelantan
UPSI	- Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	- Universiti Sains Malaysia
VIP	- A Very Important Person

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Senarai Singkatan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Pencerita.....	vi
Pengenalan.....	1
Kajian Literatur.....	3
Transkrip.....	6
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	8
Bahagian 2: Wayang Kulit.....	43
Bahagian 3: Cerita-cerita Rakyat Dalam Wayang Kulit dan Lagu Wayang Kulit.....	71
Bahagian 4: Panjak, Alatan Muzik dan Alunan.....	89
Bahagian 5: Soalan Tambahan.....	90
Bahagian 6: Harapan/Pendapat.....	94
Rujukan.....	102
Indeks.....	104
Lampiran	
Log Temubual.....	107
Biografi Tokoh.....	115
Diari Kajian.....	116
Senarai soalan.....	122
Surat Perjanjian.....	136
Gambar, Sijil & Lain-lain.....	138

## BIODATA PENEMUBUAL



**Nama** Nor Adilah Binti Mansor  
**Alamat** 14A, Kampung Sungai Bakong,  
01000 Kangar, Perlis, Malaysia  
**No.Telefon** 016 – 357 5451  
**E-mel** adilahmansor26@gmail.com  
**Program** Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat  
(Kepujian) Pengurusan Maklumat  
(IM245)

**Nama** Amalina Binti Hassan  
**Alamat** Pt. 1545, Kg Terusan, Pasir Tumboh,  
16150 Kota Bahru, Kelantan, Malaysia  
**No.Telefon** 010 – 578 4066  
**E-mel** amalina012@gmail.com  
**Program** Ijazah Pengurusan Sistem Maklumat  
(Kepujian) Pengurusan Maklumat  
(IM245)



## **BIODATA PENCERITA**



<b>Nama</b>	Mohamad Nizam Bin Osman
<b>Nama Samaran</b>	Nizam Tok Dalang
<b>Jantina</b>	Lelaki
<b>Tarikh Lahir</b>	3 Mei 1968
<b>Tempat lahir</b>	Kampung Morak, Tumpat, Kelantan, Malaysia
<b>Alamat</b>	Kampung Morak, Tumpat, Kelantan, Malaysia
<b>No. Telefon</b>	019 – 926 5299
<b>Kerjaya</b>	Pembantu Am Muzium dan Penggiat Kesenian Tradisional Kelantan
<b>Tempoh Pengalaman</b>	37 tahun
<b>Hobi</b>	Bерmain bola dan badminton

## PENGENALAN

Wayang kulit merupakan sejenis kesenian tradisional yang berasaskan permainan bayang yang dihasilkan dengan pancaran cahaya yang dilengkapi dan disempurnakan oleh tok dalang sambil diiringi alunan muzik yang dimainkan oleh panjak. Kesenian wayang kulit ini bukan sahaja dikenali dan dimainkan di dalam Malaysia, malah negara-negara luar sama ada di Asia dan Eropah juga turut mengenali keseniaan dan kebudayaan wayang kulit ini. Sebelum bertapaknya wayang kulit di negeri Kelantan, kesenian ini telah lama dimainkan di Indonesia. Wali Sunan Kali Jaga yang merupakan salah seorang pendakwah yang berasal dari keturunan Wali Songgo. Di Indonesia, diawal kewujudannya wayang kulit ini dipersembahkan dengan tujuan menyebarkan agama Islam. Pada permulaannya, Wali Sunan Kali Jaga ini tidak menerima tindak balas yang baik dalam aktiviti dakwah beliau, sehingga dia berjaya mencari penyelesaian dengan menggunakan patung sebagai senjata utama dalam wayang kulit sekaligus berjaya menarik perhatian Hindu-Budha di Indonesia.

Sekitar abad ke-13 dan ke-14 wayang kulit mula dibawa masuk ke Kelantan oleh seorang pedagang wanita Cina yang dikenali sebagai Mok Eronk di Tumpat, Kelantan. Wayang kulit di Kelantan pada awalnya dimainkan untuk menyampaikan berita dan cerita kepada rakyat. Setelah wayang kulit dikenali ramai di Kelantan, ianya mula menular sehingga ke seluruh Tanah Melayu. Walaupun banyak kesenian tradisional Kelantan telah mati ditelan zaman dan hiburan moden, tetapi wayang kulit masih hangat diperkatakan dan dimainkan.

Pada abad ini, di Malaysia masih lagi mempunyai kumpulan-kumpulan wayang kulit terutamanya di negeri Kelantan Darul Naim. Setiap kumpulan wayang kulit mempunyai nama kumpulan yang tersendiri Wayang Kulit GATRA, Wayang Kulit Pok Nik Mat, Wayang Kulit Sri Campuran dan sebagainya, tetapi cerita pokok dan cerita ranting yang disampaikan masih lagi sama. Setiap kumpulan wayang kulit yang sempurna, kumpulan-kumpulan tersebut mestilah mempunyai panjak, alatan muzik tradisional dan tok dalang sebagai pelengkap dan ketua kumpulan.

Seterusnya, cerita-cerita wayang kulit telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu cerita pokok dan cerita ranting. Cerita pokok adalah cerita asal wayang kulit iaitu Hikayat Ramayana turut dikenali sebagai Hikayat Mahabhrata. Manakala cerita ranting pula adalah cerita-cerita yang tidak boleh diubah atau ditokok tambah seperti Burung Ketitir Kuning, Sirap Mas Raja dan Kisah Bunga Adani Bunga Adana.

Selain itu, ahli pemain muzik wayang kulit atau dikenali dengan panjak juga merupakan salah satu kumpulan kecil yang memainkan peranan penting dalam mengalunkan muzik gamelan ketika persembahan wayang kulit dipersembahkan. Bukan itu sahaja, muzik-muzik gamelan yang dimainkan ketika persembahan haruslah mengikut kesesuaian babak dalam penceritaan dan tema. Alatan-alatan muzik tradisional seperti gedak, serunai, gong, canang dan kesi sangat diperlukan untuk melengkapinya sesebuah persembahan dan menarik perhatian orang ramai untuk melihatnya. Pengisian terakhir adalah mengenai lagu-lagu yang diselitkan dan dinyanyikan ketika persembahan wayang kulit dijalankan. Setiap cerita wayang kulit mempunyai lagu-lagu yang tersendiri, juga mempunyai maksud-maksud yang tersirat dan tesurat.

## KAJIAN LITERATUR

Sejarah lisan merupakan satu kaedah wawancara yang dirakam bersama kenangan dan pengalaman tokoh-tokoh yang terpilih. Menurut laman Pusat Kajian Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tokoh-tokoh yang dipilih untuk diwawancara merupakan tokoh yang menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri atau oleh keran perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi akan disemak dan direkodkan bagi tujuan rujukan dimasa hadapan.

Cerita rakyat merupakan prosa rakyat yang sarat dengan simbol-simbol sistem kebudayaan, pengetahuan, nilai dan cara pandang terhadap dunia masyarakatnya (Nining & Dewi, 2014). Cerita rakyat juga berkait dengan lagenda dimana setiap tempat atau kawasan mempunyai kisah-kisah yang tersendiri. Misalnya di Kelantan Darul Naim yang sememangnya kaya dengan cerita-cerita rakyat seperti Kisah Puteri Saadong, Cik Siti Wan Kembang, Pulau Tengkorak, Awang Lutong. Bukan itu sahaja cerita rakyat juga boleh didapati dalam bentuk hiburan seperti kesenian tradisional yang mempunyai ceritera yang tersendiri seperti wayang kulit, dikir barat, main puteri, tari inai, pak lokan, dikir laba dan sebagainya.

Wayang kulit merupakan teater tradisional yang paling popular di negara-negara Asia terutamanya Asia Tenggara (Raihanah, 2007). Kedatangan kesenian wayang kulit ke Tanah Melayu yang bertapak di Kelantan mempunyai pelbagai versi dan sumber. Sesetengah sumber mengatakan wayang kulit di Kelantan ini asalnya dari India kerana wayang kulit berunsurkan agama Hindu-Bhuda, malah ada yang mengatakan wayang kulit ini berasal dari Tanah Jawa, Indonesia, China dan Thailand.

Ramai yang berpendapat wayang kulit ini yang wujud di Indonesia pada abad yang lalu telah dibawa masuk oleh seseorang dari India bagi tujuan penyebaran agama Hindu ('Ainu & Azmi, 1996). Terdapat bukti kukuh yang mengatakan wayang kulit adalah datangnya dari India kerana cerita-cerita wayang kulit adalah kebanyakannya berkaitan dengan dewa-dewa seperti Mahabhrata dan Ramayana ('Ainu & Azmi, 1996). Selain itu, pengkaji wayang kulit Jacques Brunet (1974) juga turut mengatakan bahawa India merupakan tempat asalnya kerana terdapat persamaan antara patung wayang kulit Kemboja dan Nang Shek di Thailand. Tambahan pula, perkataan "Rupparupakam" yang terdapat di Mahabarata dan "Ruppapanjipane" dari Therigata adalah bermaksud teater bayangan.

Bukan itu sahaja, sesetengah sejarawan juga ada mengatakan wayang kulit sebenarnya berasal dari China dan Jawa yang semakin pesat berkembang sehingga ke negara Asia Tenggara melalui interaksi ekonomi, politik dan kebudayaan. (Nor, 2007). Menurut Hazeu, Brandes bahawa wayang asli adalah berasal dari Tanah Jawa, Indonesia kerana hubungannya yang erat dengan kehidupan sosial, kultural dan reliius daripada bangsa Jawa (Nor, 2007). Tokoh-tokoh wayang kulit juga seperti Semar, Gareng, Petruk dan Bagong adalah berasal dari Jawa. Penulisan Brandes yang menyatakan bentuk wayang di Jawa berbeza dengan India malah istila-istilah teknis juga merupakan istilah Jawa bukannya Sanskrit.

Cerita yang menjadi cerita utama dalam mana-mana wayang kulit adalah cerita Ramayana. Oleh hal sedemikian, cerita Ramayana ini telah menjadi cerita pokok dan tok dalang tidak boleh mengubah setiap jalan penceritaannya ('Ainu & Azmi, 1996). Kisah Ramayana adalah berkisarkan seorang putera yang gagah dengan puteri yang jelita iaitu (Siti Dewi) anak kepada Maharisi Kala Api turut dikenali sebagai Tok Mah Sikor. Waris Siti Dewi mempunyai masalah dalam memilih menantu beliau kerana ramai jejaka tampan yang ingin mengahwini Siti Dewi.

Setelah puas memikirkan cara untuk memilih calon suami Siti Dewi, Tok Mah Sikor merancang untuk membuat satu pertandingan memanah pokok tal. Pertandingan ini, peserta diarahkan untuk memanah 40 batang pokok tal dengan sekali panah dengan menggunakan anak panah yang disediakan. Apabila, pertandingan itu tiada pemenangnya maka Tok Mah Sinor menyebarkan pertandingan ini ke luar negeri dan akhirnya berita sampai ke telinga ayahanda Seri Rama iaitu Sultan Sirat Maharaja. Ayahanda Seri Rama telah mengarahkan keempat-empat putera beliau iaitu Seri Rama, Laksmana, Barde dan Karde pergi untuk mencuba pertandingan itu.

Setelah sampai di tempat pertandingan, Seri Rama dan Laksmana pergi menghadap Maharisi untuk memperkenalkan diri dan tujuan kedatangan mereka ke sini. Tetapi malangnya, kedatangan mereka telah diketahuan oleh Maharisi kerana dengan saiz badan mereka, semestinya mereka tidak mampu mengangkat anak panah itu dan kedua-dua putera Sultan Sirat Maharaja diarahkan pulang ke negeri meraka tanpa bertanding.

Seri Rama sudah berputus asa dan ingin pulang ke negerinya tetapi dihalang oleh Laksmana. Setelah mendapat kata-kata perangsang dari Laksmana mereka tetap mencuba nasib dalam pertandingan tersebut. Pada percubaan yang pertama, Seri Rama hanya mampu menembusi 7 batang pokok tal, pada cubaan kedua dan ketiga cubaan

beliau tetap gagal. Laksmana berasa hairan kenapa abangnya Seri Rama tidak berjaya dalam pertandingan tersebut maka dia pergi menyiasat dan mencari sebab akan kekalahan abangnya.

Akhirnya Laksmana mendapati pokok-pokok tal tersebut berada di belakang seekor naga yang besar. Laksmana mencari helah untuk mengeluarkan naga tersebut dan setelah berjaya baru dia memberi arahan kepada Seri Rama untuk memulakan panahan dan akhirnya panahan Seri Rama berjaya menembusi kesemua pokok tal tersebut. Setelah berjaya, tiada masalah siapa yang akan berkahwin dengan Siti Dewi kerana Laksmana tidak mempunyai perasaan terhadap Siti Dewi. Selain cerita Ramayana cerita-cerita lain seperti Nasi Dingin, Lima Pahlawan, Yatim Beradak, Sang Yang Tunggal, Perruk Andung, Kongsi Serawi, Koma Miskin, Raja Katak Emas dan Cerita Emas Raja Bersemi Anerong.

Alatan muzik yang digunakan untuk wayang kulit sedikit berbeza kerana perlu mengukut jenis-jenis wayang kulit tersebut. Contohnya, untuk wayang kulit purwo yang selalu dimainkan di Selatan Pantai Barat terutamanya di Johor akan menggunakan gong besar atau nama lainnya adalah agong, sebiji gong suwukan, satu set gambang, lima biji kempul, lima biji kenong, dua set gonder, satu slentem, satu set saron, satu set peking satu set ketok atau kompong, satu batang rebab dan satu biji gendang. Manakala bagi wayang kulit melayu pula akan menggunakan sebatang rebab, enam biji canang, dua biji gong besar, satu biji mong, dua biji gendang dan sepasang kesi.

Kebiasaanya, ahli panjak dalam setiap kumpulan wayang kulit hanya seramai dua belas atau tiga belas orang, termasuk dalang dan dua dalang muda. Susun atur kedudukan ketika persembahan akan ditetapkan oleh tok dalang. Kesemua ahli kumpulan wayang kulit digerlar sebagai Panjak Tujuh kecuali tok dalang. Panjak Tujuh didefinisikan sebagai pancaindera tujuh yang terdiri daripada mata, telinga, hidung, mulut, dubur, kemaluan dan pusat.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIPT TEMUBUAL**

Assalamualaikum w.b.t, pertama sekali saya ingin memperkenalkan diri kami dahulu, saya Nor Adilah Binti Mansor dan ini kawan sekumpulan saya Amalina Binti Hassan. Kami daripada UiTM Machang, Fakulti Pengurusan Maklumat, Sistem Pengurusan Maklumat. Hari ini bertarikh 23 April 2017, pada pukul 10.30 pagi ingin menemu ramah Encik Nizam mengenai wayang kulit. Tujuan kami menemu ramah ini, sebab ingin memenuhi silibus IMR604 iaitu *Oral History* [Pendokumentasian Sejarah Lisan] mengenai sejarah-sejarah Kelantan. Di dalam, temubual ini mengandungi enam [6] bahagian, yang pertamanya latar belakang tokoh, bahagian penerangan menyeluruh mengenai wayang kulit, alatan muzik, ahli alat muzik yang dipanggil panjak dan alunan muzik, dan bahagian yang ke empat [4] soalan tambahan dan bahagian yang terakhir harapan atau pendapat Encik Nizam. Yang pertama sekali kita masuk kebahagian yang pertama iaitu latar belakang tokoh.

Petunjuk:

EN: Encik Nizam

NA: Nor Adilah

AH: Amalina Hassan

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NA : Bolehkah Encik Nizam terangkan latar belakang atau asal silah Encik Nizam?**

**EN :** Okay [Baiklah], nama saya Mohamad Nizam Bin Osman. Umur *empat puluh sembilan* [49 tahun]. Tarikh lahir *3 haribulan 5 1968* [3 Mei 1968] dan tempat lahir di Kampung Morak, Tumpat [Kelantan, Malaysia] dan sebelum bekerja di muzium saya pernah bekerja sebagai seorang tukang perak dan juga lebih kurang dalam tahun *lapan puluh tujuh* [1987] saya berhijrah ke Kuala Lumpur sebagai seorang penari di Suasanu Des (suara kanak-kanak) bersama dengan *group* [kumpulan] sekarang ini (bunyi kenderaan yang kuat) dan sekembali dari Kuala Lumpur pada tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993] saya bekerja di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan jawatan saya sekarang ini ialah sebagai Pembantu Am dan kalau nama gelaran atau di- saya ini sebagai *tok dale* [tok dalang] ataupun *dale* [dalam] apa *glamour* [terkenal] *dale* [dalam] sebagai artis tradisional nama saya ini lebih dikenali *sebagai* [sebagai] *Nije tok dale* [ Nizam tok dalang] di kalangan keluarga pun, kalau dikalangan keluarga ini panggil *Nije* [Nizam] *gitu* [begitu] lah. Saya sekolah sijil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja, bersekolah di *Sekolah Kebangsaan Kampung Laut, Tumpat* [Sekolah Menengah Agama Kampung Laut, Tumpat, Kelantan, Malaysia].

- NA : **Seterusnya, kenangan Encik Nizam di zaman sekolah dahulu?**
- EN : Kenangan manis (penemubual ketawa), kenangan pahit itu *kena* [di] rotan dengan cikgu lah.
- NA : **Apakah yang Encik Nizam lakukan selepas SPM?**
- EN : Selepas saya *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya bekerja sebagai seorang *tuke* [tukang], *tuke* [tukang] perak lebih *kure dale* [kurang dalam] setahun *gitu* [begitu]. *Lepah tu* [Selepas itu], saya terus ke Kuala Lumpur lah dalam tahun *lapan puluh tujuh* [1987] lebih *kure* [kurang] sehingga tahun *sembilan puluh tiga* [1993] bekerja sebagai seorang penari di Suasanu Des, di Kuala Lumpur.
- AH : ***Tuke* [Tukang] perak *tu gapo* [itu apa] eh?**
- EN : *Memuke* [menukang] buat-buat *bare perok* [barang perak].
- NA : **Seterusnya, hobi Encik Nizam?**
- EN : Hobi *kalu* [kalau] dari segi *suke* [sukan] saya main badminton dengan bola (penemubual mengiyakan).
- NA : **Memang setiap minggukah Encik Nizam bermain bersukan?**
- EN : *Buke tiap-tiap* [Bukan setiap] minggulah, kalau bola *tu tiap-tiap* [itu setiap] setiap hari kalau *tak dak* [tiada] program, *tak dak* [tiada] lain dan *kalu* [kalau] bola ini saya pernah mewakili sekolah-sekolah *la ni* [sekarang ini] liga-liga *perlawane soccer team* [perlawanan pasukan bola sepak] tapi disebabkan oleh kecederaan *tak* [tidak] boleh main lagi.

- NA : **Bilakah Encik Nizam tidak boleh bermain bola sepak?**
- EN : Tahun *lape puluh* [1980], eh *dak* [tidak] tahun *lape puluh enam* [1986] masa saya *dok kijo* [sedang bekerja] sebagai *seore tuke* [seorang tukang] (suara kanak-kanak) perak itu, masa itu lah.
- NA : **Sekarang di manakah Encik Nizam tinggal? (kanak-kanak berlari di tingkat atas muzium)**
- EN : Sekarang ini saya masih lagi tinggal di Kampung Morak, Tumpat [Kelantan].
- AH : **Adakah Encik Nizam berulang alik pergi ke tempat kerja?**
- EN : Ulang-alik.
- NA : **Apakah cita-cita Encik Nizam yang sebenarnya?**
- EN : Cita-cita tinggi la *nak* [hendak] jadi *gapo ni*, (hentakkan kaki pelawat muzium di tingkat atas) *nak* [apa ini, hendak] jadi pegawai tapi *dah* [sudah] sekolah malas *iya doh* [iya sudah] ya, boleh jadi *gini* [begini] pun mujur lah (suara kanak-kanak menjerit). Bak kata kecil-kecil pun boleh makan gaji *jugok* [juga] (penemubual mengiyakan), ada pencen.
- NA : **Siapakah idola Encik Nizam?**
- EN : Idola saya *dale* [dalam] -
- NA : Dalam wayang kulit ataupun -
- EN : Idola saya dalam persembahan wayang kulit ini *almarhum* [arwah] datuk saya dan juga Pak Hamzah. Pak Hamzah ini sasterawan Negara. (penemubual ingin bertanya soalan) dia itu wayang kulit berasal dari Kampung Gerun,

Tumpat [Kelantan, Malaysia]. Dia ini *seore budayawe* [seorang budayawan], apa ini, *sasterawe* [sasterawan] Negara.

- NA : Datuk Encik Nizam itu memang-
- EN : Datuk saya itu memang *seore tok dale* [seorang tok dalang] wayang kulit *jugok seangkate* [juga seangkatan] dengan Pak Hamzah. (Penemubual mengiyakan) Tapi apa, Pak Hamzah ini lebih menonjol di peringkat antarabangsa. (Penemubual mengiyakan). Dia pernah buat *persembahe* [persembahan] lebih *kure dale tiga puluh* [kurang dalam 30] buah Negara Amerika, *Jerme, Jerme Barat, Jerme Timur* [Jerman, Jerman Barat, Jerman Timur] banyaklah semua Australia.

- AH : Apakah tahap pencapaian datuk Encik Nizam?**

- EN : Datuk saya *ini* dia lebih *pado* [kepada] peringkat *dale* [dalam] negeri. (penemubual mengiyakan pencerita) Dalam negeri, *maknonyo lebih kure kito kato dale* [maknanya lebih kurang kita kata dalam] kelompok Malaysia lah. Kalau *mace* [macam] di negeri lain pun dia biasa *gi dah mace* [pergi seperti] Kuala Lumpur, Kedah *mano* [mana] tapi dia kalau ke luar Negara *ini* saya ingat *dua* [2] kali baru (penemubual mengulang bicara pencerita) dia lebih kepada *dale* [dalam] negara lah. *Okay* [Baik] Pak Hamzah ini *dale* [dalam] negara pun *dio* [dia] banyak *persembahe, lepah tu* [persembahan, selepas itu] di luar negara pun *dio* [dia] banyaklah (penemubual mengiyakan pencerita) mungkin *dale tiga puluh* [dalam 30] buah negara dia pergi.

**NA** : **Adakah Pak Hamzah menggunakan bahasa Kelantan juga dalam persembahan beliau di luar negara?**

**EN** : Main Bahasa Kelantan (penemubual ketawa), *waye kulit tak* [wayang kulit tidak] main *dale* [dalam] bahasa lain. Kalau main bahasa lain *dio tak* [dia tidak] dipanggil *waye kulit dah* [wayang kulit sudah]. (Penemeubual ingin bertanyakan soalan) dan Pak Hamzah ini juga *dio* [dia] menjadi pensyarah di- mula-mula kalau *tak* [tidak] silap saya di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], di *USM Pulau Pine* [Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang] (penemubual mengiyakan). *Lepah tu* [Selepas itu], di *UM* [Universiti Malaya], yang terakhir itu saya ingat di- kalau *tak* [tidak] silap saya di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan]. Sebagai tenaga pengajar di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan].

**AH** : **Adakah dia [Pak Hamzah] masih ada?**

**EN** : *Dio tak dok* [dia tidak ada]. Dia *dah* [sudah] meninggal. Saya *lo ni-* [sekarang ini], saya dan juga anak *dio* [dia] *Pak Berahim* [Pak Ibrahim], lebih *popular* [terkenal] dengan nama *panggile Pak Rohim* [panggilan Pak Ibrahim] tapi kalau *dok* [di] kampung *ore* [orang] panggil Jali (penemubual mengulang bicara pencerita) dia- saya dan dia adalah mewarisi permainan *waye kulit* [wayang kulit] ini daripada datuk saya dan (hentakan kaki pelawat di tingkat atas muzium) juga arwah Pak Hamzah ini sehingga saya *lo ni lah* [sekarang ini lah].

NA : **Pak Hamzah itu tinggal di Tumpat juga kah?**

EN : Duduk *kat rumoh* [dekat rumah] saya juga. Sekampung dengan saya. Sama-sama Kampung Morak, Tumpat [Kelantan, Malaysia].

NA : **Apakah matlamat Encik Nizam dalam wayang kulit?**

EN : Matlamat hidup ini, kita— matlamat hidup kita ingin mencapai *kebahagiae dale* [kebahagiaan dalam] apa bentuk, apa jua, mencapai *kejayae dale* [kejayaan dalam] dari segi apa jua, apa yang kita hadapi, apa yang kita perjuangkan kita mesti mendapat *kejayae* [kejayaan]. Walaupun *dale kijo*, *dale kehidupe kito harie*, *dale* [dalam kerja, dalam kehidupan sehari-hari, dalam] menegakkan *kebudayae* [kebudayaan] tradisional negeri *Kelate* [Kelantan]. Saya *sebenarnyo bukelah kato* [sebenarnya bukanlah kata] cepat *nak kayo* [hendak kaya]. Sedikit cerita (mengiyakan tanda setuju kepada pencerita untuk bercerita dengan lebih lanjut). Saya *buke* [bukan] setakat *waye kulit sajo banyok di persembahe-pesembahahe kebudayae* [wayang kulit sahaja banyak di persembahan-persembahan kebudayaan] saya bergiat. Contohnya, *mace* [seperti] persembahan *mok yong* [mak yong], dikir barat, silat, seperti saya sebut awal tadi saya sebagai seorang penari (penemubual mengiyakan) Suasana Des Kuala Lumpur, banyak lagilah. Kalau macam *tuke* [tukang] karut— *mace* [macam] dikir barat saya sebagai *tuke* [tukang] karut, kalau *waye* [wayang] kulit saya sebagai tok *dale* [dalang], main puteri.

AH : **Adakah Encik Nizam turut terlibat dalam bermain puteri?**

EN : Saya ini cuba buat *kiro* [kira] (penemubual menyampuk) untuk menghidupkan (penemubual mengiyakan) seni *kebudayae* [kebudayaan] ini

biar ada pelapis (penemubual mengiyakan). Kita *toksey* [tidak mahu] benda ini mati *sajo* [sahaja]. Tapi Alhamdulillah la *lo ni mace* [sekarang ini seperti] di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] itu dia ada *matapelajare* [matapelajaran] untuk mengajar (penemubual menyampuk) *waye* [wayang] kulit, *mok yong* [mak yong]. Kelas *waye* [wayang] kulit, kelas *mok yong* [mak yong], kelas menari lain pun banyak juga.

- NA : **Adakah Encik Nizam masih lagi bermain mok yong [mak yong]?**
- EN : *Mokyong* [mak yong] main lagi. *Male, male* [Semalam, malam] ini saya kena *main teri* [main puteri]. Main puteri di- Bukit Marak (penemubual mengiyakan), Pasir Puteh [Kelantan, Malaysia]. *Semale, male ni, male esok main waye kulit* [Semalam, malam ini, malam esok main wayang kulit] di Kampung Guar Sintok, Rantau Panjang [Kelantan, Malaysia].
- NA : **Adakah wayang kulit dipersembahkan di situ [Kampung Guar Sintok, Rantau Panjang, Kelantan] setiap malam atau jemputan?**
- EN : *Dak* [tidak], *buke* [bukan] tiap-tiap *male* [malam]. Atas *jempute* [jemputan] kalau kita ada *jempute* [jemputan] itu kita *gi* [pergi] lah. *Lepah tu male ni* [Selepas itu, malam ini] di Bukit Marak [Pasir Putih, Kelantan, Malaysia], main puteri. *Male* [Malam] esok, *male* [malam] selasa, *male* [malam] rabu, *male* [malam] khamis di- Guar Sintok, Rantau Panjang [Kelantan, Malaysia]. *Dua puluh lape haribule* [28 April 2017], hari jumaat *male* [malam] sabtu di Kampung Pehi, Kuala Krai [Kelantan, Malaysia]. Kuala Krai [Kelantan] *pah tu* [selepas itu] – *dua puluh sembile haribule* [29 April 2017] di Kuala Besut

[Terengganu, Malaysia]. Mengikut jadual *hok la ni* [sekarang ini] lah. Akan datang *tak tau* [tidak tahu] lah.

NA : Apakah prinsip Encik Nizam pegang sehingga sampai ke tahap sekarang ini?

EN : Prinsip-prinsip saya buat yang terbaik sehingga berjaya. *Tak kiro* [Tidak kira] dari segi *dale* [dalam] walaupun *gapodio* [apa] pun, saya akan cuba yang terbaik sehingga berjaya. Contoh la, saya bagi contoh sikit (mengiyakan tanda setuju kepada pencerita untuk bercerita dengan lebih lanjut) saya bekerja di muzium ini tahun *sembilan belas sembilan puluh tiga* [1993], saya masuk *kijo lapan belas haribulan sepuluh tahun sembilan puluh tiga* [kerja 18 Oktober 1993]. Bekerja sebagai pekerja rendah awam masa itu bertaraf jawatan sambilan. Gaji saya awak tahu berapa? (penemubual bertanya kembali kepada pencerita) *dua belas riyal sepuluh sen* [RM 12.10]. *Dua belas riyal dua puluh sen* [RM 12.20] ka sehari *sepuluh sen* [RM 12.10] sehari. *Gitu* [Beginit] lah sehari. Jawatan sambilan dia buat gaji hari. Gaji saya *dua belas riyal dua puluh sen* [RM 12.20] ka *sepuluh puluh sen* [RM 12.10] saya tak ingat lebih *kure gitulah* [kurang begitulah] (penemubual bertanya kembali). Ha, *dua belas riyal* [RM 12] sehari bersih tolak *KWSP* [Kumpulan Wang Simpanan Pekerja], bersih saya boleh terima sebulan *dale dua ratus lapan puluh riyal* [dalam RM 280], tahun *sembilan puluh tiga* [1993]. Bila saya *berkijo dale* [bekerja dalam] setahun, *dua* [2] tahun, setahun *dua* [2] ada peningkatanlah naik sikit, naik sampailah gaji saya *enam belas riyal* [RM 16] sehari, tahun *sembilan puluh lima* [1995]. Saya tak ingat lebih *kurey* [kurang] ada *sore*

[seorang] pengarah itu nama dia Encik Abdullah bin Abdul Ghani dia pengarah muzium tapi telah *meninggal dah* [sudah meninggal]. Masa saya *dok kijo* [sedang bekerja] di muzium dia *dok mari* [datang ke] sini dia kata saya. Dia bagi semangat ke saya. Dia kata “sampai bila awak nak *kijo* [kerja] dengan gaji *dua belas riyal sepuluh sen* [RM 12.10] sehari. Bukan *tak leh kijo* [tidak boleh kerja], boleh *kijo* [kerja] tapi awak *tak kan* [tidak akan] mendapat satu *kejayae* [kejayaan], pencapaian *gapo dio hok awak nak* [apa yang awak hendak], awak *tak kan* [tidak akan] (penemubual mengiyakan). Sebab dengan gaji banyak itu. Jadi *la* [sekarang] ini kalau awak nak *kijo* [kerja] muzium dengan gaji banyak itu awak boleh *kijo* [kerja], tapi awak kena cari sampingan, awak kena kerja usaha sampingan. *Lepah tu* [Selepas itu] awak kena letak *target* [sasaran].” Ini saya *kecek sore sama sore* [cakap sorang sama sorang], saya dengan dia lah. Dia *mari* [datang] saya pun *kebetule* [kebetulan] pelawat *tak dak* [tidak ada], dia pun *kecek* [cakap]. Dia kata “kita kena letak *target* [sasaran].” Contohnya *mace* [seperti]– Tun Dr. Mahathir [Tun Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad] masa itu dia Perdana Menteri [Perdana Menteri Malaysia ke-4]. Dia kata “Tun Dr. Mahathir [Tun Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad] ini, dia letak *target* [sasaran].” Dia kata [Tun Dr. Mahathir] “*okay* [baik] tahun *dua puluh dua puluh* ini [2020] Malaysia (penemubual menyampuk perbualan pencerita) negara maju.” Dia letak target Malaysia negara maju. *Lepah tu* [Selepas itu] dia *oyak kat ore* [bagitahu kepada orang]. Sebab *gapo dia oyak ke ore* [apa dia bagi tahu orang]? Sebabnya dia nak suruh *ore* [orang] tahu bahawa Malaysia tahun *dua puluh dua puluh* ini [2020] Malaysia akan jadi negara maju. Jadi, dia pun akan usaha *setara lagu mana pun nak beri dua puluh dua puluh* [bersungguh-sungguh

hendak capai tahun 2020] Malaysia ini jadi negara maju. Sebabnya, dia *oyak ke ore dah* [sudah memberitahu kepada orang]. Kalau *tak* [tidak], kalau dia *tak* [tidak] buat, kalau dia *tak* [tidak] berjaya, dia akan malu (penemubual mengiyakan). Jadi, sebagai *seore* [seorang] pemimpin kita akan malu. Sebab dia *tak* [tidak] mencapai *target* [sasaran] dia. Jadi, *supo jugok mace* [sama juga macam] awak ini dia kata. “*La ni* [sekarang ini] awak *kena* [mesti] letak *target* [sasaran] awak- tahun. Contohnya, masa- kita tengok (bunyi kenderaan) tahun berapa. *Okay* [Baik] agak tahun depan ini awak susah *lagu* [macam] mana pun awak kena beli kereta. Kalau kita letak *target* [sasaran].” Dia kata “*lagu mana nak ngajar awak lo ni* [bagaimana awak hendak ajar awak sekarang ini]” dia kata “awak *nak* [hendak] beli *keta* [kereta] boleh ka *dok* [tidak]. Awak *kena* [mesti] letak *target* [sasran]. Bila awak letak *target* [sasaran], awak akan usaha, akan mencari pendapatan *sampinge* [sampingan] selain dari *kijo* [kerja] muzium ini (bunyi kenderaan) awak akan cari untuk beli *keto* [kereta]. Sebab, letak *target* [sasaran], kita *oyak kat ore dah* [sudah memberitahu dengan orang]. Kalau kita tak beli kita malu la.” Dia kata “mu cakap saja mu, bual saja lah.” Jadi saya pun *mikir-mikir, ya la jugak* [fikir-fikir, betul juga]. Pengarah- mantan pengarah. *Tak dak dah, dia mati dah* [Sudah tiada, dia sudah mati]. *Muloh dah* [Sudah arwah]. Dia kata- saya pun letak *target* [sasaran] “aku tahun *depe* [depan] ini, aku nak *menyimpe* [menyimpan].” Gaji saya masa itu awak tahu, lebih *kure* [kurang] dalam *enam belas riyal gitu* [RM16 begitu]. *Naik dah* [Sudah naik] (penemubual menyampuk perbualan), ha *naik dah* [sudah naik] *enam belas riyal* [RM16] sehari. Saya dok *menegung*, *dok mikir* [merenung, senang fikir]. *Nak buat gapo dio ini nak cari pitih untuk nak beli keto* [Hendak buat apa untuk mencari

duit untuk beli kereta]. *Nak* [Hendak] buat *kijo gapo* [kerja apa] sampingan. Kita baru- masa *tu dok kijo* [itu sedang bekerja] muzium masuk pukul *sepuluh* [10] pagi habis pukul *enam* [6] petang. (pengulangan ayat yang sama) saya *dok nengung, dok mikir-mikir* [sedang merenung, sedang berfikir], saya pun buat lah *jupo* [jumpa] dengan *sain-sain* [kawan-kawan], *kecek dengan sain-sain* [berborak dengan kawan-kawan]. Dia kata *gini* [begini] dia kata “dulu aku biasa buat, aku (suara pelawat di muzium) biasa jual telur puyuh. Telur puyuh ini *memey* [memang] boleh untung. Boleh untung *pendapate* [pendapatan], tapi dia pun *tak payah* [tidak susah]. “Awak sebelum *gi kijo* [pergi kerja], bangun pagi, bagi *make* [makan] ke burung, *pete* [petang] kutip telur, bagi *make* [makan]. Esok- pagi esok boleh *gi* [pergi] jual.” Begitulah hari-hari dia kata. Benda itu *tak payoh* [tidak susah], tidak kita perlu *penjagae* [penjagaan], nak kata sehari-hari kita kena *jago* [jaga] dia, *dak* [tidak]. Bila *mikir-mikir okay jugak, takpa* [fikir-fikir baik juga, tidak apa] lah buat burung puyuh sehingga salah saya boleh pendapatan masa itu] lebih *kure dale* [kurang dalam] bersih *dua puluh hingga enam puluh riyal* [RM20 sehingga RM60] sehari (penemubual berasa teruja). Ha, *dua puluh, enam puluh riyal* sehari [RM20, RM60] tapi saya *tak* [tidak] tinggal *kijo* [kerja] muzium. Saya tetap *kijo* [kerja] walaupun gaji boleh lah. Sehingga salah saya pun boleh beli *keto la* [kereta sekarang] ini. Alhamdulillah, *lepas pada tu* [selepas pada itu] saya pun diserap ke jawatan tetap walaupun *jawate* [jawatan] rendah tapi syukur Alhamdulillah lah. Kalau *lo ni* [sekarang ini] sehingga saya pun ada pencen daripada gaji sambilan *dua belas riyal* [RM 12] sehari. *Zame la ni* [Zaman sekarang ini] saya pun ada pencen. Kalau sakit, *deme* [demam], mati, *gapo* [apa] pun anak bini ada pencen ada, duit pence saya pun ada. In shaa Allah,

Alhamdulillah la. Buat masa *lo* [sekarang] ini. Jadi, maknanya kita ini, prinsip kita, kita *keno pege kukuh gapo yo target* [kena pegang kukuh apakah sasaran] kita, kita kena capai. Itu saya *nak oyak sat ini* [hendak cakap tadi] (penemubual mengiyakan). Walaupun bercerita *panje* [panjang] sikit pun. Tapi *nak hok saya oyak ni* [apa yang saya cakap ini], boleh kata saya *ini nak kecek* [hendak cakap] mulut saja tapi prinsip saya *memey gitu* [memang begitu] (penemubual mengiyakan pencerita). *Pege* [Pegang] kejap *gapo* [apa dia *target* [sasaran] kita, mesti berjaya.

NA : **Apakah status Encik Nizam?**

EN : Kahwin. *La ni* [Sekarang ini] bini baru ada *empat* [4] baru (penemubual ketawa). Bini itu sebenarnya *hok tu sore lah* [ada serorang lah], namanya Noraini Binti Awang. Buat masa *lo ni* [sekarang ini], dia bekerja- dia *nega* [berniaga] lah. Buka kedai. *Pahtu* [Selepas itu] berasal dari *Kampung PCB* [*Kampung Pantai Cahaya Bulan*, Kelantan, Malaysia] lah. *Kampung PCB* [*Kampung Pantai Cahaya Bulan*], Kota Bahru [Kelantan, Malaysia]. *Nikohnya* [Bernikah] tahun *dua puluh haribule sepuluh tahun sembilan puluh* [20 Oktober 1990]. Taraf *pendidike* [pendidikan]- taraf *pendidike* ini [pendidikan] isteri saya ini *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] lah. Maklumat anak-anak dan- anak-anak pencerita. Anak-anak sayalah, saya ini anak *tak* [tidak] ramai, *dua ore* [2 orang]. Yang sulung nama dia Husni Faizal Azam, *kalu dale nama glamour* [kalau nama samaran] dia, *dale* [dalam] – dia ini seorang penyanyi dikir barat, ada album dan sebagai *la ni* [sekarang] pun dia *berkijo* [bekerja] di Jabatan Kebudayaan Kesenian Warisan Tanjung Cat *nuh* [sana] sebagai artis budaya. Kalau nama *glamour* [samaran] dia *dale* [dalam]

persembahan ini *ore* [orang] panggil Faizal Cenderawasih. Kalau awak tengok lagu dikir barat itu, dia ada nama Faizal Cenderawasih itu dia *memey* [memang]. Ya. Faizal ini dia *smart hok pok* [kemas seperti ayah] dia juga (penemubual ketawa). Sekarang, buat masa *lo ni* [sekarang ini] dia duduk di Istana Negara sebagai pemuzik gendang besar, meniup hari kerabat pertabalan Yang di-Pertuan Agung esok (penemubual mengiyakan pencerita) awak tengok *dale* [dalam]- kalau awak tengok siaran langsung esok, macam ada siaran langsung. Awak tengok siaran langsung esok *hok dok tiup* [yang meniup] serunai itulah anak saya (penemubual mengiyakan pencerita). Umur dia *la ni* [sekarang ini] baru *dua puluh lima* [25 tahun] (penemubual mengulang bicara pencerita). Ha itu anak sulung saya lah. Bekerja di *JKKN* [ Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Kelantan] dan anak kedua saya *la ini nyo* [sekarang ini adalah] perempuan, nama Cempaka Awani (penemubual teruja dengan nama anak pencerita) ha dia *tak* [tidak] kerja lah *dok ngaji* [masih berlajar] lagi, *dok sekolah SPM* [masih bersekolah, mengambil Sijil Pelajaran Malaysia] tahun ini.

- NA : **Anak perempuan Encik Nizam bersekolah di mana?**
- EN : *Sekolah Kebangsaan Kampung Laut* [Sekolah Menengah Agama Kampung Laut]. Sekolah Kampung Laut [Sekolah Menengah Agama Kampung Laut] ini sekolah menengah yang terdekat dengan Kampung Morak lah (penemubual mengiyakan pencerita). Dia ada *dua* [2] pilihan antara *Sekolah Kampung Laut* [Sekolah Menengah Agama Kampung Laut, Tumpat, Kelantan, Malaysia] ataupun *Sekolah Kota Bharu* [Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Kelantan, Malaysia]. Tapi untuk mengelakkan dari

kesibukan jalan raya, lalu lintas *mudah nak gi* [senang hendak pergi] sekolah, Kampung Laut ini dia kawasan *tak* [tidak] sibuk lah. Dia *dok* [tidak] kawasan bandarkan dia *tak* [tidak] sibuk lah.

**AH : Adakah anak perempuan Encik Nizam mempunyai ciri-ciri seperti Encik Nizam?**

**EN : Buat masa *lo ni* [sekarang ini], dia *tak dak* [tidak ada] lagi lah (penemubual mengulang bicara pencerita). *Takat lo ni* [Sehingga hari ini], saya *dok tengok tu dia dok karaoke ya lah* [perhati dia berkaraoke sahajalah] (penemubual ketawa dan berbasa basi). *Tapi saya rasa-rasa ya ni dak dah rasanya* [Tapi saya rasa dia ini tidak akan mewarisi saya]. Sebab dia ini lebih cendurung kearah, pelajaran dia pun- kalau dia karaoke pun (penemubual menyampuk perbualan pencerita), *boring-boring ja* [semasa bosan sahaja] lah. Jika ada yang sudah kahwin?**

**NA : Adakah anak sulung Encik Nizam sudah berkahwin?**

**EN : Anak saya *hok* [yang] sulung itu baru *saja kawin* [sahaja berkahwin]- *nikah* [bernikah]. Isteri dia ini *asal orang* [berasal dari] *Kota Bahru, Taman Sari* [Taman Sari, Kota Bahru, Kelantan, Malaysia] *dua ribu dua belas* [2012]. Lebih *kure* [kurang] dalam *setahun* [1 tahun] rasa baru nikah. Saya pun *tak* [tidak] ingat.**

**NA : Jika begitu Encik Nizam ada dua orang sahaja lah anak? Seorang lelaki dan seorang perempuan?**

**EN : Dua lah. Sebab itu nak cari bini sorang lagi tambah (sambil bergurau).**

NA : **Apakah kedai yang diusahakan oleh isteri Encik Nizam? Adakah kedai makan?**

EN : Kedai makan

NA : **Di manakah kedai tersebut?**

EN : *Kat [Di] Bandar Tumpat.*

AH : **Tumpat itu dimanakah kawasannya?--(jawapan tidak memenuhi soalan)**

EN : Awak pernah *gi ka* [pergi] Tumpat?-- (penemubual menjawab soalan pencerita) (penemubual menukar topik perbualan) saya pun ada kumpulan dikir laba. (penemubual mendapatkan kepastian pencerita)

NA : **Adakah Encik Nizam terlibat dengan semua jenis kesenian tradisional Kelantan?**

EN : Saya main semua. Saya *nak* [hendak] menghidupkan kebudayaan Kelantan ini biar bertambah kukuh. *La ni* [Sekarang ini] saya *nak* [hendak] cari *gapo dia* [apakah] permainan-permainan *hok ore dulu-dulu hok takdak ore main dah la ni* [orang dahulu yang tidak lagi dimainkan sekarang ini]. (Gangguan dari suara pelawat) saya *dok cari, gapo dia ni* [sedang mencari apakah lagi permainan-permainan tersebut]. Lagi-lagi persembahan-persembahan yang *dah* [sudah] hampir pupus, saya *nak perhidup balik* [hendak hidupkan semula]. Saya *nak panggil* [hendak berkumpul]-, *nak* [hendak] sebelum ini saya ada kumpulan. Kumpulan saya ini saya panggil Gatra. Gatra ini

singkatan daripada *dua* [2] patah perkataan iaitu Gabungan Tradisional. Jadi *dale* [dalam] Gabungan Tradisional *ni saya nak* [ini saya hendak] kumpulkan seberapa banyak permainan, persembahan tradisional Kelantan. *La ni saya ada dah* [Sekarang ini saya sudah] wayang kulit, saya ada *mok yong* [mak yong], dikir barat, dikir laba. Saya ada silat. Saya ada main puteri. Saya ada tari inai, *dale* [dalam] kumpulan saya ini. Jadi *la ini mace* [sekarang iini macam] katalah, kalau *ado hok* [ada yang] lain pelancong *mari* [datang] dari negara luar, *mari* [datang] ke *Kelate* [Kelantan, Malaysia] untuk *nak tengok persembahae kebudayaee Kelate* [melihat persembahan kebudayaan Kelantan], kita boleh beri secara pakej. *Okay* [Baik], saya bagi contoh, awak bayar saya *seribu riyal* [RM 1,000], saya boleh buat *persembahae* [persembahan]. *Lima, enam* [5, 6] persembahan saya boleh buat. (Penemubual bertanya soalan pendek kepada pencerita) sekaligus *satu male tu, kiro* [1 malam itu, kira] ambik masa *satu male pukul sembilan sampai pukul sebelas* [1 malam, dari pukul 9 sehingga 11 malam] biasanya, kita buat persembahan wayang kulit boleh setengah jam. Dikir barat *sepuluh minit* [10 minit], silat *sepuluh minit* [10 minit], ini *sepuluh minit* [10 minit]. Jadi pelancong *mari*, *dale* [datang, dalam] kumpulan saya, saya boleh beri, boleh tengok *belaka persembahae* [semua persembahan]. *Pah tu dia tak perlu nak tengok wayang kulit kena gi kok mu, nak tengok go ni nak kena gi lek ni, buang masa dia* [Selepas itu, dia tidak perlu lagilah hendak melihat wayang kulit]. *Pah tu* [Selepas itu], kos *pun balik ke dia* [mahal balik]. Lagi *parok* [teruk], lagi banyak habis daripada dia bayar saya. Contoh *la ni* [sekarang ini] saya bagi. Bayar saya *seribu riyal* [RM 1,000], dia *gi duduk* [pergi ke] tempat saya. Saya ada dengan *satu mace panggung* [macam 1 panggung] apa, pentas,

*persembahe* [persembahan] silat, dikir barat, *dikir labo gapo* [dikir laba apa], semua saya main *situ belako* [semua di situ].

- NA : **Adakah Encik Nizam pernah mendengar mengenai Pak Lokan?**
- EN : Pak lokan? Pak Lokan ini buat masa *lo ni tak dak dah ore hok boleh main* [sekarang ini, sudah tiada orang yang boleh bermain] Pak Lokan. Saya sendiri pun *tak* [tidak] pernah *tengok lagu mana ore main* [melihat bagaimana orang bermain] Pak Lokan. Cuma saya dengar cerita-cerita ini, Pak Lokan ini dia pun bercerita juga. Bercerita. *Lepah tu* [Selepas itu] dia ada tepuk tangan (penemubual berasa teruja dengan cerita pak lokan), saya pun *tak* [tidak] tahu lagi. Benda *hok gini saya nak cari balik ni* [seperti inilah yang saya hendak mencari semula]. Tapi saya *dok tanya-tanya ore, ore hok boleh main Pak Lokan ni sebenarnya tak dak dah* [bertanya kepada orang ramai dan orang yang boleh bermain Pak Lokan ini sudah tiada]. *Mati dah* [Sudah meninggal dunia]. Dia nama Pok Sin, Pok Sin Poyak (penemubual menyampuk perbualan pencerita). *Takdok dah* [Sudah tiada] memang meninggal dah. Saya dengan Pok Sin Poyak ini saya sempat belajar *palu* [memukul] gendang, dia panggil gedak [alatan muzik untuk wayang kulit] untuk *main teri* [main puteri]. Sebab dulu, main puteri ini *dulu* [dahulu] dia tidak *pakai* [menggunakan] gendang ini, dia tidak *pakai* [menggunakan] gong. Ada canai [alatan muzik untuk wayang kulit] *takdok* [tiada] kesi. Dulu dia *pakai* [menggunakan] redak [alatan muzik untuk wayang kulit], dia panggil redak dengan batil. Redak ini lebih *kure* [kurang] dia bentuk *mace* [seperti] permainan dikir barat. Lebih *kure* [kurang] lah. Batil ini dia bulat, dia tembaga. Jadi *bare* [barang] tembaga ini dia payah *nak bunyi gegey* [hendak

berbunyi rancak] lah (pencerita membuat bunyi batil). Dia pakai rebat, tapi saya sempat belajar dengan Pok Sin ini untuk main rebat [alatan muzik wayang kulit], lagu-lagu teri itu dengan rebat alatan muzik wayang kulit]. Jadi saya *tak* [tidak] tahu *kata* [yang] dia boleh main Pak Lokan ini. Lepas pada itu baru saya dengar cerita *ore royat kata* [orang bagi tahu yang] dia boleh. Tapi *sayey la ni* [sayang sekarang ini], dia *takdok* [sudah tiada], dia *meninggal dah* [sudah meninggal], *nak belajar tok dey* [hendak belajar tidak sempat] .

- NA : **Adakah anak-anak Pak Lokan tidak mewarisi kesenian Pak Lokan ini daripada ayah mereka?**
- EN : Anak-anak dia ini, saya rasa *tok leh belako* [semuanya tidak boleh] (bunyi kenederaan di jalan). Dia Pak Lokan ini kalau- dia bercerita bukan dia *sore* [seorang]. Mungkin kalau negeri lain, dia panggil awang batil. Awang batil ini kan dia guna batil [alatan muzik] itu. *Pah tu* [Selepas itu] kalau di *Kelate* [Kelantan] ini, kalau penceritaan ini, lebih pada *sore* [seorang] ini dia panggil, ada *so* [satu] lagi parut selapik. Parut selapik ini dia guna rebat [alatan muzik], dia menyanyi. *Mace* [Macam] lagu *mokyong* [mak yong]. Lagu-lagu *mokyong gitu* [mak yong begitu], *pah tu* [selepas itu] dia bercerita, *pah tu* [selepas itu] dia menyanyi, *dale* [di dalam] cerita dia. *Dale* [Dalam] nyanyian dia pun ceritalah [cerita dalam nyanyian], itu selapik.

- NA : **Apakah nama ayah Encik Nizam?**
- EN : *Okay* [Baik], ibu bapa saya ini masih lagi- adanya ibu saya masih ada, ayah saya sudah meninggal. Nama ayah saya Halimah Binti Yusuf. *Sorry* [Maaf], nama ibu saya Halimah Binti Yusuf. Nama ayah saya Osman Bin Ali. Ibu

saya lah (bunyi derapan kaki pelawat) masih ada lagi. Tapi ayah saya sudah meninggal.

NA : **Adakah arwah ayah Encik Nizam jugak turut bergiat dalam bidang wayang kulit ini?**

EN : Dia *tak main* [tidak bermain] dulu. Saya ini sebenarnya cuculah.

NA : **Bolehkah Encik Nizam kongsikan latar belakang keluarga Encik Nizam? Dimanakah ibu Encik Nizam tinggal?**

EN : Asal- *memey* [memang] saya ini, keluarga saya *memey* [memang] asalnya semua daripada Kampung Morak [Tumpat, Kelantan, Malaysia] dan masih lagi menetap di Kampung Morak [Tumpat, Kelantan, Malaysia].

NA : **Adakah dari datuk sehingga ke Encik Nizam sendiri tinggal di Kampung Morak [Tumpat, Kelantan, Malaysia]?**

EN : Memang bertempat situlah, ada tanah situ, buat rumah pun situ.

NA : **Berapakah bilangan ahli adik-beradik Encik Nizam?**

EN : Adik-beradik saya ada *enam* [6] orang.

NA : **Encik Nizam anak yang ke berapakah?-**

EN : Dalam *enam* [6] orang ini yang lain semua cikgu, saya *sorang ja dak* [seorang sahaja tidak].

- AH : **Encik Nizam anak ke berapakah?**
- EN : Saya anak yang *ketiga* [ke-3].
- NA : **Adakah kesemua enam beradik Encik Nizam tinggal di Kelantan atau ada yang tinggal di luar Kelantan?**
- EN : Ada *hok cikgu-cikgu itu duduk luar lah* [yang bekerja sebagai guru tinggal di luar negeri]. *Ada hok duduk luar sore* [seorang adik saya tinggal di luar negeri], adik saya *hok* [yang] bongsu, *dok* [sedang] mengajar di *SK Loroh Bilok, Pahang* [Sekolah Kebangsaan Felda Lurah Bilut, Bentong, Pahang, Malaysia]. Yang *kedua* [ke-2] bongsu perempuan *duduk* [tinggal] di- mengajar di *Sekolah Kroh, dalam di Pengkalan Hulu, Perak* [Sekolah Kebangsaan Kroh, Pengkalan Hulu, Perak, Malaysia]. *Lepah tu* [Selepas itu], *hok sore lagi dok mengajar di sekolah Chabang Empat, Tumpat* [seorang lagi mengajar Sekolah Menengah Kebangsaan Chabang Empat, Tumpat, Kelantan, Malaysia]. *Lepah tu, hok sore lagi tu dok mengajar di SK Bachok* [Selepas itu, yang seorang lagi sedang mengajar di Sekolah Kebangsaan Bachok, Kelantan].
- NA : **Bolehkah Encik Nizam berikan nama dan umur adik-beradik Encik Nizam?**
- EN : Nama itu boleh lah, tapi kalau umur saya *tak* [tidak] ingat. (penemubual memberi izin kepada pencerita unituk memberitahu nama sahaja). Nama kakak saya *hok* [yang] sulung Nuraini. Yang *kedua abe* [ke-2 abang] saya Mohamad Razali, adik saya, perempuan mengajar di *SK Bachok itu* [Sekolah Kebangsaan Bachok. Kelantan, Malaysia itu], Zurina. Munirah bersama

Durati dan *hok* [yang] bongsu itu Munirah, *hok dok ngajar di SK Luruh Bilut* [yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Felda Lurah Bilut, Pahang, Malaysia].

- NA : **Adakah semua adik-beradik Encik Nizam sudah berkahwin dan mempunyai anak?**
- EN : *Hok bongsu tak kahwin lagi, hok* [Yang bongsu tidak berkahwin lagi, yang lain sudah berkahwin.
- NA : **Sejak dari umur berapakah Encik Nizam mula bergiat dalam kesenian wayang kulit iini?**
- EN : Saya sebenarnya *kalu* [kalau] kata mula bergiat sebagai- *dale* [dalam] wayang kulit ini umur saya *dua belas tahun* [12 tahun] dalam saya darjah *enam* [6] tu [begitu] saya *main dah* [sudah main] (penemubual menyampuk perbualan pencerita). Tapi saya tidak bermain wayang kulit lah, saya bermain alat muzik ja pada masa itu. Lebih kurang dalam tahun *dua ribu* [2000], saya main sebagai *seore tok dale* [seorang tok dalang] lah. Tapi sebelum pada itu saya bermain alat muzik lah.
- NA : **Sudah berapa tahunkah Encik Nizam bermain wayang kulit ini?**
- EN : Saya *tak ingat dah lah tahun* [sudah ingat tahun bila]. (Penemubual menerangkan kepada pencerita). Saya *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tahun *lapan puluh lima* [1985] (penemubual cuba mengira tahun). Kalau *la ni empat puluh sembilan, dua belas, tiga puluh itujuh- tiga puluh itujuh tahun* [sekarang saya 49 tahun (tolak 12 tahun), jadi 37 tahun]. Tapi tahun *dua ribu*

[2000] lah saya mula main sebagai *seore tok dale* [seorang tok dalang], *dulu* [dahulu] saya main alat muzik. (Bunyi derapan kaki pelawat).

- NA : **Apakah yang membuatkan Encik Nizam hendak bermain wayang kulit ini?**
- EN : Dia buat saya main wayang kulit ini *memey* [memang] saya *nak* [hendak] (penemubual menyampuk perbualan pencerita) menghidupkan seni kebudayaan ini. (Penemubual cuba memberi ayat kepada pencerita). Dalam wayang kulit lah saya *nak* [hendak]- dari kecil itu *memey* [memang] saya *sajo-sajo* [saja-saja], suka-suka itu arwah datuk saya ini main wayang kulit macam *tu la* [itulah] dia. Tapi bila, lama-kelamaan saya tengok- kalau *la ni* [sekarang ini] pun macam kampung-kampung pun *dok tengok* [saya lihat], kalangan anak-anak muda *hok* [yang] buat, *hok* [yang] belajar main alat muzik ka, main *waye* [wayang] kulit sendiri pun, sekarang *ini* pun memang macam *tak* [tidak] ramai. Jadi, saya cuba hidupkan balik. Buat balik biar, budak-budak ini belajar balik. Tapi Alhamdulillah *lo ni* [sekarang ini], di apa ini- di uiniversiti-uiniversiti pun *mace* [macam], di *UPSI Tanjung Malim* [Uiniversiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak, Malaysia], *UiTM Shah Alam* [Uiniversiti Teknologi MARA Shah Alam, Kuala Lumpur, Malaysia], *pahtu ASWARA* [selpas itu Akademi Seini Budaya dan Warisan Kebangsaan, Kuala Lumpur, Malaysia] sendiri, *pahtu di USM Pulau Pinang* [selepas itu di Uiniversiti Sains Malaysia Pulau Pinang, Malaysia] pun ada lah, macam kokurikulum untuk belajar wayang kulit, *mokyong* [mak yong], persembahan-persembahan kebudayaan *ni memey* [ini memang] di uiniversiti-uiniversiti pun *lani* [sekarang ini] pun ada lah dan dulu pun saya

pernah ditawarkan untuk menjadi pensyarah di *UiTM Shah Alam* [Uiiversiti Teknologi MARA Shah Alam, Kuala Lumpur, Malaysia], tapi *dah* [disebabkan] ada kontrak saya pun tolak, sebab saya *duduk* [tinggal] sini, saya tetap berpencen. Dan kalau saya bekerja ini kalau sambung kontrak *takpa* [tidak mengapa], tapi kalau *taik* [tidak] sambung kontrak, saya balik sini kerja pembantu pulak, *gapo* [apa] dia (penemubual ketawa dan mengiyakan pencerita).

**NA : Adakah isteri Encik Nizam memang memberi sokongan kepada Encik Nizam dalam kesenian ini?**

EN : Isteri saya ini sebenarnya dari segi sokong itu, dia *taik sokong* [tidak menyokong]. Tapi dia tidak menghalang lah kalau saya *nak* [hendak] main wayang kulit ini dia, sebab saya tidak membuat benda salah, saya pun bukan kata *gi berbini sore* [pergi berbini seorang lagi] lagi (penembual ketawa). Kalau *gi bini sore lagi memey* [pergi berbini seorang lagi memang] dia marah la. Alamat *taik* [tidak] naik atas rumah la saya. *La ni* [Sekarang ini], nak kata dia sokong itu, tidak lah sokong. Tapi dia juga tidak menghalang, *taik* [tidak] marah lah. Main wayang kulit, asalkan benda itu buat dengan cara yang betul, *okay bereh* [tiada masalah]. (Bunyi derapan kaki pelawat)

**NA : Adakah sepanjang tiga puluh tujuh tahun Encik Nizam bergiat dalam wayang kulit ini, pernahkah Encik Nizam mendapat apa-apa anugerah?**

EN : (Bunyi derapan kaki pelawat di tingkat atas muzium). Saya buat masa sekarang ini tidak menerima anugerah. Belum lagi, anugerah dari mana-mana, jabatan mana-mana agensi kerajaan pun saya belum ada menerima lagi.

Tapi kalau dari segi bentuk pertandingan, saya pernah menjadi johan tukang karut macam dikir barat saya pernah jadi *dua tiga* [2, 3] kali sebagai tukang karut terbaik. *Lepah tu* [Selepas itu] dalam wayang kulit pun saya pernah--

NA : **Adakah semua itu diperingkat negeri?**

EN : Peringkat negeri, peringkat kebangsaan. Tapi kalau anugerah ini, daripada kerajaan persekutuan, ataupun kerajaan mana-mana jabatan, saya belum terima lagi lah.

NA : **Bagaimakah penerimaan keluarga Encik Nizam kerana bapa Encik Nizam tidak bergiat dalam keseinian wayang kulit ini?**

EN : Keluarga saya *tak dak* [tiada] masalah

NA : **Adakah disebabkan oleh belajar dari datuk Encik Nizam sendiri?**

EN : Ha, (derapan kaki pelawat) sebab benda ini dia memang macam permainan keluarga. Daripada keturunan. Sebenarnya, macam ibu bapa saya, adik beradik saya pun *okay* [baik] ja, *tak dak* [tiada] masalah.

NA : **Dimanakah tempat pertama kalinya Encik Nizam membuat persembahan wayang kulit?**

EN : Pertama sekali- sedikit ceritalah mengenai ini. Dulu saya ini lebih kepada pemain muzik, wayang kulit. Pada satu ketika ada, berkumpulnya anak-anak muda untuk- ada *saing-saing* [rakan-rakan] saya ini dia teringin *nak* [hendak] belajar. Dia pukul, budak-budak kampung ini saya ada lagi *dua tiga* [2 3] orang *hok* [yang] pandai ini *gi ngajar* [pergi mengajar]. Mengajar *diorang*

[mereka] ini main wayang kulit. *Pah tu* [Selepas itu] ada la *hok sore itu hok nak jadi tok dale* [yang seorang itu, yang hendak menjadi tok dalang] ini. Jadi bila dia main, dia belajar lebih *kure* [kurang]. Saya ini pula, dia lebih kepada mengajar muzik lah. Jadi ada *sore* [seorang] ini tok dalang, dia kata “*tak leh* [tidak boleh] main aku. Memang aku *tak* [tidak] pandai” orang lain pulak masuk main jadi tok dalang ini. Dia pun kata “saya pun *tak leh* [tidak boleh]” dia kata, dia *tubit* [keluar]. *Lepah tu* [Selepas itu], kata dengan tuan rumah tempat *hok dok* [yang selalu] belajar itu. Dia kata “kalau *nak main lagu ni gak* [kalau hendak bermain begini juga], *tak yah dok* [tidak payah] belajar la. *Berenti* [Berhenti] lah malu kat *ore dok* [orang bunyi] gong geng gong geng (pencerita melakonkan sambil bercerita) malam *dok* [tidak] tahu pukul berapa dia kata hasilnya *takdak* [tiada].”

**NA : Siapakah tuan rumah yang Encik Nizam selalu bermain?**

**EN :** Tuan rumah itu nama dia Wak Isa. Wak Isa itu sekarang ini pun masih ada lagi, dan dia *lah ore* [ialah orang]- kalau saya main persembahan wayang kulit mana-mana, dia lah main alat muziknya, serunai (penemubual mengulang bicara pencerita). Jadi Wak Isa ini kata “kalau *nak* [hendak] main wayang kulit, main *molek* [betul-betul]. Kalau *nak* [hendak] main *lagu ni bo* [begini, tidak usah] main, malu *kat ore* [dengan orang]” *pah tu* [selepas itu] saya pun ambil keputusan kata *gini* [begini] lah “payah-payah biar aku sendiri lah main, biar aku jadi tok dalang.” Situ lah bermulanya saya jadi tok dalang dan saya berlatih *dua malam* [2 malam], terus saya buat persembahan di- kali pertama saya buat persembahannya adalah di Gelanggang Seni, Kota Bharu [Kelantan, Malaysia]. Di situ mula-mula tempat saya buat persembahanlah.

Saya berlatih *dua malam* [2 malam], *pah tu* [selepas itu] terus saya buat persembahan.

**NA : Adakah Encik Nizam ada mendapat jemputan dari negeri-negeri luar selain Kelantan?**

**EN :** Kalau jemputan ini memang rata-rata lah saya *gi nya* [pergi]. Dalam Malaysia ini (derapan kaki pelawat) memang semua negeri lah Johor- memang *rata* [dimerata] lah. Kalau luar negara itu saya pernah pergi ke Indonesia, Thailand, Jepun, *Philiphine* [Filipina] dan yang terbarunya Jepun. *Lepah tu* [Selepas itu], *hok* [yang] mula-mula saya *gi* [pergi] main wayang kulit di luar ini di Turki, tahun *dua ribu satu* [2001] (suara pelawat kanak-kanak mejerit) kalau *tak* [tidak] silap saya, saya pun *tak* [tidak] ingat.

**NA : Adakah wayang kulit mendapat sambutan di peringkat antarabangsa?**

**EN :** Dia sebenarnya persembahan macam wayang kulit ka (derapan kaki pelawat) *gapo dia pun* [apa sekalipun], kalau kita pergi ini memang dia ada sambutan lah, kita buat persembahan itu. Kadang-kadang itu macam saya *gi* [pergi] di Turki dulu, kita buat persembahan atas jalan raya dia panggil Minggu Kebudayaan Bergerak, *gitulah* [begitulah] lebih *kure* [kurang] kalau bahasa kita, Bahasa Kelantan kita. Bergerak maksud dia ini kita buat persembahan kita ini *tak* [tidak] tetap, *tak dak* [tiada] pentas tetap dalam persembahan ini. Kita buat persembahan kita dalam pukul *lapan pagi* [8 pagi], kita buat persembahan sini, kita jalan dengan kita *palu* [main] alat muzik wayang kulit itu. Kita jalan, sampai *satu* [1] tempat dia *tetap dah* [sudah menetapkan], tempat mana-mana kita buat persembahan atas jalan raya *gitu ja* [begitu

sahaja]. Berhenti situ, jalan-jalan lebih *kure* [kurang] dalam setengah jam [1/2 jam], kita berhenti situ kita buat persembahan pulak sekali lagi, *pah tu* [selepas itu] kita jalan pulak biar setengah jam [1/2 jam], berhenti mana-mana pulak, kita buat persembahan pulak situ lebih *kure* [kurang] dalam *lima minit* [5 minit]. *Okay relax* [Baik, rehat]. Malam *kare* [nanti] pulak. *Male kare* [Malam nanti] dia buat persembahan di lain pulak, di pasar lain *pulak* [pula], di bandar lain *pulak* [pula]. Dia panggil persembahan Minggu Persembahan Kebudayaan Bergerak, saya pun *tak* [tidak] ingat, *gitu lah lebih kurennya* [begitulah lebih kurangnya]. Minggu Kebudayaan di Turki. Ha masa itu saya *dua ribu satu* [tahun 2001] kalau *tak* [tidak] silap saya

- AH** : **Bagaimakah persembahan wayang kulit dimainkan kerana dia masih memerlukan kain rentang dan lampu?**
- EN** : Kalau siang hari *tok leh nak main* [tidak boleh hendak bermain] (penemubual menyampuk perbualan). Boleh, (bunyi derapan kaki) kalau main siang hari kita *pakai* [guna] dalam dewan. Dalam dewan boleh, tutup-tutup lampu ini lah. *Bereh lah* [Habislah].
- AH** : **Bagaimakah Encik Nizam memainkan wayang kulit semasa di Turki yang lepas?**
- EN** : Itu dialek persembahan itu lebih kepada bayanglah. Kita buat persembahan, kalau kita letak kelir itu, tapi *ore nengok gitu- buke kata ore nengok depan* [orang tengok begitu- bukan kata orang tengok depan], tengok belakang, keliling la *ore* [orang] tengok (penemubual mengiyakan). Bentuk persembahan. Jadi seolah-olah macam promosi lah. *Lepah tu dia oyak la kan*

[Selepas itu dia bagi tahu la kan], ada *seore* [seorang] pakcik itu lah, pengacara dia. Dia pun kata “*okay* [baik] ini persembahan adalah demonstrasi persembahan wayang kulit, *untuk nak* [ingin] menyaksikan persembahan penuh datang ke pentas ini malam ini, malam ini, pukul berapa, pukul berapa. [merujuk kepada masa persembahan]” Jadi malam *tu ore akan gi* [itu orang akan pergi] lah, mana pentas tempat dia *oyak* [bagitahu] itu. Sebab *kat* [di] mana setiap kali kita *gi* [pergi] buat persembahan di jalan-jalan buat persembahan seolah macam *gapo eh* (penembual menyampuk perbualan pencerita), *ngepenglah* [apa ya, iklanlah]. Begitu. Faham *tak ngepeng itu gapo* [tidak iklan itu apa] dia? (Penemubual menjawab soalan pencerita). Itulah *hok saya oyaknya* [yang saya bagitahunya]. Promosi lah. Itu awak *kecek* [cakap] dengan saya, kalau *gi jupo* [pergi jumpa] dengan tok dalang-tok dalang *hok awak nak gi* [yang awak hendak pergi] temu ramah, kalau dia *kecek* [cakap] pasal wayang kulit lagi lah awak *tak* [tidak] faham. (Penemubual dan pencerita bercakap di luar topik). *La ni* [Selepas ini] bahasa Kelantan ini dia bahasa antarabangsa di Malaysia. Kalau *gi* [pergi] negeri mana-mana pun kalau kita *kecek* [cakap] Kelatan *ore akan paham jugak* [orang akan faham jugak]. (Cakap luar topik).

- NA : **Adakah Encik Nizam hanya belajar bermain gendang sahaja dalam persembahan wayang kulit ini?**
- EN : Saya mula-mula belajar, saya belajar main canang [alatan muzik wayang kulit]. *Lepah tu* [Selepas itu] kesi. Dia ada peringkat-peringkat, kalau *dah kita* [kita sudah] pandai main canang [alatan muzik wayang kulit] ini, kita pun bermain kesi [alatan muzik wayang kulit], *lebah tu* [selepas itu] kita boleh

main gong. Tapi sekarang ini, saya boleh main semua alat muzik kecuali serunai. Serunai memang saya *tak* [tidak] boleh. Tapi kalau alat muzik lain, bolehlah. Gendang ka, gong ka, geduk ka, *gapo ka* [apa pun], saya boleh. Tapi kalau serunai memang saya *tak* [tidak] boleh.

**NA : Adakah bermain serunai ini susah?**

**EN :** Tidak susah sebenarnya, tapi saja saya *tak* [tidak] belajar. Kalau susah jugak *takkan ore* [tidak akan ada orang] boleh tiup. (Penemubual mengiyakan dan berceloteh dengan pencerita). Benda itu sebenarnya teknik *ja* [sahaja], cara kita. Ini saya *nak* [hendak] bagi petua ke awak, kalau awak *nak* [hendak] belajar serunai. *Okay* [Baik], straw untuk sedut air, ambil straw itu, tekan dia punya hujung itu, lubang itu dia jadi sempit sikit. Okay, awak ambil air (suara kanak-kanak di dalam muzium), ambil straw itu masuk dalam air, awak tiup straw itu, awak carilah cara *setero* [bagaimana pun] mana pun, formula awak *nak* [hendak] buat, biar buih itu akan sentiasa naik. Bila awak tiup buih itu *dah* [sudah] naik. Contohnya, kalau awak tekan awak punya straw itu luas. Kadang-kadang bila kita tiup itu dia akan jadi, apani- putus la. Buih tak naik. Bagi la dia sempit sikit, awak kira- awak pun boleh tiup. Boleh tiup itu, macam mana cara dia *nak* [hendak]- buih itu *nak* [mesti] bagi naik. *Lepas tu* [Selepas itu] kita *nak* [hendak] bernafas. Kita nak *nyawo*, *nak buat gano* [nyawa, hendak buat bagaimana]. Kita kena fikir *gitu* [begitu]. Bila awak tiup (pencerita melakonkan semula cara meniup straw di dalam air), kadang itu awak kena- sempit straw itu, kita kena simpan dalam ini angin ada. Bila ada angin pipi kita ini jadi kembung. Kita pun angin *hok* [yang] kembung ini dia tiup keluar dan kita sedut. Angin nafas kita- ikut apa ini- hidung. Kita akan

beri tukar, kalau awak buat, awak belajar sungguh, saya ingat-. Saya dulu, saya memang *tak* [tidak] pandai, *lebah tu* [selepas itu] bila saya tahu petua ini, saya buat, saya *ambil* [ambil] masa belajar dalam *sepuluh minit ja* [10 minit sahaja]. Memang saya boleh buat. Serunai saya boleh tiup, tapi saya *nak buat lagu-lagu, itu yang tak bolehnya* [hendak buat lagu-lagu, itu yang tidak bolehnya] (penemubual mengiyakan pencerita). Boleh, bukan *tak* [tidak] boleh tapi *tak* [tidak] sedap lah. *Gitu lah* [Begitulah]. Saya mulanya daripada kesi, canang [alatan muzik wayang kulit]. *Lepah tu* [Selepas itu], sekarang ini saya boleh main semua alat muzik kecuali serunai.

**AH : Bagaimanakah bentuk kesi itu?**

EN : Kesi besi yang *dua* [2] itu, yang kepala cing, cing cing (pencerita melakonkan semula cara memalukan canang daripada besi). (Penemubual mengiyakan). Kalau buat canang itu, dia besi jugak tapi yang kalau bunyi tong teng, tong teng (pencerita melakonkan semula cara memalukan canang daripada besi).

**NA : Adakah Encik Nizam ingin anak sulung Encik Nizam mewarisi wayang kulit ini?**

EN : Sekarang *ini* [ini], anak saya yang sulung itu, dari segi kebolehan dalam persembahan kebudayaan ini, memang dia lebihlah. Lebih dialah berbanding saya. Sekarang ini memang dia dah kira- semua alat muzik dia boleh main, semua persembahan ini dia boleh main. Kalau dalam wayang kulit dia boleh jadi tok dalang, dia boleh main semua alat muzik, serunai pun dia boleh. Dalam persembahan *mokyong* [mak yong] dia boleh main rebat, dia boleh menyanyi, dia boleh bergendang. Kalau persembahan dikir barat dia pernah

jadi belas belas kali juara unituk pertandingan-pertandingan terbaik dalam pertandingan-pertandingan dikir barat peringkat kebangsaan, peringkat negeri. Johan pertandingan nyanyian, dikir barat. Johan pertandingan karaoke. Dulu dia pernah rancangan Mentor [rancangan program realiti di TV3]. Dia masuk Mentor, Mas Idayu dia punya mentor. Bila datang sini buat uji bakat, dia terpilih. Bila pergi ke Kuala Lumpur dalam sesi temuduga *gini-gini* [yang seterusnya], dia ini tidak mahir Bahasa Inggeris (reaksi penemubual). Ha itu memang dia *reject* [tolak]. *Itu* [Iitu] saya cakap tadi (penemubual menyampuk perbualan pencerita), dalam apa-apa kerja sekali pun, kalau *tak* [tidak] pandai *kecek orang putih* [cakap Bahasa English] memang *out* [terkeluar]. Dari segi suara, Mas Idayu *memey* [memang] dia nak lah. Tapi kerana dia *tak* [tidak] pandai *kecek orang putih* [cakap Bahasa English], *out* [terkeluarlah]. (penemubual berbasa basi)

- NA : **Adakah sekarang ini anak sulung Encik Nizam itu belajar dengan Encik Nizam sendiri atau bagaimana?**
- EN : Dia boleh dikatakan dia belajar dengan saya sendiri pun ada, nak kata dia belajar dengan orang luar pun ada. Tapi dia ini lebih- dia ini mudah pandai sebenarnya. Kalau- saya pun hairan juga dengan bakat dia ini- dia tidak belajar tapi dia ini lebih pandai meiniru. Bila, kadang-kadang kita *dok* [sedang] belajar, kita buat *satu* [1] bengkel, belajar. Contohnya untuk wayang kulit la kata, dia *tak* [tidak] belajar, dia dengar ja, tengok dia *dok* [tidak] belajar palu, ajar orang ini main macam ini, orang ini main macam ini [cara bermain wayang kulit yang berbeza oleh tok dalang], dia tengok saja. *Habih* [Habis] bila kita *nak main* [hendak bermain], kita nak buat *satu* [1]

persembahan kita *tak* [tidak] cukup *ore* [orang], cari *ore* [orang] ini, ajak *ore* [orang] ini. Kata “mari, biar saya *palu* [pukul] lah” kata “bolehkah?” “ha boleh. Cuba lah” tapi kata dia *tak leh* [tidak boleh] main, dia *palu* tengok-tengok boleh. Sedangkan memalu- dia *palu* [memukul] ini lebih baik dari *ore hok dok* [orang yang tengah belajar] itu. Ha itu kelebihan dia. Macam, main rebat [alatan muzik wayang kulit] dia *tak* [tidak] belajar, dia tengok ja *ore* [orang] main rebat, sekali dengan kemudahan-kemudahan la ini, macam internet ka *gapo* [apa] dalam google, youtube ini ada. Kalau dia dok main rebat [alatan muzik wayang kulit] ini, dia tengok cara petik jari, apa ini lagu *gini-gini* [sebegini]. Dia tengok, (suara pelawat kanak-kanak) dia tiru. Dia tiru, dia buat *cari-cari* [carian], boleh. Itu kelebihan dia. (pencerita berbasa basi sementara menunggu suara pelawat perlahan)

- NA : **Adakah Encik Nizam mengalakkan dia terlibat dalam keseinian ini?**
- EN : Saya juga tidaklah menghalang dan saya galakkan dia sebab benda ini saya fikir, (suara pelawat kanak-kanak) daripada dia *tak dak* [tiada] kerja, dia *tak mintak* [tidak minta] kerja, tapi orang tawar kerja ke dia kerana kebolehan dia main alat muzik *hat sat* [tadi] ini. Dia juga, kemungkinan dengan bakat dia tawar kerja. JKKN [ Jabatan Kebudayaan Keseinian Warisan] tawar kerja ke dia kerana bakat dia, bukan kerana sijil, bukan kerana sapa-sapa, *dak* [tidak]. Masa dia *gi* [pergi] temuduga mintak kerja itu pun, dia beri resume, sijil *gapo* [semua], fail. Orang temuduga kata “saya *toksey* [tidak mahu] tengok sijil.” Mana-mana *ore mari mintak* [orang datang minta] kerja semua ada sijil. “saya nak tengok *la ni* [sekarang iini] bakat awak. Awak nampak serunai itu” dia kata “kat atas meja, nampak rebat alatan muzik wayang kulit] itu.”

“Nampak.” “Okay, awak *gi* [pergi] main serunai, awak main rebat [alatan muzik wayang kulit]. Awak boleh main serunai, boleh main rebat saya bagi kerja.” Ambil main (pencerita meiniru gaya muzik dimainkan). “*Okay* [Baik], tunggu *tiga bulan* [3 bulan] saya panggil *pulak* [semula].” Ha itu nak *oyaknya* [bagitahunya], kelebihan dialah. Dia boleh kerja kerana bakat dia, dia *tak* [tidak] perlu sijil. *Kiro* [Kira] sijil itu *memey* [memang]- kena ada sijil- tapi dia- walaupun ada sijil- tapi *hok* [yang] mana *gi* mintak [pergi minta] kerja semua ada sijil. Baru *tubit U* [keluar uiniversiti], semua ada ijazah *hok ni* [yang ini] baru boleh kerja, *hok ni tak* [yang ini tidak] boleh kerja. Ha, dia ada sebab dia. Pertama *kali* [sekali] dia, rezeki. Kita *tak* [tidak] boleh menafsi itu rezeki dari Tuhan, tapi kelebihannya *gapo* [apa] dia, kerana bakatlah. Awak kena ingat, awak kerja *ngaji* *U la ini pun* [belajar uiniversiti sekarang ini pun], saya *nak ingat* [hendak ingatkan] awak (suara pelawat bercakap) macam saya ini *sepuluh* [10] tahun, *berpengalaman dah* [sudah berpengalaman]. Awak kalau *tubit U* [keluar uiniversiti], awak *nak* [ingin] kerja payah (penemubual mengiyakan) saya nasihatkan awak- ini kita *kiro* [kira] keluar dari tajuk lah (keluar tajuk menceritakan mengenai bakat keseinian dan suka yang perlu ada). Awak *kena* [mesti] belajar salah *satunya* [1 nya] sama ada kebudayaan atau sukan, dalam sijil awak. Awak kena pandai, sebab saya pernah dengar pegawai, dia juru temuduga *ore* [orang] ini. Ada *sore* [seorang] itu dia tanya “awak sijil, awak *ngaji* [belajar] mana?” *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan] la contohnya, dia tengok sijil (bunyi gangguan kenderaan di luar muzium) “Okay selain daripada kelayakan awak *hok* [yang] ada dalam ini *gapo dio hok* [apa lagi yang] awak boleh main. “Dikir barat boleh?” “Tak boleh.” “Sukan *gapo dio hok* [apakah yang] awak boleh main?” “Tak boleh.”

Jadi *tak apa* [tidak mengapa] terima kasih, kalau saya perlukan awak, saya hubungi. *Okay* [Baik], kesimpulan saya *nak oyaknya* [yang saya nak cakapkan], *la ni* [sekarang ini] kerja dengan kerajaan, contohnya di muzium. Di muzium ini dia ada macam Hari Muzik Antarabangsa dia panggil. Bila Hari Muzik Antarabangsa, di dalam Hari Muzik Antarabangsa itu dia ada pameran, kita ada macam-macam, seminar, ada bengkel, ada persembahan kebudayaan, ada sukan. *Okay* [Baik], jadi bila kita *ambil* [ambil] kerja dikalangan muzium ini *orenya* [orang yang] ada kebolehan dari segi sukan, ada kebolehan dari segi kebudayaan dalam bidang kebudayaan. Bila ada hari muzium kita *tak* [tidak] perlu kerja luar, kita boleh ambil kakitangan muzium ini untuk buat main sukan ataupun (suara kanak-kanak bercakap) untuk buat persembahan. Kalau dalam muzium ini *tak dak ore* [tiada orang] dalam bidang sukan, *tak dak ore hok* [tiada orang yang] boleh main dalam kebudayaan, kita terpaksa kena *import ore* [ambil orang] luar *pulak* [pula] untuk buat persembahan kita ini. Berapa *pulak* [pula] kos muzium kena bayar kepada ahli sukan dengan ahli kebudayaan *hok* [yang] kita pinjam ini. *Hok tu saya nak oyak* [Yang itu saya hendak tegaskan] ke awak, awak belajar, (suara pelawat kanak-kanak) lain kata, kalau *gapo dio* [apakah] dikir barat ini, *gapo dio* [apa] main huwahuwa [melakonkan sambil bercerita] *gitu* [begitu] (penemubual ketawa), contohnya dalam ini. Awak belajar sebabnya *lo ni* [sekarang ini]-, macam awak *tino* [perempuan] ini tidaklah kata dikir barat, *hok tu lah gapo dio* [itulah apanya] (penemubual mengiyakan). Sukan kah, biar awak boleh main badminton kah, kalah Lee Chong Wei. (Penemubual ketawa dan berseloroh dengan pencerita). Ha sebab itu bila *sot nilah* [hal beginilah], kalau ada hari-hari sukan ini, jabatan-jabatan ini, dia *tak* [tidak]

perlu pinjam luar. Macam di muzium, boleh dikatakan *sembilan puluh peratus* [90%] kakitangan muzium ini ada- boleh main dari segi kebudayaan dan juga sukan. Persembahan kebudayaan ini, muzium ini kita ada persembahan silat, wayang kulit, dikir barat. Boleh *gak* [juga], kakitangan muzium ini boleh dikir, boleh main wayang kulit, boleh- dan kita pernah buat persembahan di rata, di Pulau Pinang. *Ore* [Orang] Muzium Pulau Pinang panggil kita, kita *tak* [tidak] pergi sajalah, saya *gi* [pergi] Pulau Pinang kadang-kadang panggil kita buat persembahan. Jadi maknanya, dari segi kebolehan kita, macam *sat* [tadi] ini, sijil semua *ada dah* [sudah ada], tapi *gapo dio* [apa dia] kelebihan lagi, kelebihan *hok* [yang] istimewa dari kita *nak mintak dia ambik* [agar dia ambil] kita kerja.

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: WAYANG KULIT**

**NA : Apakah sebenarnya yang dikatakan kesenian wayang kulit itu?**

**Adakah sekadar pengajaran atau hiburan pada ketika dulu?**

**EN :** Terlebih dahulu saya (suara pengunjung kanak-kanak) ceritakan sedikit sejarah wayang kulit. (perbincangan antara penemubual dan pencerita) Asal usul dan cerita wayang kulit?- (suara pengunjung kanak-kanak) Wayang kulit ini- saya bagi asal usul dulu wayang kulit. Mengikut kajian yang saya buat tahun *dua ribu lima belas* [2015], *dua ribu empat belas* [2014] saya buat kajian di- (suara pengunjung kanak-kanak) Selatan *Thai* [Thailand], di Indonesia. Di Indonesia, tiga tempat. Di Indonesia, di Jakarta, di Muzium Wayang di Jakarta [Indonesia], *lepas* [selepas] itu di- perkampungan Pergendangan Wayang di Bandung [Indonesia]. *Lepah tu ado* [Selepas itu ada] satu lagi saya tidak ingat apa nama tempat itu juga di Bandung- *lepas* [selepas] itu di Vietnam. Bila saya buat kajian, saya buat satu rumusan daripada kajian yang saya buat ini, daripada cerita-cerita yang dibaca daripada buku-buku, tulisan-tulisan, penulis-penulis lama contohnya seperti *Ustaz Abdullah Nakula* [Abdullah bin Mohamed dikenali sebagai Nakula], Professor Bulan Syawal- Wayang kulit ini sebenarnya adalah berasal daripada Indonesia. *Okay* [Baiklah]. (pengulangan ayat yang sama) Terciptanya wayang kulit- *okay* [baiklah]. (pengulangan ayat yang sama) Terciptanya wayang kulit ini mula-mulanya- wayang kulit ini dicipta oleh Wali Songgo. *Beso* [Pernah] dengar Wali Songgo? (penemubual menjawab soalan pencerita) Di Indonesia, Wali Songgo ini adalah wali sembilan- dia ada sembilan wali tapi yang mencipta wayang kulit ini adalah Sunan Kali

Jaga. Sunan Kali Jaga ini, dia seorang pendakwah, wali ini seorang pendakwah yang berdakwah agama Islam di Indonesia. Sunan Kali Jaga ini dia- masa itu di Indonesia, kebanyakkan *hok* [yang] di Indonesia masa itu nya dia menganut agama Hindu dan juga Buddha. (pengulangan ayat yang sama) Masa itu lah di Indonesia. Jadi Sunan Kali Jaga ini dengan *saing-saing* [kawan-kawan] (pengulangan ayat yang sama) (suara pengunjung) dia ini cuba berdakwah *Ugama Isle* [Agama Islam] di Indonesia pada masa itu. Bila dia berdakwah, dia mendapat tentangan- biasalah, kita orang berdakwah nak sebar benda *molek* [baik] ini bukan kata semua orang setuju, *kade-kade* [kadang-kadang] itu ramainya orang *hok* [yang] tidak setuju lah sebab, tambah-tambah lagi melibatkan *ugama* [agama]. Jadi Sunan Kali Jaga ini bila dia *gi* [pergi] berdakwah, (pengulangan perkataan yang sama) dia panggil orang, mari ramai-ramai, bila dia berdakwah (pengulangan perkataan yang sama)-- Hari ini- malam ini ada *sepuluh ore* [10 orang], malam esok ado *tujuh ore* [7 orang], (suara pengunjung kanak-kanak) malam lusa ada *lima ore* [5 orang], *pah* [selepas itu] malam *ngelah-ngelah* [terakhir] tinggal *tak dok* [tidak ada orang], *ngelah-ngelah* [terakhir] sekali tinggal dia *sore* [seorang]. Jadi dia pun terpikir, cari *idea* [jalan penyelesaian] (suara pengunjung kanak-kanak) cara mana dia nak buat- orang Hindu, orang Buddha *mari* [datang] dengar *hok* [yang] dia *duk* [sedang] berdakwah- (pengulangan perkataan yang sama) nak menyebar *Ugama Isle* [Agama Islam]. Dia pun *tera* [cuba] fikir- dakwah ini- orang Buddha, orang Hindu ini dia lebih percaya kepada patung. Betul *dok* [tak]? (penemubual mengiakan) Orang Hindu dia sembah patung, orang Buddha pun dia sembah patung. Wali Songgo, Sunan Kali Jaga ini dia terfikir, *dio kato dio nok buat patung* [dia

kata dia nak buat patung] (pengulangan perkataan yang sama) *supayo* [supaya]- *oghe* [orang] Hindu, *oghe* [orang] Buddha tengok tertarik dengan patung *hok* [yang] dia buat ini, *oghe pung gi denga gapo dio* [orang pun pergi dengar apa dia]- *buke nok suruh oghe semboh woye kulit tapi dio nok mengguno ke woye kulit* [bukan nak suruh orang sembah wayang kulit tapi dia nak menggunakan wayang kulit] itu untuk menyebarkan *Ugamo Isle* [Agama Islam], *maso* [masa] itu. *Okey* [Baiklah], Sunan Kali Jaga ini buatlah patung wayang kulit, *dio* [dia] buat patunglah *buke woye kulit* [bukan wayang kulit]. *Merupake* [merupakan] patung mengikut *cito asalnya buke* (penggunaan perkataan yang sama) *daripado* [cerita asalnya bukan daripada] kulit lembu ataupun kulit kambing, *buke* [bukan] dari bentuk *woye kulit* [wayang kulit] seperti *ye ado loni* [yang ada sekarang] lah, *dio asal-asalnya* [dia pada asalnya], mengikut *dulunyo dio bente* [dahulunya dia bentang] satu kain, putih *dio* [dia] panggil *kelir* [layar putih berbentuk empat segi] itu, *letok lapu* [letak lampu]- *buke lapu letrik* [bukan lampu elektrik] lah, *kalu jame* [kalau zaman] dahulu *gak* [maksudnya]- *pelito mace* [pelita macam] itu lah (penemubual mengiakan) *kito kato key* [kita katakan]. *Dio pung* [Dia pun] ambil pohon beringin, pohon pokok beringin, *buke* [bukan] lah sepokok pohon beringin itu- ranting lah, ranting pohon beringin itu dio *letok depe* [letak dihadapan] itu, dengan *cahayo lapu* [cahaya lampu], dia *menggerok key* [menggerakkan] pohon beringin itu. (penemubual mengiakan) *Lepah* [Selepas] itu dia *kecek* [bercakap], dia berdakwah lah- dio *bergeghok-geghok* [bergerak-gerak] itu- jadi *lamo-lamo* [lama-lama]- *oghe gi* [orang pergi] tengok (pengulangan perkataan yang sama) “*Gapo dio duk maing cito tulo* [Apa dia hanya bermain cerita yang sama]- (pengulangan ayat yang sama)

(penemubual ketawa) *hok so* [yang satu] pohon beringin itu *jah* [sahaja].” Dia *pung* [juga] terfikir, dia *nok tamboh pulok* [nak tambah cerita lain pula]- (penemubual mengiakan) (suara pengunjung kanak-kanak) cari *bendo laing pulok* [benda lain pula]. Dia *ambil*- *kalu* [kalau] di Indonesia ini *sayo pun tok ingat daun gapo dio sebut* [saya juga lupa apa nama daun tersebut], tapi *kalu* [kalau] di *Kelatey* [Kelantan, Malaysia] ini, pohon *mace* [pohon machang]--. (penemubual mengiakan dan bertanyakan soalan) Bacang? *Gapo* [apa yang dipanggil di] Perlis? (pencerita bertanya kepada penemubual)-- *Rambai* [sejenis nama pokok]? Daun rambai itu dia *besa* [besar], jadi dia- daun rambai itu dia bentuk buat mulut, *lebah* [selepas] itu dia buat *mato* [mata], *lebah* [selepas] itu dia cucuk dengan lidi ataupun buluh. Dia pegang- benda itu bercakap, bergerak, lawak jenaka- ada nyanyian-dalam bentuk dakwah. *Okay* [Baiklah], lama-kelamaan benda itu- bila lama *doh* [sudah], *kito kato ibarat kito make nasi* [kita kata ibarat kita makan nasi] lah, *puah key* [bosankan] (penggunaan perkataan yang sama)- kita tidak pergi lah. *Lepas* [Selepas] itu, Sunan Bonan- *hok* [yang] itu Sunan Kali Jaga. Sunan Bonan, dia pun *mikir* [berfikir]- “*Okay jugak* [bagus juga] ini”. Dia pun buat- Sunan Bonan ini cipta alat muzik, yang di *namokan gamele* [namakan gamelan] di Indonesia. Dia buat alat muzik, dia gabungkan alat muzik *gamele* [gamelan] tadi dengan (suara pengunjung bernyanyi) wayang kulit, wayang Sunan Kali Jaga tadi- buat satu persembahan jadilah wayang kulit. (suara pengunjung) Itu lah bermulanya wayang kulit- mengikut apa yang saya tahu- (bunyi hentaman tapak kaki pengunjung) apa yang kajian saya buat di Indonesia- di (suara pengunjung ketawa) Thailand dan juga di (suara riuh-rendah dari pengunjung) Malaysia. (bunyi hentakan kaki) Bermulanya

wayang kulit di Indonesia *lepas* [selepas] itu di bawa masuk ke (bunyi pengunjung kanak-kanak berlari)-- mula-mula asal wayang kulit kalau di Malaysia (penggunaan perkataan yang sama), mula asal wayang kulit di Kelantan, di Kampung Kebakat [kampung di Daerah Tumpat, Kelantan, Malaysia]. Kampung Kebakat [Kelantan, Malaysia] ini bersebelahan dengan kampung saya, Kampung Morak [Tumpat, Kelantan, Malaysia] dalam jajahan Tumpat [dalam negeri Kelantan]. (penemubual mengiakan) (suara pengunjung kanak-kanak) Dan *tok dale* [tok dalang] yang asal *mulo-mulo* [mula-mula] main wayang kulit di negeri Kelantan ini adalah *ore* [orang] Cina. *Ore perempue* [orang perempuan] (pengulangan penggunaan perkataan yang sama), *Cino* [berketurunan Cina]. (pengulangan penggunaan ayat yang sama)-- *Dio sebabnyo Cino ini dio suko berdage* [Oleh kerana orang Cina ini suka berdagang]. *Bulih ado Cino* [Boleh ada orang Cina] di Malaysia, di *Kelate* [Kelantan] ini pun adalah *daripado Negara Cino* [daripada Negara China], *mari Kelate* [datang ke Kelantan] ini adalah kerana bermiaga, (penemubual mengiakan) jadi *bilo dio* [apabila dia] bermiaga daripada (suara pengunjung kanak-kanak) bertapak *duduk di Kelate* [tinggal di Negeri Kelantan, Malaysia], *dio bermiago*, *dio gi ko* [dia bermiaga, dia pergi ke] Indonesia. (kedengaran suara pengunjung) Beli *woye kulit* [wayang kulit], dia tengok persembahan *woye kulit* [wayang kulit] di Indonesia- Dia beli *woye kulit* [wayang kulit], (penemubual mengiakan) *dio balik-* di Kampung Kebakat [Tumpat, Kelantan, Malaysia] itu, *dio maing woye kulit* [dia bermain wayang kulit] (penemubual mengiakan) itu, tapi *dio maing, woye kulit* [dia bermain wayang kulit], dia itu *buke menyebar key agamo Isle lah sebab dio Cino* [bukan bermain wayang kulit untuk menyebarkan Agama

Islam lah kerana dia berketurunan Cina]. *Cino ini dio* [orang berketurunan Cina ini] beragama Buddha atau beragama Hindu. *Lepah* [selepas] itu- sebab itu lah *woye kulit-* (bunyi hentakan kaki pengunjung) *di Kelate* [wayang kulit di Kelantan] ini *banyak* [banyak] di pengaruhi oleh *cito-cito* [cerita yang berunsurkan] Hindu, (pengulangan penggunaan ayat yang sama) dan *jugo, banyak dipengaruhi* [juga, banyak dipengaruhi] oleh *caro-caro* [cara-cara] pemujaan Buddha. (penemubual mengiakan) Dulunya, tapi sekarang *loni* [ini]- benda itu *sudoh tak dok* [sudah tiada]. (penemubual mengiakan) Setakat pemerintahan *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia] tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990], *ambil* [mengambil alih] pemerintahan negeri Kelantan dan *mengharey key waye kulit tok leh maing* [mengharamkan untuk tidak bermain wayang kulit tidak boleh dimainkan]. *Lepah* [Selepas] itu setelah diadakan *perbincange* [perbincangan] dengan *tok dale hok ado di Kelate* [tok dalang yang ada di Kelantan] ini- *cubo uboh* [cuba ubah] bentuk *persemahe bue* [persemaian bagi membuang], unsur-unsur- elemen syirik, khurafat [yang diharamkan di dalam Agama Islam] menyebabkan *woye kulit* [wayang kulit] di *Kelate* [Kelantan, Malaysia] ini *bulih maing* [boleh dipersembahkan] (bunyi hentakan tapak kaki pada lantai papan muzium) tapi untuk *persemahe nyo samo* [persemaiannya sama], tapi *takdok* [tiada] unsur-unsur yang melibatkan- syirik dan khurafat. (suara pengunjung kanak-kanak) *Kalu ore sebeloh luar* [kalau orang di negeri lain] nak mempolitikkan *keadae mengatake* [keadaan mengatakan] bahawanya *woye kulit* [wayang kulit] (suara pengunjung bercakap) di *kelate ini tok leh maing, itu ade lah tipu* [Kelantan ini tidak boleh dimainkan, bermakna itu adalah penipuan]. (bunyi hentakkan tapak kaki pada lantai papan muzium) Itu *ore mempolitik*

*ke keadae-keadae* [orang yang hendak mempolitikkan keadaan], *ore nok jatuh* [orang hendak menjatuhkan] kerajaan Kelantan. *Sayo tidok sokong mano-mano* [Saya tidak sokong mana-mana parti politik]. *Sayo kijo* [Saya kerja] kerajaan negeri pun *sayo tidok sokong kerajaean negeri* [saya tidak sokong kerajaan negeri], *sayo tidok sokong kerajaean pusat* [saya tidak sokong kerajaan pusat]. *Sayo* [Saya] berkecuali tapi *ngundi itu ngundi* [mengundi itu haruslah] lah- itu *rasio sayo* [rahsia saya] lah, (penemubual mengiakan) tanggungjawab *sayo* [saya]. (pengulangan penggunaan ayat yang sama) *Sebenarnyo woye kulit di Kelate* [Sebenarnya wayang kulit di Kelantan] ini *bulih maing* [boleh dimainkan], *tak dok masaloh* [tiada masalah], *male* [malam] esok, *male luso* [malam lusa], *male* [malam] Rabu, *male Selaso* [malam Selasa], *male komih sayo maing di Rantau Panje* [malam Khamis saya bermain di Rantau Panjang, Kelantan, Malaysia], (hentakan kaki dan suara pengunjung kanak-kanak) Wokah Moning [Kelantan, Malaysia] pun *sayo maing* [saya bermain]- di *Gelangge Seni* [Gelangan Seni, pusat persembahan di Kota Bharu, Kelantan, Malaysia], *banyak tepak doh sayo maing* [saya sudah bermain di banyak tempat]. *Ake date* [Akan datang] ini *kalu awok tok cayo bulih gi* [kalau awak tidak percaya boleh pergi] tengok, *dua puluh lima* [25], *dua puluh enam* [26], *dua puluh tujuh* [27]- (pengulangan penggunaan ayat yang sama) (suara pengunjung kanak-kanak) di Gua Situk, Rantau Panjang [Kelantan, Malaysia]. Ini *menunjukke bahawanya woye kulit di Kelate bulih maing, cumo ko kerajaey Kelate ini, tok sey wi ado unsur-unsur pemujae, syirik dan khurafat dale persembahey woye kulit* [menunjukkan bahawa wayang kulit di Kelantan boleh dimainkan, cumanya kerajaan Kelantan ini, tidak mahu ada unsur-unsur pemujaan syirik

dan khurafat yang di haramkan dalam Agama Islam] (penggulangan penggunaan ayat yang sama) *Jange lah ado bendo-bendo takdi lah* [Janganlah ada benda-benda tadi lah]. (suara pengunjung kanak-kanak) Okay [baiklah], *asalnyo woye kulit tibo di negeri Kelate* [asalnya wayang kulit tiba di negeri Kelantan, Malaysia] ini di Kampung Kebakat [kampung di Kelantan], (bunyi hentakan tapak kaki pada lantai muzium) di mainkan oleh *seorang Cino* [seorang yang berketurunan Cina]. *Setengah-setengah katonyo ore Cino* [sesetengah orang mengatakan bahawa orang yang berketurunan Cina] tapi *setengah-setengah* [sesetengah] katanya *ore Sie* [orang berketurunan Siam]. (penemubual mengiakan) Tapi- bagi saya, saya kata *kalu ore Cino* [kalau orang berketurunan Cina] pun betul, *ore sie* [orang berketurunan Siam] pun betul, sebab *kalu ore Cino kapung* [kalau orang berketurunan Cina kampung]- (suara pengunjung) *Cino hok duduk di Kelate* [orang berketurunan Cina yang menetap di Kelantan, Malaysia], Cina ini *dio bulih kecek Cino* [dia boleh berbahasa Cina] dan juga *kecek Sie* [bercakap dalam bahasa Siam]. (penemubual mengiakan) *Dio ugamo samo* [mereka mengamal agama yang sama] Buddha, *Sie* [orang berketurunan Siam] (suara pengunjung) pun *ugamo* [agama] Buddha. (pengulangan ayat yang sama) *Loni* [Sekarang ini] pun *kito* [kita] buat *Cino peranok ke Kelate* [persatuan orang yang berketurunan Cina campur Siam], *awok cubo gi situ* [cuba awak pergi ke sana], *awok jupo nga Cino-cino peranok key Kelatey dio bulih kecek sie* [awak akan berjumpa dengan orang berketurunan Cina dari Kelantan yang boleh berbahasa Siam]. *Dei sie dio tu* [Dan Bahasa Siam mereka], *cino dio itu bulih dio capur dengan loghat kelate* [bahasa Cina mereka itu boleh dicampur dengan dialek bahasa Kelantan]. (penemubual ketawa dan

mengiakan) *Kade-kade dio kecek itu kito bulih pehe jugok hok dio* (pengulangan ayat yang sama) [Kadang-kadang apa yang mereka bercakap itu boleh difahami oleh orang Kelantan]. *Kade-kade dio nok sebut make budu* [Contohnya kadang-kadang mereka ingin menyebut makan budu], *kalu Cino payoh gak dio sebut make budu* [Kalau susah untuk disebut dalam bahasa Cina]. (penemubual mengiakan) *Dio selit jugak perkataan Kelate dale bahasa Cino dio, bahasa sie dio itu* [Mereka menyelit juga perkataan dari bahasa Kelantan ke dalam bahasa Cina-Siam mereka tersebut].

**NA : Adakah Encik Nizam tahu atau tidak, siapakah nama tok dalang perempuan Cina itu?**

**EN :** Namo dio M-O-K E-R-O-N-K. (pengulangan perkataan yang sama) *Gitu lah lebih kure ejaan* [Begitulah lebih kurang ejaan nama]. (penemubual mengiakan) Dia *Cino* [Berketurunan Cina]- *bilo Cino kapung*,(bunyi hentaman tapak kaki) *kalu dio* [Bila orang berketurunan Cina yang asal dari kampung, kalau dia]- *Cino peranok ke Kelate kito kato* [Orang berketurunan Cina yang bercampur dengan keturunan Siam], walaupun *dio ado namo Cino* [dia ada nama Cina] tapi kebanyakannya dipanggil dengan *namo* [nama] Melayu pun ramai. Contohnya *mace kat rumoh sayo* [macam di kawasan rumah saya]- itu masih *ado lagi loni* [ada lagi sekarang], *Cino tapi tok laki dio itu namo Pok Mat* [Orang yang berketurunan Cina tapi nama gelaran Pak Mat]- *ore panggil dio pok Mat* [orang memanggil beliau dengan nama Pak Mat]. (penemubual teruja) *Bini dio itu Mok Ye* [Isteri beliau dipanggil Mak Yam]- (penemubual ketawa) *Dio ado anak jate sore* [Dia ada anak lelaki seorang] itu, *anok jate dio tu namo Ah heng, tapi panggil Bereheng* [anak

lelaki mereka bernama Ah Heng tetapi dipanggil sebagai Ibrahim]. (penemubual ketawa) *Sebab dio Cino kapung-* [oleh kerana dia berketurunan Cina yang tinggal di kampung] *jadi dio* [jadi dia]- *Bey dia* [azan dia] pandai. *Cumo dio tidak isle tu jah tapi dio* [Cuma dia bukan beragama Islam sahaja tetapi dia] (pengulangan ayat yang sama) (suara pengunjung kanak-kanak) Jadi *maknonyo* [maksudnya]- *kalu* [kalau], (suara pengunjung) mengikut *tok dale sayo* [tok dalang saya] ini- *tok dale mulo-mulo di Kelate takdi namo 'Mok' jugok takdi pung meme namo dio* [tok dalang pertama di Kelantan tadi nama 'Mak' juga tadi pun kerana memang nama dia] sebenar pun *tok* [tidak] tahu lah *namo gapo* [nama dia apa] tapi *bilo bahaso ore Kelate ini dio panggil 'Mok'* *sebab dio ore tino* [bila bahasa orang Kelantan ini dia panggil 'Mak' kerana dia seorang perempuan], *mulo-mulo* [mula-mula] asal. *Lepah* [Selepas] itu *keturuney-keturuney dio* [keturunan-keturunan dia] masuk *jura* [keturunan] yang ke- *empat* [4], yang *kelima* [5], baru *ore jate*, *ore melayu* [orang lelaki dan orang berketurunan Melayu]. (penemubual teruja) Banyak keturunan itu, Cina *lelah* [selepas] itu baru- *ore jate* [orang lelaki]- baru *ore* [orang] Melayu. *Keturune* (pengunaan ayat yang sama) *sapa lah pecah-pecah kepada tok dale-tok dale hok ado loni* [keturunan sampai lah pecahan-pecahan kepada tok dalang yang ada sekarang ini].

**NA : Boleh Encik Nizam nyatakan tahun bilakah tok dalang itu membawa masuk wayang kulit?**

**EN :** Tahun itu saya *tok* [tidak] pasti sebab saya--

**NA : Adakah selepas atau sebelum merdeka?**

EN : Belum (pengunaan perkataan yang sama) merdeka. Wayang kulit memang dah lama. Wayang kulit adalah permainan tradisional terlama- paling lama sekali. *Bukkey* [Bukan] kata di- awak ingat- awak fikir macam ni *sudoh* [sudah] lah, *kalu hok* [kalau yang] bermain di Kelantan [Malaysia] ini- saya pun *tok* [tidak] ingat tarikh dia berapa- Tapi awak fikir zaman Sunan Kali Jaga ini- Wali *sembilan* [9] ini- tahun berapa di Indonesia, awak baca buku dia awak tahu lah mengenai Wali Songgo. *Okay* [baiklah], awak baca Wali Songgo ini dia tahun berapa *lepas* [selepas] itu- situlah. Bila awak baca Wali Songgo ini, maknanya lahirnya wayang kulit zaman Wali Songgo (bunyi ketukan pada kayu). Wali Songgo *berapo lamo* [sudah berapa lama], (bunyi hentakan kaki) berapa *ratus* [100] tahun dah.

**NA : Dia masuk sini sudah lama lah?**

EN : Setelah- wujud di Indonesia, baru wujud di *Kelate* [Kelantan, Malaysia]. Di *Kelate* [Kelantan, Malaysia] ini pun tempat *hok mulo-mulo sakni* [yang mula-mula tadi] di Kampung Kebakat dalam jajahan Tumpat [Kelantan, Malaysia].

**NA : Macam mana wayang kulit di sini boleh berkembang? Adakah kerana ramai orang yang datang menonton yang mempunyai minat dan terus belajar?**

EN : Sekarang *loni* [ini]- itu cara *berkembe* [berkembang] pada *zame dulu* [zaman dahulu] lah. *Zame* [zaman] dulu bila ada *ore* [orang] buat persembahan, *ore* [orang] tengok, *ore* [orang] tertarik, *dio ado cerito* [dia ada cerita]. *Zame dulu mugo dio tak dok TV* [zaman dahulu kerana dia tidak mempunyai televisyen],

(penemubual mengiakan) *tak dok talipung iPhone supo loni* [tiada telefon pintar jenama iPhone seperti sekarang], *loni semo* [sekarang semua] canggih *doh* [dah]. *Kalu awok gi* [Kalau awak pergi] mana-mana *keda kopi* [kedai warung] pun- *kade-kade sayo* [kadang-kadang saya] tengok pun sedih juga, kita masuk *keda kopi* [kedai warung]. *Hok* [yang] itu *duk mejo* [duduk di meja] itu, *duk mejo* [duduk di meja] ini. (penemubual ketawa) *Tak dok kemesrae dale keda kopi* [tiada kemesraan di dalam kedai warung]- (penemubual mengiakan) “*Mu mai mano? Meh minum air dulu nih*” [Awak datang dari mana, marilah singgah minum air dulu]. *Tak dok doh* [sudah tiada]. Masing-masing *duk keda kopi* [duduk di kedai warung] pun, *makane duk depe* [makanan terletak dihadapan], air *gapo pung* [tidak kira apa pun], *duk* [sedang] main telefon. Kawan-kawan lalu *kut tepi pun kade-kade tok kenal* [di sebelah pun kadang-kadang tidak kenal]. (penemubual mengiakan) *Tak dok kemesrae* [Tiada kemesraan], *kade-kade gi* [kadang-kadang pergi] masjid pun, *tok ime duk ngaja depe* [tok imam sedang mengajar di hadapan], ustaz *duk- wie* [sedang memberi] kuliah, tazkirah. *Kade-kade dio duk belake duk nyandar dinding duk* [Kadang-kadang dia duduk di bahagian belakang duduk bersandar di dinding tengah] main telefon. *Dale* [dalam] masjid. *Zame dulu tak dok bendo* [zaman dahulu tiada benda] itu, *tak dok TV* [tiada televisyen]. *Hibure ore jame dulu- dale* [hiburan orang zaman dahulu- dalam] bentuk wayang kulit, mak yong, dikir barat, *menoro* [menora]. Jadi- sebab itu lah menyebabkan dulu, *anok-anok mudo dulu* [anak-anak muda dahulu], *ore kapung* (penggunaan perkataan yang sama) *dulu* [orang kampung dahulu] pun, *dio* [dia] tengok lah *mace woye kulit* [macam wayang kulit] ini,

sebabnya *dio tak dok* [dia tiada] hiburan yang lain. (penggunaan ayat yang sama)

NA : **Sebab itukah wayang kulit boleh berkembang disini?**

EN : *Lepah* [selepas] itu, bila dah *ghama* [ramai] yang berminat, ramai penonton pergi tengok dan menyebabkan orang lain pun hendak pergi belajar. (penemubual mengiakan) *Yak* [Sebab] itu belajar- (penggunaan perkataan yang sama) *bendo* [benda] itu *kembe* [berkembang]. Sehinggalah timbulnya *TV* [televisyen]- timbulnya *benda-benda ini* [telefon pintar] yang canggih-canggih (penggunaan ayat yang sama), menyebabkan budak anak-anak muda sekarang *loni* [ini] pun *tok* [tidak] minat dengan wayang kulit- (penggunaan perkataan yang sama) tapi *kalu* [kalau] main di kampung pun masih ada lagi penontonnya *buke tak dok* [bukan tidak ada]. Tapi *kalu gi* [kalau pergi] main kita kira tempat-tempatlah- di Jajahan Tumpat, Pasir Mas, belah ulu [kawasan ulu], Bachok [Kelantan, Malaysia]. *Kalu* [Kalau] nak masuk pusat bandar Kota Bharu [Kelantan, Malaysia] itu (suara pengunjung)-- Kalau main dalam kampung itu *meme tak* [memang tidak] ramailah. Penduduk bandar ini pun dia *dah* [sudah]- *kebanyak ke nyo* [kebanyakannya]- moden lah. (penggunaan ayat yang sama) Dia *tak* [tidak] berminat lah *mace* [macam] persembahan *woye kulit gapo* [wayang kulit dan sebagainya]. Tapi kalau kita *gi* [pergi] main di kampung sebelah *pendaleme ko* [pedalaman ke], sebelah *mace* [macam] luar-luar bandar Kota Bharu [Kelantan, Malaysia] itu, masih lagi *ado* [ada] sambutan *de* [dan] masih lagi ramai lah sampai *loni* [sekarang]. Masih lagi rama. Jadi benda, daripada, *bilo* [bila] ramai penonton itu lah, *dio berkembe-kembe* [ia berkembang]. Tapi, *Alhamdulillah*, *loni* [syukur ke

hadrat Ilahi, sekarang]- *mace* [macam] yang di universiti, *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan]. Contoh *mace* [macam] saya tahu di *UiTM Shah Alam* [Universiti Teknologi MARA Shah Alam], *UPSI Tanjung Malim* [Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia], *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] sendiri mengambil *perane* [peranan] menghidupkan *semula* [kembali] persembahan-persembahan tradisional *mace* [macam] mak yong, wayang kulit yang *kiro* [kira] hampir nak pupus ini- dihidupkan semula. *Ado* [ada] buat kelab belajar. Berkembang balik lah.

- NA : **Adakah alatan muzik yang diguna dalam wayang pada zaman sekarang masih sama seperti zaman dahulu?**
- EN : Ada sedikit perbezaan, ada pertambahan. (penemubual mengiakan) Kalau dulu wayang kulit ini dia bermulanya- saya pun *tok* [tidak] pasti juga mengenai berapa alat muzik yang terlibat, tapi *bilo lamo-kelamoe* [bila lama-kelamaan], *bermulo daripado* [bermula daripada] dulu sampai *ko loni* [ke sekarang]- jadi *hok loni* [yang sekarang] adalah, inilah kekalnya sebagai alat muzik wayang kulit. (penemubual mengiakan) Kalau *kure* [kurang] itu *dok* [tidak] lah, tapi (suara pengunjung) alat muzik *jame dulu* [zaman dahulu] pun, dia memang kalau kurang itu- memang *tok kure* [tidak kurang], cuma *dio* [ianya] bertambah. Contoh macam *sayo oyak takdi* [saya cakap tadi]- saya kata permainan *teri* [permainan puteri] tadi. Dulunya *teri ini dio buke guno gende* [permainan puteri ini dia bukan guna gendang], *buке guno gong* [bukan guna gong] ini, *dio guno* [dia guna] jenis alat muzik yang *seake-ake* [seakan-akan] rebana dikir barat, *meme* [memang] sama rebana dikir barat,

*dio* [dia] panggil redak. *Lepah* [Selepas] itu *dio guno ke so gegat* [dia gunakan 1 gegat]. *Lepah itu so lagi batil* [Selepas itu 1 lagi batil]. Tapi *bilo* [bila] mengalami *perubahe* [perubahan], dia ambil alat muzik wayang kulit macam gendang, gong masuk *dale* [dalam] persembahan teri [main puteri] tadi. (pengulangan ayat yang sama) Sama juga macam permainan wayang kulit tadi- (suara pengunjung) *dio ado doh* [dia sudah ada]- asas muzik dia tapi di bawa masuk, di [tambah-tambah] untuk- tapi, *hok* [yang] alat yang ditambah itu daripada dulu sampai *ko loni* [ke sekarang] itu, masih *sapa* [sampai] setakat hari ini, masih lagi kekal dengan alat itu lah. (penemubual mengiakan) *Meme tidak ake* [Memang tidak akan] bertambah *dei* [dan] tidak *ake kure* [akan kurang].

NA : **Memang Kelantukan yang pertama kali membawa masuk wayang kulit dari Indonesia itu. Selepas Kelantan [Malaysia], ada lagi tidak yang macam negeri-negeri lain macam main sekali wayang kulit itu dan mempunyai pasukan sendiri.**

EN : Ya. Negeri-negeri lain macam Kedah [Malaysia], Johor [Malaysia] ada.

NA : **Pasukan sendirilah?**

EN : Johor ada pasukan sendiri. Johor [Malaysia] ada wayang Purwa ini- bukan di *ambil* [ambil] daripada Kelantan [Malaysia] *wak gi* [bawak pergi] ke Johor [Malaysia], tidak. Wayang Purwa ini di ambil terus dari Indonesia sebab bentuk permainan, persembahan jalan cerita, sama dengan yang dibuat persembahan di Indonesia. (penemubual mengiakan) (suara pengunjung kanak-kanak)

AH : **Bagaimana cara untuk mengeja wayang purwa?**

EN : P-U-R-W-A

NA : **Saya ada baca buku yang menyatakan tentang wayang kulit di Kelantan**

**[Malaysia] ini dipanggil wayang kulit Siam?**

EN : Mengikut pengkaji-pengkaji, setengah pengkaji yang menyatakan bahawa wayang kulit ini berasal daripada- Jawa pergi ke- Vietnam masuk ke Siam. *Lepah* [selepas] itu terus *maghi* [datang] ke Kelantan [Malaysia] mengikut *setengah-setengah* [sesetengah]. Vietnam *kato lagu* [cakap macam] itu tapi, mengikut *majoriti* [kebanyakan] pengkaji-pengkaji sejarah mengenai wayang kulit mengatakan bahawanya wayang kulit berasal daripada Indonesia terus ke Kelantan [Malaysia]. Sebab apa yang dikata *woye Sie* [wayang kulit Siam] (penggunaan ayat yang sama)- sebab tadilah. *Tok dale* [tok dalang] yang mula-mula main wayang kulit ini adalah *Cino asal Sie* [orang Cina yang berasal daripada Siam]. Sebab itu dikatakan ada pengaruh *Sie* [Siam], pengaruh *Sie* [Siam] ini adalah pengaruh agama Buddha dan juga Hindu. Cerita Hindu, tapi corak bentuk permainannya dari segi pemujaannya adalah Buddha, sebabnya *tok dale* [tok dalang] ini asalnya orang *Sie* [Siam] atau pun orang Cina. Tapi Cina dengan *Sie* [Siam] macam *sayo oyak takdi* [saya cakap tadi], Cina dengan *Sie* [Siam] ini dia, *kahu kapung ini dio lebih kure Cino denga Sie* [kalau di kampung, Cina dengan Siam ini lebih kurang].

- NA : **Sebab wayang kulit ini adakah dia macam nak menyampaikan berita atau pesan?**
- EN : Pada zaman dahulu wayang kulit ini dimainkan atas (bunyi hentakan tapak kaki) sebab-sebab tertentu contohlah, masa Wali Songgo itu, dia menggunakan wayang kulit untuk menyebarkan agama Islam (penggunaan ayat yang sama) kepada orang Indonesia, rakyat-rakyat di Indonesia, Jawa [Indonesia] pada masa itu, *zame* [zaman] itu. *Bilo zame loni* [Bila zaman sekarang], bila masuk- *maghi* [datang] ke Kelantan [Malaysia], wayang kulit ini adalah semata-mata untuk hiburan. *Lepah* [selepas] itu *sapa satu* [sampai 1] peringkat wayang kulit ini digunakan untuk menyebarkan maklumat-maklumat kepada- orang kampung contohnya- *sayo nok oyak ni zame dulu* lah [saya hendak cakap ini bagi zaman dahululah]. *Kito kato Tok Ngulu* [Tok Penghulu] lah, (penggunaan ayat yang sama) kampung panggil pasukan wayang kulit contohnya nama- Pok Soh lah *kito kato* [kita katakan], *tok dale waye kulit* [tok dalang wayang kulit] ini Pok Soh. “Pok Soh, *sayo nok Pok Soh gi* [saya hendak Pok Soh pergi] main *waye kulit* [wayang kulit] di *kapung sayo* [kampung saya] ini, main *tigo male ko* [3 malam ke].” “*Sayo nok suruh Pok Soh oyak* [Saya nak suruh Pok Soh cakap]- hari- *bule depe* [bulan depan] ini *kito ado nok* [kita hendak] buat gotong-royong, (penggunaan perkataan yang sama) *nok wak* [hendak buat] bersih *rumoh ko* [rumah ke]- *nok bajok sawoh ko* [hendak membajak sawah ke]”. Jadi *tok dale* [tok dalang] ini main *waye kulit* [wayang kulit], *dale waye kulit* [dalam wayang kulit] itu *dio* [dia] selitlah unsur-unsur ini, maklumat-maklumat ini, yang perlu disampaikan di samping hiburan itu. *Lepah* [selepas] itu ada juga wayang kulit ini *duk main* [dimainkan]. Pada masa dahulu dia main untuk- tujuan perubatan-

(penggunaan perkataan yang sama) (suara pengunjung) *puja pantai* [pemujaan pantai].

**NA : Kalau pemuja pantai tu main tepi pantai eh?**

EN : Ya. Main tepi pantai. *Mace* [macam] (suara pengunjung) baru ini *sayo gi* [saya pergi] main mak yong di Pantai Batu Buruk [Kuala Terengganu, Malaysia] (hentakan kaki pada lantai kayu muzium)- main *puja pantai* [pemujaan pantai] (penggunaan ayat yang sama). Tapi dia sekarang ini *tidak* panggil *puja pantai* [pemujaan pantai] dia panggil pesta pantai. (penemubual mengiakan) Dia tukar nama. Jadi wayang kulit tadi- persembahan tadi lah, dengan tujuannya untuk perubatan- untuk *puja pantai* [pemujaan pantai]- (bunyi pengunjung kanak-kanak berlari) untuk *puja sawah padi* [pemujaan sawah padi]- untuk persembahan- untuk maklumat- untuk hiburan dan wayang kulit ini banyak (bunyi hentakan kaki) mengikut apa yang kita kehendaklah, berfungsi pada *gapo dio hok* [apa dia yang] kita mahu, *dio kato* [dia cakap] awak main wayang kulit ini, contohlah paling mudah- saya pernah main wayang kulit ini untuk (bunyi hentakan tapak kaki) promosi rumah perumahan di Kelantan [Malaysia]. “*Okay* [baiklah], *cik ize* [Encik Nizam] awak main wayang kulit ini awak *ngepeng* [iklan] hal perumahan-perumahan kalu [kalau] hendak buat rumah ini- *kena cari* [dikehendaki mencari] syarikat kontraktor yang berdaftar, yang *ado* [ada]- saya main wayang kulit saya pun *mengguno* [mengguna] watak- *tidok kecek* [tidak bercakap] hal wayang kulit- tapi menggunakan (pengunjung kanak-kanak berlari) patung-patung wayang kulit, nama-nama dan juga bentuk asal wayang kulit, tapi kita cerita *dio sajo* [dia sahaja] kita menggunakan, itu

mengikut keadaan tempat- (penemubual mengiakan) *kalu* [kalau]- *hok* [yang] wayang kulit betul, kita main wayang kulit betul, sebab saya main ini, saya main- *mace sayo* [macam saya] main- unsur-unsur pemujaan, syirik, khurafat tadi saya *bue-bue* [buang], jadi kalau *sayo duk depe, sayo (mengajuk ayat jampi serampah) buke-* [saya duduk dihadapan, saya sedang membaca ayat jampi, bukan] saya baca jampi serampah yang tidak- bertentangan dengan agama. Saya duduk *depe* [dihadapan] itu saya baca semua ayat Al-Quran sebab kita- dulu saya belajar jampi serampah wayang kulit ini, bila saya belajar- saya jumpa dengan seorang ustaz, saya tanya dia jampi-jampi ini saya baca depan dia- dia kata *tok leh paka* [tidak boleh pakai]- ini menyalahi dari segi hukum (pengulangan ayat yang sama) lepas itu bila saya *kecek lamo* [bercakap lama] dengan dia, dia pun tanya saya “*wak gapo* [buat apa] awak baca benda ini semua ini?” Saya kata “untuk hendak mohon keselamatan” “Kita hendak mohon keselamatan, kita ada Tuhan, Allah ada kenapa kita hendak minta dengan benda-benda *gini* [begini], minta dengan Tuhan” dia kata. Doa, ambil doa dalam ayat Al-Quran ada, cukup baca doa- mintak selamat kita hendak main wayang kulit, hendak buat persembahan jangan ada *hok* [yang] daripada gangguan *hok ore* [yang orang] luar atau gangguan takut *ado baloh ko gapo ko* [ada yang bergaduh atau apa pun], minta selamat takut ada berlaku sebarang krisis *baloh ko* [bergaduh ke], gangguan daripada luar jin, hantu. Kita ada Al-Quran, dalam Al-Quran semua cukup, ada *belako, bakpo* [kesemua, kenapa] kita *duk guna-guna benda gini* [masih menggunakan benda begini]. Saya pun mari *mikir gitu* [berfikir begitu juga]- “Allah- aku, *bakpo bodo* [kenapa aku bodoh].” Itu lah *loni* [sekarang] saya menggunakan dalam- permainan wayang kulit saya, saya *takdok* [tiada]

*benda-benda* [apa-apa], saya buang *benda-benda* [perkara] yang menyalahi dari segi hukum dari segi agama tadi, saya buang. *Hok* [Yang] saya *duk baco sore-sore* [duduk membaca sorang-sorang]- awak tengok saya *duk* [sedang] main wayang kulit itu- *duk baco* [sedang membaca]- (mengaju bacaan ayat) itu adalah bacaan daripada ayat suci Al-Quran. Doa, saya mintak dengan Tuhan. *Gitulah* [begitulah] saya boleh *oyak* [cakap].

- AH** : **Selepas itu dari segi perubatan tu dio gano eh [bagaimana ya]?**
- EN** : Dari segi perubatan itu dia *kade-kade gini* [kadang-kadang begini], contoh paling mudah- *sayo nok wie awok pehe* [saya nak memudahkan awak faham]. (pengulangan ayat yang sama) *Okay gini* [baiklah begini], contohnya dia kata- *dio nikoh tok leh* [dia berkahwin dan tidak boleh] anak, *dio kato* [dia cakap], “*Kalu* [kalau] aku boleh anak- aku hendak main wayang kulit *tiga* [3] malam”. (pengulangan ayat yang sama) *Okay* [baiklah], tiba-tiba dia boleh anak- (pengulangan ayat yang sama) *takdi* [tadi] dia *bernazar* [berjanji akan melakukan sesuatu yang baik], nazar dia wajib *kena* [di] tunai, itu adalah salah *satu* [1] cabang perubatan, ataupun dia sakit lama *ko* [ke], dia kata (bunyi kanak-kanak berlari) “*Kalu* [kalau] balik segar ini”- dia *tak* [tidak] tahu hendak *wak doh gi spital* [sudah bawa pergi hospital]- (bunyi kanak-kanak berlari) doktor cucuk, makan ubat *tok jadi apo, doh gi* [tidak ada apa-apa perubahan] dengan tok bomoh pun *tok jadi* [tidak menjadi], (pengulangan ayat yang sama) tiba-tiba dia kata (bunyi enjin motor) “Kalau aku sembuh daripada penyakit aku ini, aku hendak main wayang kulit *tiga male ko* [3 malam ke]. Contohnya *dio kato* [dia cakap]- tiba-tiba, bukan dengan kerana dia sebut, itu dengan kuasa wayang kulit dia sembuh itu. Ini semua kerana

kuasa Tuhan *belako* [semuanya], tapi secara kebetulan (pengulangan ayat yang sama) dia sebut *gitu* [begitu] penyakit dia itu sembah jadi terpaksa, dia wajib *kena buat dah* [membuatnya] sebab itu adalah *nazar* dia. *Okay* [baik]- dari segi perubatan.

- AH : **Maksudnya semasa tengah bermain wayang kulit akan bercerita tentang cerita begitu.**
- EN : Tidak semestinya cerita pasal *gitu* [begitu], ini atas tok dalang lah. (penemubual mengiakan)
- NA : **Dengar kata wayang kulit *dulu* [dahulu] dimainkan untuk persembahan di-raja. So ada untuk raja dan orang biasa atau macam mana?**
- EN : Persembahan untuk- kita kata *VIP* [tetamu kehormat], adalah- memang ada, di kampung-kampung tapi *supo sayo oyak sakni lah* [seperti yang saya beritahu tadi]- kalau untuk raja-raja ini, bukan untuk raja lah sebenarnya, kebanyakkan untuk hari keputeraan itu, adalah persembahan wayang kulit, buat mana-mana. Wayang kulit- bukan wayang kulit sahaja lah, permainan tradisional lain pun, mak yong *gapo* [dan yang lain] pun, tapi *mok yong* [mak yong] di Kelantan [Malaysia]- contoh lagi- (pengulangan ayat yang sama) saya sentuh sikit- macam *mok yong* [mak yong] di Kelantan [Malaysia], silap faham kebanyakkan *ore loni* [orang sekarang] silap faham, dia kata *mok yong di Kelate tak* [mak yong di Kelantan tidak] boleh di main. Memang betul, *mok yong* [mak yong] di Kelantan [Malaysia] ini *buke tok leh* [bukan tidak boleh] main, boleh main, tapi Kerajaan Kelantan tidak membenarkan pelakon yang bermain *mok yong* [mak yong] adalah di kalangan wanita. (penemubual

mengiakan) *Bue* [Buang] pelakon wanita, masuk *ore laki* [orang lelaki], boleh main, *Tak dok* [tiada] masalah. (penemubual mengiakan)

**AH : Kenapa orang perempuan tidak boleh main?**

EN : Perlu ke saya jawab soalan itu? Saya rasa benda yang awak boleh fikir sendiri. Wanita, *ore tino soh ko nok* [sah ke nak] main- *nok nari depe ore* [hendak menari di hadapan orang] ramai *gitu* [begitu], *soro* [suara] dia pun aurat. Betul *dok* [tidak]? Saya rasa benda tu *simple* [senang] awak boleh faham sendiri sebab apa *ore tino tok leh* [orang perempuan tidak boleh] main. *Ngaji al-Quran tak boleh* [Tidak boleh mengaji Al-Quran di khalayak ramai]. *Soro ore tino* [Suara orang perempuan] kan. Benda-benda *gitu* [begitu] sebenarnya di politikkan oleh orang-orang *oyak* [cakap] kerajaan kelantan ini *nak hapus mok yong* [hendak hapuskan Mak Yong]. *Buke* [Bukan], kerajaan kelantan *bui* [mengizinkan] main *mok yong* [Mak Yong], mainlah tapi *jange* [jangan] masuk unsur-unsur khurafat, syirik, masuk unsur-unsur *ore tino* [orang perempuan], main *ore jate belako* [orang lelaki semua], *takpo* [dibolehkan]. *Takdok* [Tiada] masalah. *Kapung-kapung* [Kampung-kampung] pun ada lagi main *mok yong loni* [Mak Yong sekarang]. *Takdok apo satu* [Tiada apa pun] boleh main. Sentuh sikit hal *mok yong* [Mak Yong] lah.

- NA : Lepas itu kita masuk *point* [isi] seterusnya. Apa tugas dan fungsi tok dalang dalam wayang kulit?
- EN : Tugas tok dalang ini- dia *conduct* [mengendalikan] persesembahan. Semua- apa yang berlaku atas panggung wayang kulit itu adalah daripada *conduct* [pengendalian] tok dalang. Daripada arahan tertentu daripada tok dalang. Cerita- jalan cerita, dialog, nyanyian, *mesej* [pesanan] yang di sampaikan- pemilihan lagu untuk di mainkan semuanya daripada tok dalang. Maknanya tok dalang yang (telefon berdering) beri arahan untuk keseluruhan persesembahan wayang kulit. Contoh tok dalang kata, “Maka Hanuman nak berjalan”, bila kata Hanuman nak berjalan, bermaknanya pemuzik kena *palu* [pukul] lagu ‘Hanuman’, lagu ‘Hulu Balang’. (penemubual berdehem) Dia tak boleh *palu* [pukul] lagu lain dah sebab dia kata Hanuman nak berjalan. Misal kata, dia kata, “Maka- seekor harimau nak berjalan”- (pengulangan ayat yang sama) binatang nak berjalan, dia ada lagu dia khas untuk binatang. Dia *tak* [tidak] boleh *palu* [main] lagu hulubalang, atau *tak* [tidak] boleh *palu* [main] lagu perang, sebab binatang nak berjalan. *Hok itu nok oyak sakni* [Yang itu hendak cakap tadi] (pengungjung berbual) maknanya *conduct* [pengendalian] persesembahan itu adalah, daripada tok dalang. (pengunjung berbual) Pengawasan keseluruhan permainan daripada tok dalang. Tok dalang, yang memberi arahan- persesembahan itu adalah, tok dalang di samping *awak-awak* [ahli] atau awak kata tadi *panjak* [ahli muzik]. Bukan *panjak*, *kalu* [kalau] di Kelantan di panggil *panjok* [panjak]- (penemubual dan pencerita bersempang) ahli muzik.

- NA : **Dalam wayang kulit ini ada bahasa lain tak macam melayu cina?**
- EN : Dia ada Bahasa Siam, ada selit juga dengan Bahasa Jawa, tapi saya sendiri pun tak faham Bahasa Jawa itu. Bahasa Siam itu pun- saya sendiri pun *tidak* [tidak] faham *gapo dio* [apa dia] tapi sebut itu bolehlah (pengulangan ayat yang sama).
- NA : **Bahasa-bahasa tersebut orang melayu kita main ke macam mana?**
- EN : Bahasa itu di warisi dari persembahan asal yang dahulu, sebab itu saya cakap tadi pengaruh- wayang kulit Kelantan di pengaruhi oleh Siam tadi, sebab ada lagi Bahasa Siam yang digunakan *dale* [dalam] persembahan wayang kulit tadi.
- NA : **Dikekalkan sampai sekarang?**
- Cuma *ko* [ke] dari segi sebutan salah betul itu- *mugo takdok* [sebab tiada] dalam kitab al-Quran itu- tapi- ada unsur-unsur bahasa Siam *dale* [dalam] itu. Contohnya *mace* [macam] kalau dalam maksud yang jelaslah, hok kita boleh nampaknya masa persembahan dalam mula-mula. Kalau awak *gi* [pergi] tengok wayang kulit baru ini, awak *gi* [pergi] tengok daripada awal? Daripada *bertabuh* [lagu pembukaan permainan wayang kulit]- ada *hok tubik* [yang keluar] pohon beringin, lepas itu *jale pohon berisi* [berjalan pohon berisi], awak tahu? Dia *duk* [duduk], dia *tok congkok* [meletak begitu sahaja] itu, *dio cakak* [dia bercakap] (mengajuk bahasa Siam), itu ada Bahasa Siam. (pengulangan ayat yang sama) Bahasa *Sie* [Siam], saya pandai sebut *tak tahu gapo dio* [tidak tahu apa makna] (penemubual ketawa) maksud sebab saya sebut pun *tidak* [tidak] tahu betul ke *dok* [tidak].

- NA : **Dalam satu kumpulan berapa ramai ahli panjak?**
- EN : Dia kalau ikut asal, persembahan wayang kulit asal, dia ada, dia panggil panjak *tujuh* [7], pengantin- itu *lima* [5 orang]. *Okay* [baiklah], (pengulangan ayat yang sama) campur *satu* [1 orang]. Itu adalah istilah dalam- sebutan untuk ahli wayang kulit dulu. (pengulangan ayat yang sama) Bila sebut panjak maknanya lelaki. (pengulangan ayat yang sama) Pengantin, bila sebut pengantin ini adalah *perempue* [perempuan] (pengulangan ayat yang sama) Jadi *dua belas* [12 orang], campur *satu* [1 orang]. *Sore* [Seorang] ini dia ada sejarah dia pulak menyebabkan jadi ada *seorang* [1 orang] tapi *tidak* perlu saya *oyak hok tu* [cakap yang itu]. *Lani* [Sekarang] nya, mengikut asalnya, banyak wayang kulit ini sekali dengan- tok dalang *tiga belas* [13 orang]. Tapi untuk menjimatkan- kos- dari segi macam-macam lah. Boleh kata macam *loni gi* [sekarang ini kalau pergi] main *woye* [wayang kulit] ini *gi* [pergi] main *woye kulit* [wayang kulit], *kalu* [kalau] dulu kita paksa *dua belas* orang [12 orang] ini memang kita kena *gi* [pergi]. Paling-paling kurang pun *tiga buah keto* [3 buah kereta]. *Dok* [betul atau tidak]? *Okay* [baiklah] *loni kalu* [sekarang ini kalau] kita *kure* [kurangkan] orang, kita *gi* [pergi] *lapan* orang [8 orang], *bulih* [boleh] main jugak. *Dua* [2] buah kereta *jah* [sahaja], maknanya *jimat dah* [sudah jimat] itu kos tadi. Maknanya- dari segi penjimatan yang di buat itu, jadi *kecik* [sikit] orang lepas itu alat- orang *hok* [yang] pandai pun *tok* [tidak] ramai *doh* [sudah]- *nok* [nak] cukup *lapan* orang [8 orang] itu pun kena kutip, ambil pinjam orang kampung ini (pengulangan ayat yang sama) jadi saya *loni* [sekarang] pun tinggal-tinggal dalam lebih kurang *sepuluh orang gitu* [10 orang begitu] lah untuk *satu* [1]

persembahan, itu pun ramai dah, kalau biasanya kalau persembahan- *loni* [sekarang] pun dalam *lapan orang* [8 orang]- pun boleh main dah, tapi kalau kumpulan saya- tinggal dalam *sepuluh orang* [10 orang], *sebelas orang* [11 orang]. Sebab saya- buat kumpulan *dulu* [dahulu] pun, belajar, *panda* [pandai], masih kekal lagi ahli saya tapi *loni* [sekarang] ada ramai lagi lah- kadang-kadang saya nak *gi* [pergi] main mana-mana, saya gilir [bergilir]. Malam ini saya *gi* [pergi] main sini, saya ambil *awak-awak* [ahli panjak/ahli muzik] ini, kira *male* [malam] (bayi menangis) untuk minggu depan pula saya- main lain (bayi menangis) saya tukar pula untuk di berlaku adil.

- AH :** **Selepas itu yang lima pengantin tu orang perempuan main ke?**
- EN :** Dululah- mula-mula asal dulu, (pengulangan ayat yang sama) tapi *loni ore jate belako* [sekarang ini semua orang lelaki]. (pengulangan perkataan yang sama) *Kalu* [kalau] ada *pue tokleh main dah* [perempuan sudah tidak boleh main], kerajaan negeri *tak bui* [tidak mengizinkan].
- AH :** **Dari segi begitu pun dia kira ya?**
- EN :** Ya, dia tengok. Kerajaan negeri memang dia- memang *tak* [tidak] boleh. (pengulangan ayat yang sama).
- NA :** **Boleh Encik Nizam bagi nama dan tugas dorang dalam wayang kulit.**
- EN :** Serunai kalau kumpulan sayalah. Serunai, Pok Iso atau pun Encik Isa bin Samad. Gerombak, Encik Aziz bin Encik Isa dan juga- Kamal Nasrul Abdullah juga, main sepasang gerombak. Yang kedua *gedut* [gedak], anak saya main iaitu Faizal dengan Abdul Rahim. Main *gedut* [gedak] ibu, *gedut*

[gedak] anak. *Lepah* [selepas] itu kesi, Muhammad Noor. Canang, Azran. *Lepas* [Selepas] itu kalau gong, Yakob. *Tak de* [sudah tiada] lah, *cukup dah* [sudah cukup]. *Lepas* [Selepas] itu kalau gendang ibu gendang anak ini antara orang yang *gedut* [gedak] atau yang main gerombak, sebab lagu yang melibatkan gendang ini dia *bulih* [boleh], dia tidak sekali dia *bulih* [boleh], orang yang sama. Sebab dulu, sebab itu lah pemuzik kita ramai sebab satu alat muzik ini seorang jadi *loni* [sekarang] ini macam- gendang dia tidak sekali lagu dengan gerombak, jadi maknanya gendang ini boleh dimainkan oleh orang yang sama. (penemubual mengiakan) Macam dulu *gedut* [gedak] ibu, *gedut* [gedak] anak- seorang main, (pengulangan ayat yang sama) dua orang lah tapi *loni* [sekarang] dia gabung, (pengulangan ayat) *pahtu bulih* [selepas itu boleh] jimatkan orang, *kecik orang* [kecilkan bilangan orang].

- NA : **Encik Nizam pernah tidak ajar orang antarabangsa main wayang kulit?**
- EN : Pernah. Biasanya kalau di Gelanggang Seni [Kota Bahru, Kelantan, Malaysia] tempat pelancongan Kelantan di Gelanggang Seni lepas itu- di- *tak* [tidak] kiralah tempat-tempat untuk pelancong-pelancong, macam di Pulau Perhentian [Terengganu, Malaysia]. *Mugo* [Sebab] dulu saya main. Bila kita main itu, kadang-kadang itu, pelancong datang tengok kita main. Kita panggil dia, (pengulangan ayat yang sama) biar dia *join* [menyertai] tapi dia cuba main wayang kulit, walaupun dia *tak* [tidak] boleh main wayang kulit bentuk kita, tapi dia pergerakan- dia main pegang patung lepas itu dia *kecek* [bercakap] bahasa dia *kut bahasa orang putih* [dalam bahasa Inggeris]. *Tak* [tidak] kiralah cerita ‘Star Wars’ ke, cerita *gapo-gapo ko* [apa-apa ke] ikut dia lah tapi dia, maknanya dia boleh rasa pegang wayang kulit dan boleh main

di *kelir* [layar putih]- di bayang. Itu memang kebiasaannya dia main tempat-tempat pelancongan dia akan bagi peluang untuk pelancong pelancong merasai cara. Kadang-kadang kita *wi* [bagi] dia *palu* [pukul] alat muzik, kita *wi* [bagi] dia main jadi tok dalang. Itu memang kita kira acara kita- kita nak *buwi* [bagi]- pendedahan kepada pelancong yang *mari* [datang].

NA : **Wayang kulit ini ada nama lain tidak?**

EN : Itu nama- bagi pasukan. Macam pasukan wayang kulit Pok Nik Mat, nama tok dalang dia Pok Nik Mat, *lepas* [selepas] itu *group* [kumpulan] ini dia ada macam *group* [kumpulan] ini ada nama-nama khas dia lah. Contohnya macam- kalau kumpulan saya nama Kebakat bersempena dengan Kampung Kebakat [Tumpat, Kelantan, Malaysia], tempat saya belakang wayang kulit sebab itu saya ambil nama Sri Kebakat. Pertama sekali tempat saya berlatih, yang kedua *pulak* [pula]- Sri Kebakat ini tempat yang pertama wayang kulit bertapak di negeri Kelantan tadi. Lepas itu ada juga kumpulan wayang kulit Seri Cahaya, Kampung Laut, Wayang Kulit Suara Emas Pok Nik Mat.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: CERITA – CERITA RAKYAT DALAM WAYANG KULIT DAN LAGU WAYANG KULIT**

**NA : Wayang kulit ini banyak jenis ke? Dari segi bahasa ke, dari segi cerita dia ke. Dia memang banyak versi ke macam mana?**

**EN :** Cerita wayang kulit, (pengulangan ayat yang sama) ini dia ada cerita pokok. Cerita pokok ialah cerita asal wayang kulit. (pengulangan ayat yang sama) Cuma ada satu sahaja, iaitu Hikayat Ramayana ataupun di Kelantan, di panggil Rakyat Rama dan Maharaja Marana. (pengulangan ayat yang sama) Walaupun nama berbeza tapi jalan ceritanya agak-agak lebih kurang sama. Versi Indonesia, versi India, versi Vietnam, versi Thailand, versi Malaysia jalan ceritanya walaupun ada kelainan- tapi jalan ceritanya boleh dikatakan *lapan puluh peratus* [80%]- *sembilan* [9]- *lapan puluh lima peratus* [85%] sama. Ramayana dan juga Mahabhrata atau pun Seri Rama- ceritanya adalah lebih kurang sama. *Lepas* [Selepas] itu cerita yang dibuat persembahan kebanyakkan *loni* [sekarang]-- (pengulangan ayat yang sama) selain dari cerita-cerita, isu-isu semasa. Contohnya *mace* [macam] kalau ada sekolah panggil “*Okay* [baiklah] Pak *Nize* [Nizam], awak main cerita mengenai gejala sosial,” lepas itu kita main gejala sosial lah. *Oyak ko* [cakap dengan] budak-budak jangan *gocoh* [bergaduh], samseng di sekolah, jangan berlumba motor, jangan *nagih* [menagih] dadah, kena belajar *molek* [elok-elok]. Kalau *pok-pok* [puak-puak]-- dapat jemputan daripada Jabatan Anti Dadah, dia ada kuasaan banyak. Dia suruh kita main *oyak* [cakap] suruh jangan *ngisap* [menghisap] dadah. (pengulangan ayat

yang sama) Tapi kalau cerita pokok tadi cerita Maharaja Marawana, dengan Seri Rama. *Lepas* [Selepas] itu dia ada pula cerita ranting. Cerita ranting, macam-macam ceritalah contohnya saya bagi- banyaklah cerita-cerita atas tok dalang. Tapi contohnya macam cerita Hanuman Tenggiling, bagaimana- Hanuman ini- anak Seri Rama ini, berupa berbentuk manusia dan juga tenggiling. (penemubual mengiakan) Jadi ada kisah-kisah dia lepas itu ada juga cerita mengenai hal bunga. Bagaimana bunyi hal burung. Burung mana mana, contoh bukanlah nak kata burung titir ini berkukur sedap, bukan, maksudnya- saya ambil sikit. Contoh Sita Dewi tidur, beradu dalam istana bermimpi, jumpa dengan seekor burung- ikutlah nama apa pun. Kalau dalam cerita wayang kulit ini biasanya burung ketitir, yang berwarna kuning, jadi bila dia terjaga dari mimpi dia, dia perintah rakyat dia ini, anak dia dan juga pengasuh-pengasuh dia ini rakyat-rakyat dia ini pergi cari burung itu. Maka berlakulah satu perebutan satu burung itu, berlaku peperangan *gapo* [apa]. Itu contoh cerita rantinglah. *Hok* [Yang] burung ketitir kuning. Cerita- banyak lagilah cerita ranting lain. Itu cerita ranting, kalau cerita pokok asalnya cerita, Seri Raman dan juga Maharaja Mawarana itu, mana-mana negara pun dalam yang ada wayang kulit yang ada cerita itu, boleh dikatakan *lapan puluh lima peratus* [85%] hampir sama.

NA : **Kalau yang *duk* [selalu] main dekat Gelanggang Seni [ Kota Bahru, Kelaantan, Malaysia] tu ?**

EN : Dekat situ kita main cerita ranting. Cerita ranting itu cerita yang telah *tak* [tidak] boleh ditokok tambah. *Tak* [tidak] boleh kita nak main- dalam cerita itu kita nak tambah *bubuh* [letak] watak John, *bubuh* [letak] watak Jamal Abdillah ke *tak* [tidak] bolehlah. Dia kena main, kalau cerita Burung Ketitir Kuning tadi, nama-nama watak seperti dalam cerita, sebab di situ kita main untuk pelancong, jadi dia nak tengok yang *ori taksey* [asli, tidak mahu] tengok cerita *Doremon* [cerita animasi berbahasa Jepun]. Kalau letak watak *Doremon* [cerita animasi berbahasa Jepun] dalam itu, suka lah pelancong pun.

NA : **Kalau hendak jadi tok dalang ni dia ada ciri-ciri tertentukah?**

EN : Hendak jadi tok dalang, pertama sekali (pengulangan ayat yang sama) *soro* [suara]. Suara ini dia *kena* [mesti] sedap. Hendak kata sedap itu tidak lah juga tapi dia *bulih* [boleh], *soro* [suara] dia ini boleh bernyanyi, boleh berdialog, (pengulangan ayat yang sama) boleh tukar-tukar *soro* [suara], *niru* *soro* [meniru suara] binatang. *Lepas* [Selepas] itu kita kena tengok watak, kalau *tubik* [keluar] watak macam ini, *soro lagu mana dia nak tubik* [suara macam mana yang nak perlu buat] biar sesuai. Kalau watak dia kecil macam ini *soro* [suara] dia macam mana. Itu ~~kita~~ kena perlukan satu kreativiti kita.

- NA : **Jadi kalau berkenaan syarat untuk jadi tok dalang ada tak?**
- EN : *Tak* [tiada]. Bebas. Kalau dia *reti* [pandai]. Kalau di Kelantan ini ada macam di sekolah-sekolah itu dia- apa ini- *darjah-darjah enam* [darjah 6]- ada.
- NA : **Adakah sekarang masih wujud tok dalang dari bangsa lain?**
- EN : Bangsa lain? Kalau selain dari Melayu ini, Cina. Cina ada lagi, contohnya patut di *Pasir Parit* [Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia] itu Hock Seng. *Lepas* [Selepas] itu kalau di Kok Lanas [Kelantan, Malaysia] itu, kumpulan Cendayu- (pengulangan ayat yang sama) Cina, India, Melayu.
- NA : **Adakah setiap persembahan masih ada bangsa lain yang turut menonton bersama?**
- EN : Kebanyakkannya orang Siam, orang Cina, India pun ada.
- AH : **Adakah orang India ramai yang turut bermain bersama?**
- EN : India *tak* [tidak] ramai, dan majoriti India pun berapa orang sahaja yang ada (pengulangan ayat yang sama) di Kelantan ini boleh *bilang* [kira] dengan tangan. (penemubual ketawa)
- NA : **Apakah jenis bahasa yang digunakan?**
- EN : Bahasa Kelantan, *loghat* [dialek] Kelantan. *Hoktu sayo oyak sakni* [Itu yang saya katakan tadi].

- AH :** **Adakah Encik Nizam juga bermain dalam bahasa Kelantan?**
- EN :** Ya, saya bermain dalam bahasa Kelatan, tapi ada juga *kade-kade sayo* [kadang-kadang saya] tengok keadaan tempat jugalah. *Kade-kade kalu keno* [Kadang-kadang kalau kena] main di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]. Dulu, di *UiTM Machang* [di Universiti Teknologi MARA Machang, Kelantan, Malaysia] saya pernah buat persembahan. (pengulangan ayat yang sama) Main-main dalam malam itu, *sepuluh minit* [10 minit], kena ribut, hujan, *cabut* [tertanggal] habis (penemubual ketawa) kelir. Masa itu Sabri Yunus ada. Dia ada buat gapo dio? [program apa] - lama. (penemubual dan pencerita bersempang dan keluar topik)
- NA :** **Boleh Encik Nizam tolong huraikan tentang wayang kulit ‘gedek’.**
- EN :** Saya tidak berapa tahu tentang wayang kulit ‘gedek’ tapi dia bukan wayang Kelantan. (pengulangan ayat yang sama) Saya malas *oyak* [cakap] kalau *tak* [tidak] kena *nyanyo ko* [kesian dekat] awak.
- NA :** **Bahagian seterusnya tentang patung wayang kulit. Encik Nizam buat sendiri patung itu atau dapatkan dari mana?**
- EN :** Saya buat sendiri. (pengulangan ayat yang sama) Ukiran pun saya buat sendiri. Kulit pun saya buat sendiri.
- AH :** **Adakah ia mengambil masa yang lama untuk membuat wayang kulit?**
- EN :** Bermula dari kulitlah. *Okay* [baiklah] kulit lembu ini yang paling utama sekali proses untuk buat kulitlah hendak bagi-, kalau dulu, wayang kulit ini dia *TV* [televisyen]. Contohnya macam *TV* [televisyen] ya kalau dulu hitam

putih, sekarang ini *timbul TV* [terdapat televisyen] warna. *Dulu* [Dahulu] pun wayang kulit macam itu juga, dulu wayang kulit kalau letak di kelir kita akan nampak benda itu, bayang dia itu hitam. *Loni* [sekarang] wayang kulit letak di kelir nampak, warna. *Awok g tengok haritu napok belako dih, warna merah, hijau, biru?* [Awak pergi tegok hari itu nampak semua warnakan, warna merah, hijau, biru], sebab itu adalah proses pembaharuan yang di buat oleh kreatif- tok dalang itu cara *lagu mana* [bagaimana] dia buat proses untuk kulit itu jadi cerah lut cahaya tapi proses dia memang memakan masa lah. Makan masa lepas itu dengan keadaan yang busuk. Memang betul-betul busuk lah. Kulit itu bangkai mati- kulit lembu di sembelih- ambil bawa balik rumah- (bunyi kereta) lipat-lipat kita masuk dalam guni *tiga hari* [3 hari], cuba awak bayanglah duduk dalam guni *tiga hari* [3 hari], kita buka itu dia bau macam mana, awak bayang sendirilah. *Lepas* [Selepas] itu kita jemur, kita buang dia punya lemak daging apa semua, dia punya bulu itu- tegangkan di- *pahtu* [selepas itu] kering. *Pahtu* [Selepas itu] tegangkan- *lepas* [selepas] itu baru kita buat. Kita lukis patung dulu di kertas tapi sekarang *loni tak* [ini tidak] payah lukis *dah* [patung], kita lukis sekali boleh sampai bila-bila, kita fotostat *je* [sahaja]

NA : **Kalau yang hendak letak warna itu?**

EN : Setelah kita *tebuk siap* [siap menebak] apa semua baru kita letak warna. Warna ini dia ada warna asas dia, kira warna wajib contohlah paling mudah warna wajib yang tidak boleh ditukar warna lainlah macam Seri Rama warna hijau, kalau Laksamana warna merah, Wok Long warna merah, Pok Doggo warna hitam (pengulangan ayat yang sama) lepas itu kalau

Hanuman warna putih, itu- *kala* [warna] itu memang wajib, memang kita- bagi tubuh dialah, pakaian dia itu *tak* [tidak] apalah kita *bubuh* [letak] warna apa pun boleh tapi itu adalah tubuh dia, kalau Seri Rama itu warna hijau, muka dia warna hijau, yang mana nampak tubuh dia itu warna hijau lah, tapi kalau kita *bubuh* [letak] pakaian dia itu warna lain itu boleh lah. Kalau Seri Rama warna merah.

**NA : Kalau macam watak-watak tambahan tu?**

**EN :** Itu *tak* [tidak] apa, warna apa pun *tak* [tidak] apa. Dia tengok menarik *jah* [sahaja]. Dia tengok elok, *comel ja bubuh* [cantik sahaja letak]. Asas yang warna asal itu watak-watak utama tadilah macam- sebab dia ada nama dia, salah satu Hanuman Kera Putih *tak* [tidak] akan hendak *bubuh* [letak] warna merah- tak menjadi kera putih jadi Hanuman Kera Merah.

**AH : Lepas [Selepas] itu sudah buat sendiri itu agak-agak tahan berapa lama?**

**EN :** Tahan lama. Kadang-kadang *dua ratus tahun* [200 tahun]. Saya ada *satu* [1], *dua*, *tiga* [2, 3], *empat* [4] watak yang saya- seingat-ingat saya mengikut cerita datuk saya itu berusia dalam lingkungan *dua ratus tahun* [200 tahun]. Tahan, kulit lembu tahan.

**NA : Ada beza tak corak dahulu dan sekarang?**

**EN :** Dari segi perbezaan ukiran, berbeza. *Lepas* [Selepas] itu ukiran bentuk asas wayang kulit walaupun- dikatakan tidak lah *seratus peratus* [100%] berubah tetapi- banyaklah berubah. Kalau *dulu* [dahulu], contohlah saya

bagi mudah- dulu Seri Rama dia *tak* [tidak] ada dia punya panjak- dia dalam bahasa wayang kulit panggil, dipanggil *copong* [panjak]. Copong wayang kulit itu sebenarnya dia ambil daripada permainan Menora (pengulangan perkataan yang sama) Siam itu, dia ada pakai *benda itu* [copong] juga. Dia ambil daripada- dia tengok persembahan Menora, benda itu dia ambil dimasukkan ke wayang kulit. Itu adalah pembaharuan dari segi ukiran patung. Selepas itu dari segi bunga-bunga pun banyak yang tambah. Tambah bunga pelik-pelik walaupun bentuk asal dia jadi *tak* [tidak] berubah tapi dari segi ukiran itu memang banyak berubah.

- NA : **Kalau henadk main wayang kulit ini, penonton yang *duk tengok tu* [sedang melihat itu] dia *tak* [tidak] boleh celupar ke?**
- EN : Kalau dulu memang *tak* [tidak] boleh, sebab dulu, tok dalang dulu dia ada unsur-unsur syirik, khurafat. Dia ada- bomoh-bomoh sebab dulu, dia main wayang kulit, tok dalang banyak. Jadi dia masing-masing nak popular. Jadi, inilah menyebabkan tok dalang-tok dalang ini menggunakan jampi serampah ini untuk menarik minat penonton-penonton ini pergi tengok wayang kulit dia. Contohnya daripada Kampung A ada persembahan wayang kulit, di Kampung B ada persembahan, tok dalang berbeza di dalam malam yang sama. Jadi untuk, tok dalang A ini untuk nak tarik penonton untuk pergi tengok. Jadi sebab itu mereka menggunakan jampi serampah supaya kadang-kadang itu kita dengar muzik dia pun, kita *tak* [tidak] senang duduk dekat rumah, kita *kena* [hendak] pergi juga. Sebab itu kita- orang-orang dulu kata- kita pergi wayang kulit mulut *tak* [tidak] boleh celupar. Kalau kita naik *atah* [atas] bangsal persembahan, kita tidak boleh

*nak* [hendak] langkah wayang kulit itu sebab dia ada pantang larang (pengulangan ayat yang sama) yang dulu lah. Tapi tok dalang baru, moden, tok dalang yang terbaru *loni tak dok doh lah* [sekarang sudah tidak mengamalkan] benda itu semua, *supo saya oyak takdi lah* [seperti yang saya katakan tadilah]. Pada saya, semua saya sudah buang dan sekarang-sekarang ini persembahan wayang kulit adalah persembahan wayang kulit sahaja. Saya sudah tidak ada unsur-unsur syirik dan khurafat, pemujaan apa semua sudah tiada. Saya main wayang kulit tapi hikayat wayang kulit.

**NA : Dia ada jenis-jenis irama atau tema untuk Seri Rama.**

**EN :** Ya, dia ada lagu-lagu dia. Lagu Seri Rama berjalan, dia ada lagu Seri Rama berjalan. Lagu binatang berjalan, dia ada lagu binatang *lepas* [selepas] itu ada dia ada lagu orang kampung, rakyat-rakyat biasa berjalan, dia ada lagu rakyat biasa berjalan. Dia ada lagu dia, irama dia macam-macamlah. Contohnya masa-masa sedih, dia ada lagu irama-irama sedih. *Tok key* [tak akan] lagu irama sedih nak pasang *lagu rap* [unsur muzik hip-hop] pula. (penemubual ketawa)

**NA : Wayang kulit yang buat tu dia ada guna wayang kulit yang sama ka walaupun tajuk lain-lain.**

**EN :** Tidak semestinya, kalau kita hendak ikut dia sebenarnya kita kena- bila tajuk wayang kulit cerita lain- kalau cerita watak utama kita boleh tukar, kalau Seri Rama itu Seri Rama lah tapi kalau kita kata- contohnya cerita apa-apa cerita watak jin. Bila watak jin ini kita menggunakan watak jinlah. Ia berbentuk jinlah. Ukiran jinlah dalam wayang kulit- kita tak boleh

masukkan watak jenis raja ke, ratu ke, tak boleh, kita memang kena guna watak jinlah walau apa nama sekali pun jin itu- kalau kita kata wayang kulit kita itu tidak banyak, jin itu tidak banyak atau kita kata ada *satu* [1] atau pun *dua* [2] jadi kita main cerita. Jadi kita letak nama jin itu A lepas itu dalam cerita lain kita masukkan watak ini juga, kita guna watak ini kita letak nama jin B pula. (suara pengunjung) Tak apa, bentuk serupa itu jinlah.

**NA : Kalau nama tidak kisah?**

EN : Kalau raja, kalau ratu kena nama Ratu lah, tak kira nama Ratu apa pun. Kalau watak raja, menteri, panglima- perbezaan dari segi bentuk itu tak-ketara sangat tapi kebanyakkan berbeza dari segi pakaian dia. Sebab kalau raja banyak sikit pakaian dia, kurang sikit kalau panglima. Rakyat biasa ini ada yang pakai *spendo* [seluar dalam] saja pun ada.

**NA : Siapakah yang menetapkan tema untuk persembahan di Gelanggang Seni?**

EN : Di Gelanggang Seni, tok dalanglah. (Bunyi Azan)

**NA : Untuk persembahan kalau *kat* [di] gelanggang seni siapakah tok dalang jadi ada pantang larang untuk buat persembahan itu?**

EN : Kalau dulu memang adalah, tapi kalau sekarang ini pantang larang kita sudah tidak berapa ada.

- NA : **Dulu banyak tidak pantang larang?**
- EN : Dulu banyak pantang larang lah. (penemu bual mengiakan) Kita *tak* [tidak] boleh langkah wayang kulit itu, (penemubual mengiakan) *tak* [tidak] boleh pijak, mulut kita jangan celupar. Sebab benda-benda tadi lah, seperti yang saya katakan tadi, benda macam unsur-unsur pemujaan yang menyebabkan benda-benda itu tidak boleh dilakukan macam tadi macam langkah *ko* [ke], pijak *ko* [ke]. (bunyi dari pembesar suara masjid).
- NA : **Adakah Encik Nizam membuat latihan dahulu sebelum memulakan persembahan?**
- EN : Kalau perlu- (bunyi dari pembesar suara di masjid) kita buat latihan. Tengok *atas* [pada]-- kalau macam kata siapa yang panggil kita nak buat persembahan itu. *Gapo dio* [Apa dia] yang dia hendak suruh kita main cerita *gapo* [apa]. (penemubual mengiakan) Jadi *kalu* [kalau] maknanya benda itu perlu kita buat latihan kita buatlah- untuk sesuaikan dengan keadaan, tempat, untuk sesuaikan dengan keadaan masa. Bagi masa kita berapa minit- itu kita kena *prepare* [membuat persediaan] lah.
- NA : **Adakah sama bagi setiap alunan pembukaan muzik pada setiap kumpulan?**
- EN : Dia- sebenarnya benda itu sama tapi sekarang *loni* [ini] banyak pasukan-pasukan itu dia *tak* [tidak] boleh hendak main lagu yang asal. (penemubual mengiakan) Jadi dia buka panggung pun dia buka dengan lagu-lagu dia sendiri. Dia buat *bantai* [pembukaan] macam itu *jelah* [sahaja lah]

- NA : **Berapa lama selalunya muzik pembukaan mengambil masa?**
- EN : Pembukaan itu biasanya kalau kita main penuh lagu dia lebih kurang dalam *lima belas minit* [15 minit].
- NA : **Kemudian baru boleh masuk kepada jalan cerita?**
- EN : *Ha'a* (Ya).
- NA : **Jadi ketika penutup juga ada irangan muzik jugakan?**
- EN : Ada muzik penutup juga.
- NA : **Adakah muzik sama yang dimainkan semasa pembukaan?**
- EN : *Tak* [Tidak], lain.
- NA : **Jadi muzik pembukaan itu juga mengikut kumpulan sendirikan?**
- EN : Benda- lagu itu sama tapi sedikit sebanyak adalah perbezaan dari segi bunga-bunga dia itu.
- NA : **Seterusnya, kalau dari segi tempoh persembahan wayang kulit itu lama tak? Ataupun dia ikut jalan cerita dia.**
- EN : (bunyi dari pembesar suara masjid) Maksudnya?
- NA : **Maksudnya macam kalau yang asas tadi itu berapa lama selepas itu kalau cerita ranting itu berapa lama.**
- EN : Itu kita bergantung kepada atas pengajurlah. Kalau pengajur kata "Kita hendak buat persembahan ini, tiga malam *ko* [ke]." Kita kalau buat untuk-

*seje ko* [sejam ke]- (pengulangan ayat yang sama) Kalau lama kita main cerita itu cerita *panje* [panjang], lama sikit. *Gitu lah* [Begitulah], mengikut *keadae atah* [keadaan atas] penganjur. (bunyi dari pembesar suara masjid)

**NA : Andai kata tok dalang tidak datang, adakah ada yang akan menggantikan atau tidak?**

**EN :** Dia, dalam persembahan wayang kulit ini, wayang kulit Kelantan ini dia ada dua tok *dale* [dalang]. Pertama dia panggil tok dalang muda, *lepas* [lepas] itu seorang lagi dia panggil tok dalang tua. Tok dalang muda dia main untuk pembukaan- (penemubual mengiakan) bila habis tok dalang muda itu- *lepas* [selepas] itu masuk tok dalang yang membawa cerita itu untuk bermain cerita, baru tok dalang tua tapi kalau tok dalang tua ini tidak ada- kalau tok dalang muda ini orang yang berpuluhan, dia boleh ganti, (penemubual mengiakan) sambung cerita itu.

**NA : Berkenaan alat muzik, adakah alatan muzik akan disimpan di satu tempat atau masing-masing membawa pulang alatan muzik tersebut?**

**EN :** Kebiasaannya alat muzik itu dipunyai oleh kumpulanlah. Kumpulan itu yang menjaga alat muzik, siapa yang bertanggungjawab.

**NA : Siapa yang bertanggungjawab itu kena jaga semualah?**

**EN :** Ya, dia kena jagalah. Tengok, *check* [semak] dari segi kerosakan apa semua. Kalau rosak dia kena baiki. (bunyi dari pembesar suara masjid)

NA : **Bagaimanakah kita akan mengetahui bahawa wayang kulit tersebut akan tamat?**

EN : Biasanya kalau *male* [malam], antara pukul *sembilan malam* [9.00 malam] hingga pukul *sebelas* [11.00 malam], kalau kita nak habis kita- dia adalah contoh macam dramalah dalam *tv* [televisyen]. Kita tengok, dia adalah- apa ini- jalan-jalan cerita dia itu. Penjahat semua sudah mati semua maknanya semua sudah hendak habislah, lebih kurang samalah dengan drama-drama *tv* [televisyen] sekarang ini. (penemubual mengiakan)

NA : **Kalau muzik tutup pun *lima belas minit* [15 minit] jugakah?**

EN : Tidak sampai. Kalau muzik tutup biasa dalam *dua hingga tiga minit* [2 hingga 3 minit]. (penemubual mengiakan)

NA : **(suara pengunjung muzium) Bolehkah Encik Nizam ceritakan sedikit tentang cerita wayang yang dipermainkan menggunakan wayang kulit contohnya seperti dua tajuk asas yang bertajuk Seri Rama dan Maharaja Mawana. Ringkaskan.**

EN : (bunyi dari pembesar suara masjid) Cerita Maharaja Mawana dan Seri Rama? Maharaja Mawana itu dengan Seri Rama ini adalah dua raja yang kira dua orang *hok* [yang] raja yang saktilah. (bunyi dari pembesar suara masjid) Dia bijak- dia berebut, untuk- masing-masing untuk mendapat Puteri Sita Dewi. Jadi berlaku (bunyi dari pembesar suara masjid) satu- (suara pengunjung) *mace* [macam] beradu kekuatan dari segi- *buke* [bukan] dari segi peperangan (bunyi dari pembesar suara masjid) tetapi dari segi kepandaian, dari segi, dia panggil *manoh tal* [memanah pokok tal]. *Manoh*

*tal* [memanah pokok tal] ini dia ada di dalam- apa ini, Puteri Sita Dewi ini dipelihara oleh seorang Sami yang bernama Maharisi dalam *wat* [kuil]-orang kata *ketik* [kuil]- dalam apa ini- kuil? Bagi Buddha. Dia ada pokok tal. Awak tahu pokok tar?

NA : **Bagaimanakah bentuk pokok tal?**

EN : Pokok tal ini dia- lebih kurang pokok kelapa, dia ada buah *kecik-kecik* [kecil-kecil]- dia boleh nira, boleh ambil nira itu (penemubual mengiakan). Pokok tal itu kalau di sebelah luar panggil pokok apa?

NA : Pernah dengar sahajalah, tapi tak tahu panggil apa.

EN : Dalam kuil ini dia ada tujuh pokok tal. Dia beradu kekuatan siapa yang boleh memanah tujuh pokok tal sampai *tembuh* [tembus] ketujuh-tujuh pokok dengan satu panah- biar *tembuh* [tembus] dia punya batang pokok tal. Jadi setelah beradu kekuatan- benda itu dipanah oleh Seri Rama (suara pengunjung), *tembuh* [tembus] lah pokok tal itu. Jadi Maharisi tadi, sami tadi, dia akan menikah Sita Dewi dengan Seri Rama, tetapi Maharawana ini dia mempunyai seorang raja yang jahat yang berhasad dengki- jadi bila Sita Dewi- Seri Rama membawa balik Sita Dewi ke dalam negeri dia di Tanah Jawa [Indonesia], Maharawana ini membuat pelbagai helah untuk mendapatkan Sita Dewi ini- berlaku peperangan apa semua. *Nok bulih ko sapa* [Akan dapat kepada siapa] balik ke negeri Seri Rama tadi, ke *Tanah Jawa* [Indonesia] tadi, macam-macam berlaku- berlaku peperangan, berlaku helah. Maharaja Mawana ini membuat satu air kesaktian. Dia buat dua buah kolam, dalam *hute* [hutan]. Bila Seri Rama ini berjalan dengan adik dia- Seri Rama, adik dia Laksamana dan juga Sita Dewi tadi, berjalan

*nak* [hendak] balik ke Negeri Tanah Jawa [Indonesia]. Maharaja Mawana ini dia kering habis air, mana-mana yang ada dalam hutan itu- *lepas* [selepas] itu dia buat dua kolam, satu kolam air yang jernih, satu kolam (suara pengunjung) airnya keruh. Jadi, bila berjalan- diringkaskan cerita lah- Seri Rama dan Sita Dewi ini, nak minum air dalam kolam *hok* [yang] jernih itu, adik dia Laksamana ini- *dah lama duk ikut abe dio denga Sita Dewi ini* [sudah lama mengikuti abang dia dan Sita Dewi] yang menjadi kera ini. Lama-lama dia *dah habih* [sudah habis] fikir *dah* [penyelesaiannya]. *Lepas* [Selepas] itu dia terpaksa, dia kena bunuh kera ini- Dia ambil panah tadi, dia panah, bila kena kera ini- dia pulih *jadi* [menjadi] Seri Rama balik- Sita Dewi pun dia jadi Sita Dewi balik. Jadi- tapi semasa dia menjadi kera itu- dia berlaku persetubuhan semasa dia menjadi kera itu- jadi menyebabkan Sita Dewi ini mengandung. (suara pengunjung) Tetapi semasa dia menjadi kera. Bila dia kena panah itu tadi, kandungan dia gugur, benih itu terlekat di atas satu- kalau mengikutkan ceritanya dalam- atas sehelai daun, lepas diambil oleh- (bunyi dari pembesar suara masjid) cahaya bulan, dan cahaya bulan ini ambil bagi kepada- masukkan satu kedalam kandungan ibu lain untuk mengandungkan benih tadi. Sita Dewi ini mengadungkan benih tadi tiga bulan. *Lepas* [Selepas] itu ibu yang lain tadi mengandung sembilan bulan. Lalulah lahir seorang anak bernama Hanuman, Hanuman Kera Putih (suara pengunjung). Jadi bila benih itu lahir- jatuh *atah* [atas] daun kayu tadi, diambil oleh Dewa Cahaya Bulan tadi. *Lepas* [Selepas itu]- lama Laksamana ini- Sita Dewi dia pulih daripada kera- balik- jalan balik ke Jawa [Indonesia]- Maharaja Mawana *buat mari* [membuat] satu helah, berbagai helah dia buat untuk

dapatkan Sita Dewi dia buat- *lebah* [lepas] itu dia buat (bunyi dari pembesar suara masjid) jadi- dia *g rapah* [pergi rampas] lah (suara pengunjung) *ambik* [ambil]- Sita Dewi dari Seri Rama ini- *bawak* [bawa] balik ke negeri. Di negeri dia, di Pulau Langkapuri. *Lepah* [selepas] itu- Seri Rama bersama dengan Laksamana dan juga- masing-masing dalam perjalanan itu ada kumpulan daripada kera- Raja-raja Kera yang simpati dengan Seri Rama lalu mengikut Seri Rama (bunyi hentakkan kaki pengunjung) ke Pulau Langkapuri untuk mendapatkan balik Sita Dewi (penemubual mengiakan). Jadi di Pulau Langkapuri itulah (suara pengunjung) berlakunya perang yang besarlah dalam cerita- hikayat wayang kulit menyebabkan Maharaja Mawana ini mati, di Pulau Langkapuri. Itu saya cakap- satu ringkasan. Kalau nak *detail* [penuh], panjang lagi. Tapi itu memang, jalan ceritanya lebih kurang macam itu tapi peristiwa-peristiwa yang berlaku *celah-celah* [disebalik] itu memang banyak lagilah. (penemubual mengiakan)

**NA : Bagaimana pula kisah cerita bagi versi satu lagi?**

**EN :** Dia macam ini- Hikayat Ramayana dengan Maharaja Mawana atau pun Mahabrat, Seri Rama dengan Maharaja Mawana. Mahabrat dengan Ramayana ini benda yang sama, (penemubual mengiakan) orang yang sama. Kalau Kelantan, dia panggil Seri Rama, (penemubual mengiakan) di Indonesia dia panggil (bunyi enjin kereta) Mahabrat.

- NA : **Adakah terdapat maksud yang tersendiri di sebalik lagu wayang kulit ini? (suara pengunjung)**
- EN : Lagu ini seperti yang dikatakan tadi- lagu ini adalah (suara pengunjung) mengikut watak
- NA : **Kisah-kisah mengikut watak-watak tersebut?**
- EN : Ya. Lagu itu untuk watak itu. (suara pengunjung) Kalau lagu- contoh kata watak itu- kalau binatang, kena *palu* [mainkan] lagu binatang. Kalau jin, kena *palu* [mainkan] lagu jin. Dia ada lagu untuk mengintai pun ada, lagu untuk berenang ada.
- NA : **Lagu itu kira selang seli *pasal* [mengenai] cerita apa semua?**
- EN : *Tak* [Tidak]. Mengikut keadaan- *kalu* [kalau] kita kata binatang nak *berjale* [berjalan], kita kena *palu* [mainkan] lagu binatang berjalan.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: PANJAK, ALATAN MUZIK DAN ALUNAN**

AH : Bahagian 4 ini *pasal* [mengenai] alatan muzik. (suara pengunjung) Alatan muzik *kalu tok cukup, gano maksudnya mace kalu hile ka* [kalau tidak mencukupi, maksudnya kalau hilang ke.]

EN : *Kalu tak* [Kalau tidak] cukup itu boleh main tapi- satu *kecacatey* [kocacatan] dari segi irama. (penemubual mengiakan) Irama itu kalau *tak dok* [tiada] kesi *tak* [tidak] lengkaplah irama dia. Itu *jelah* [sahajalah]

AH : *Main lagi? Still lagi boleh main? [Masih boleh bermainkah?]*

EN : Boleh main tapi *mace* [macam] benda-benda *kecik-kecik* [kecil-kecil]- benda-benda asas. Gong, *kalu takdok* [kalau tiada], *tokleh* [tidak boleh] hendak mainlah. *Kalu* [Kalau] gedombak, *dua* [2] gedombak, *kalu takdok satu* [kalau tiada 1] (suara pengunjung) boleh lagi. Gedut pun sama. Kalau gedut itu *dua* [2], (suara pengunjung) kalau ada *satu* [1], boleh main lagi, tapi *kalu takdok* [kalau tiada] gong, *meme tok leh* [tidak boleh] mainlah. (suara pengunjung)

AH : *Pahtu gano Encik Nizam dapat ke (suara pengunjung) alat-alat itu?*  
[Bagaimana Encik Nizam dapatkan alat-alatan itu?]

EN : (suara pengunjung) *Setengah-setengah* [Sesetengah] kita buat sendiri, *setengah-setengah* [sesetengah] kita beli.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: SOALAN TAMBAHAN**

**AH : *Hok wak sendiri itu gapo eh? [Apakah alatan yang dibuat sendiri?]***

**EN : Gendut, *gende* [gendang], gedombok, *cane* [canang], kesi- (suara pengunjung) semua saya buat sendiri. Serunai kita buat sendiri, tapi *kalu hok* [kalau yang] saya beli itu gong. Gong *meme* [memang] saya *tak* [tidak] boleh *wak* [buat].**

**NA : **Kos untuk beli gong?****

**EN : Kos untuk beli gong- *kalu* [kalau] gong yang besi biasa itu lebih kurang dalam *seribu* [RM 1,000], untuk sepasang. Kalau yang tembaga itu- tembaga dia ada dua jenis, satu tembaga yang dibuat, dipanggil tembaga keping. *Kalu* [Kalau] tembaga keping itu nilainya sekarang ini lebih kurang *dale tiga ribu* [dalam RM 3,000]. Tapi *kalu* [kalau] gong yang *ori* [asli] lah, yang betul-betul lama yang *ori* [asli], harga dia lebih kurang dalam *empat ribu atau lima ribu* [RM 4,000 atau RM 5,000] sepasang.**

**AH : *Gano ore baru minat untuk belajar waye kulit? [Bagaimanakah cara bagi orang yang baru berminat dengan persembahan wayang kulit?]***

**EN : *Tok tahu* [tidak tahu]- *hok* [yang] itu *nok oyak tok leh* [hendak bercakap pun dia tidak tahu]. *Kemungkin dia* [Berkemungkinan dia], tertarik dengan persembahan atau pun *dio saye* [dia sayang], dengan seni takut *hile ko* [hilang ke]. *Kemungkin gitu* [Berkemungkinan begitu] lah. Ada sesetengah itu mungkin untuk memenuhi masa *lape* [lapang]. Tapi *kalu mace* [kalau macam] di universiti-universiti *loni* [sekarang], itu untuk *mendapatke* [mendapatkan] ijazah *ko* [ke]- untuk subjek. *Mace* [macam] *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] *key***

[kan]- *dio* [dia]- muzik kan *wojik* [wajib]. *Kalu* [kalau] di- belajar di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan].

**AH :** Macam Encik Nizam katakan tadi sebelum memulakan wayang kulit, ada sesetengah itu dikehendaki berlatih dahulu, jadi berapa lama latihan wayang kulit itu?

**EN :** Latihan tidak perlu lama sebenarnya. Kita ambik pun asas- *cumo ko buke kato* [Cuma bukan kata] kita hendak berlatih penuh cerita kita hendak main- cuma berlatih *dale* [dalam] bentuk *perbincange* [perbincangan]. “Kita hendak main *ini* [merujuk kepada cerita yang akan dimainkan] cerita mengenai benda tersebut- lagu yang *diperluke* *nyo* [diperlukannya]- lagu seperti yang tersebut.” Sebenarnya ahli muzik ini *meme dio panda belako doh* [memang dia sudah pandai semua], *dio tahu doh* [dia sudah tahu]- Cuma bila kita *gi main* [pergi bermain] itu kita- *dio* [dia] boleh *pehe doh lah hok itu* [faham sudah apa yang disuruh].

**AH :** *Ado dok tok dale hok bukok kelas nok belaja ore hok minat?* [Adakah terdapat tok dalang yang membuka kelas bagi orang yang berminat untuk belajar?]

**EN :** *Ado* [ada].

**AH :** Banyaklah? [merujuk kepada berapa ramai tok dalang yang membuka kelas bermain wayang kulit]

**EN :** Banyak itu, *tok banyakok* [tidak banyak] lah, tapi *kalu tok dale* [kalau tok dalang] yang *berkemampue* [berkemampuan], yang rajin, *dio* [dia] buatlah. *Kalu kito nok buat bukok kelah* [kalau kita hendak buat buka kelas] untuk *nok ngaja ore* [hendak mengajar orang] ini pun *dio make* [ia memakan] perbelanjaan besar

*jugok* [juga] sebab- *kalu* [kalau] segi *nok buat basa* [nak buat bangsal]- *kalu nok* [kalau nak] buat *basa* [bangsal] atau pun pentas untuk buat *persembahae* [persembahan] untuk belajar itu paling-paling *kure* [kurang] pun *make belanjo jugok dale lima ribu* [memakan belanja juga dalam RM 5,000]. Itu *kalu kito kiro wak* [kalau kita kira buat] pentas- *kalu nok wak basa* [kalau hendak buat bangsal] dengan buluh untuk *persembahae mace biaso-biaso mace denga basa* [persembahan macam biasa seperti dengan bangsal]- dengan buluh, dengan *bate* [batang] nibong- dia buat untuk *semetaro hok* [sementara yang] itu *duo tigo ratus ya* [RM 200 hingga RM 300] pun sudah cukup *dah* [memadai]. Tapi *kalu kito* [kalau kita] buat kekal untuk tempat kita *mace* [macam] bengkel untuk belajar *gapo* [sesuatu]- *hok* [yang] itu kos perbelanjaan *banyak* [banyak] sikitlah. *Lepah* [Selepas] itu *kito keno* [kita dikehendaki] beli alat muzik lagi. *Pah kalu tok dale* [Habis kalau tok dalang] itu sendiri *nok ngaja sore takut tok dey* [hendak mengajar seorang takut tidak sempat]- *dio keno ajok ore* [dia dikehendaki mengajak orang] lain *sore duo* [seorang atau 2 orang]. Orang lain lagi *dio keno* [dia mengajar]- kemungkinan *dio keno bui* [dia kena bagi] kos- duit *minyok ko* [minyak ke]- *mace make* [macam makan] minum. *Adolah tok dale* [Adalah tok dalang] itu *keno wak tubik jugok belanjo* [keluar juga belanja] walaupun kebiasaannya *kade-kade ado kito mitok denga* [kadang-kadang ada kita mintak dengan]- *yure denga* [yuran dengan] pelajar-pelajar *hok mano nok* [yang mana hendak] belajar itu pun *ado jugok* [ada juga] tapi *tok dale* [tok dalang]- *Ado jugok* [ada juga] lah.

**AH : Pah Encik Nizam takdok bukok? [Adakah Encik Nizam tidak ada membuka kelas juga?]**

**EN :** Buat *maso* [masa] sekarang *loni* [ini], *takdok* [tidak ada] tapi *insyaAllah* [semoga dipermudahkan urusan oleh Allah] tengok *dale bule-bule* [dalam bulan-bulan]-*lebah-lebah* [lepas] hari *rayo* [raya] ini *kut sayo nok* [takut saya nak] buat pentas *depe rumoh sayo* [depan rumah saya]. *Sayo mintok* [saya mintak] sikit *peruntukkey daripado kebudayaee* [peruntukkan daripada kebudayaan]- apa ini-*Exco Kebudayaan Kelantan* [Ahli Dewan Undangan Negeri]. *Mintok sikit peruntuke nga dio* [Minta sedikit peruntukkan dengan dia]- *dio kato* [dia cakap] “*InsyaAllah, luluh* [semoga dipermudahkan segala urusan oleh Allah, lulus].” Jadi *kato kalu luluh bendo* [andai kata lulur benda] itu- *sayo nok* [saya hendak] buatlah. Saya nak beli alat muzik baru- (bunyi barang jatuh) buat *pentah* [pentas] untuk belajar.

**NA : Yuran itu kira macam mana?**

**EN :** Yuran itu tidak lah mahal- kita hendak ambil sekadar hendak untuk beli roti- *wak* [buat] air, untuk minum bersama- itu *jah* [sahaja]. Kalau ada lebih sikit kita bagi pada cikgu-cikgu yang jemputan yang kita panggil mengajar.

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: HARAPAN/PENDAPAT**

**AH : Bahagian yang *ngelah* [terakhir] iaitu bahagian pendapat. Pendapat Encik Nizam, apa nasib wayang kulit pada masa akan datang?**

EN : Kita pun *tak* [tidak] boleh jadi tukang ramallah. (penemubual ketawa) Tukang ramal pun sebenarnya Tuhan *tidak beri* [tidak izinkan]- (bunyi kereta) tapi kita agaklah- wayang kulit ini- saya rasa *kalu* [kalau] wayang kulit di Kelantan di Malaysia ini- boleh bertahan lama lagi sebabnya saya tengok di- sekarang *loni* [ini], pendedahan diperingkat-peringkat sekolah dan juga universiti itu banyak memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk belajar muzik wayang kulit, mak yong, dikir barat- *gapo pung* [apa pun]. *Banyoklah* [Banyaklah] di universiti, *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan] di- *macanya* [macamnya] contoh, *mace* [macam] awak di *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] pun rasa-rasanya ada belajar muzik. *Universiti Tanjung Malim* [Perak, Malaysia] kursus mengenai wayang kulit di *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] pun ada- *USM Pulai Pinang* [Universiti Sains Malaya Pulau Pinang], pun *ado* [ada]- *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan], pun *ado kelah* [ada kelas] mak yong, kelas wayang kulit. Jadi situ pun *sayo* [saya] fikir maknanya *kalu nak pupuh* [kalau hendak pupus] itu pun – *memey* [memang] benda itu lambat lagilah. Sebabnya di peringkat-peringkat sekolah *rendoh loni* [rendah sekarang] pun *ado* [ada] *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] *ata* [menghantar] artis-artis di *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] ini *gi ngaja* [pergi mengajar] di sekolah *rendoh* [rendah], sekolah menengah pun masih ada lagilah *kelah-kelah* [kelas-kelas]. *Lepah* [Selepas] itu kalau kita ambik *ore* [orang] luar negara contohnya macam di Singapura. Di Singapura sekarang *loni* [ini]- *dio bulih*

*katokey* [dia boleh katakan] setiap sekolah di Singapura ada *kelah-kelah* [kelas-kelas] untuk belajar wayang kulit. *Kalu nok dikatoke kelah di Singpuro* [Kalau hendak dikatakan kelas di Singapura] dan Kelantan *loni* [sekarang]- dikir baratlah-saya rasa *pasuke* [pasukan], kalau Kelantan dan Singapura ini banyak di Singapura. (bunyi benda) Saya pernah mangadili satu *pertandinge* [pertandingan] di Singapura- *dua ribu tigo belas* [tahun 2013]. Ada *tujuh puluh enam* [76] pasukan di Singapura. Di Kelantan sendiri pun- tempat-tempat RTM buat pertandingan pun ada *sepuluh* [10] pasukan sahaja yang masuk- *pasuke* [pasukan] (penemubual ketawa) di Kelantan.

**AH : Orang Singapura menggunakan bahasa lorat Kelantan jugakah?**

EN : Ya. Guna bahasa Kelantan.

**AH : Orang dia yang bermain?**

EN : Ya, orang Singapura. Tapi kebanyakannya (bunyi hentakkan tapak kaki pada lantai muzium) *ore sini hok ngaja* [orang sini yang mengajar]. Orang Kelantan ini *hok ngaja* [yang mengajar]- sekurang-kurangnya penggiat seni *mace* [macam] dikir barat, wayang kulit dari Kelantan boleh cari duit- boleh *kijo make gaji* [kerja makan gaji] di Singapura- *ngaja* [mengajar] wayang kulit- *ngaja* [mengajar] dikir barat.

**AH : Selepas itu, macam zaman sekarang ini kan, ramai lagi kah orang yang tengok persembahan dekat gelanggang seni?**

EN : *Nok kato rama* [Hendak cakap ramai], *tidok* [tidak] lah ramai tapi masih *ado* [ada] lagi *sambutey* [sambutan]- tapi *supo nga oyak* [sama macam yang cakap]- tempat-

tempatlah. Kalu di- *mace* [macam] di *kawase* [kawasan] bandar *gitu payohlah* [begitu susahlah] sebab *ore* [orang] masing-masing sibuk denga *kijo* [kerja].

**AH : Kalau dekat gelanggang seni?**

EN : Kalau dekat gelanggang seni itu- ada lagilah sambutan. (bunyi enjin motor) Tapi situ sebenarnya- *kalu ado* [kalau ada]- sebenarnya *kalu ore kapung* [kalau orang kampung] ini *dio tok berapo nok g* [tidak berapa hendak pergi] tengok mana sebab dia di khaskan untuk pelancong asing sahaja.

**AH : Apakah langkah yang Encik Nizam ambik untuk memperkenalkan wayang kulit kepada masyarakat luar.**

EN : Langkah- *kalu sayo tidak luah* [kalau saya tidak luas]. (penemubual ketawa) Sebabnya kita tidak berkemampuan dari segi nak promosi *cumo ko loninya mace kito* [cuma sekarang ini macam kita]- lebih promosi kepada masuk *dale* [dalam] Youtube. Kita menggunakan media-media elektronik- *kemudahe hok* [kemudahan yang] mana ada- kira *hok mudoh* [yang mudah] lah. Nak *gi* [pergi] lebih jauh lagi kita tidak berkemampuan dari segi hal kewangan.

**AH : Tidak ada minta buat bajet untuk buat pameran di Muzium?**

EN : Dulu saya- di musium, kita *buat doh pamere* [sudah buat pameran]. *Pamere Woye Kulit* [Pameran Wayang Kulit] Antarabangsa, tahun *dua ribu lima belas* [2015]. Kita buat *pertandinge tok dale-tok dale* [pertandingan tok dalang-tok dalang]

**AH :** Apakah tindakan Encik Nizam supaya wayang kulit ini pupus begitu sahaja?

**EN :** Tindakan *mace sakni* [macam tadi] lah- (bunyi enjin motor) kita dapatkan sedikit peruntukan buka kelas, *ngaja- wie pendedahe ko* [mengajar- beri pendedahan kepada] budak peringkat-peringkat generasi *hok* [yang] baru-baru untuk belajar.

**AH :** Selepas itu, pendapat Encik Nizam juga bagaimana cara orang asing atau pun orang luar faham dengan apa yang tok dalang bercerita.

**EN :** Sebenarnya- contohlah *mace* [macam] saya bagi di Gelanggang Seni. Di Gelanggang Seni *loni* [sekarang]- sebelum *duk main woye* [bermain wayang] kulit ini- ada *sore* [seorang] jurubahasa, dia pemandu pelancong. Dia yang akan bercerita mengenai (bunyi enjin motor) wayang kulit sebelum *persemahe* [persembahan]. *Gapo dio* [apa dia] wayang kulit ini- (bunyi enjin motor) *gapo dio cerito* [apa dia cerita]- *gapo dio* [apa dia] main. Jadi *sekure-kure nyo* [sekurang-kurangnya] pemandu pelancong *hok mano* [yang mana] tengok itu- dengan *kekurange* [kekurangan] walaupun dia *tok pehe* [tidak faham] dialog *kecek* [bercakap] tapi tahulah *gapo dio woye kulit* [apa itu wayang kulit]- *jale cerito dio* [jalan cerita dia]. Jadi maknanya benda ini adalah sebenarnya dari segi *tok dale* [tok dalang] sendiri itu memain *perane* [peranan] tapi sebenarnya dia lebih penting lagi dari segi *kerajae* [kerajaan] lah- yang perlu mendedahkan benda ini untuk yang- dulu ada perancangan- dulu saya pernah buat *recording* [merekod] di Kuala Lumpur *dale* [dalam] bentuk *cd* [cakera padat]- (burung berkukur) *pase atah* [pasang atas] kapal *terbe* [terbang] atau *gapo-gapo pengangkute* [apa-apa pengankutan] yang masuk ke Malaysia. Pelancong-pelancong yang masuk ke Malaysia- *tok kiro* [tidak kira] lah kapal terbang *ko* [ke] kapal *gapo* [apa]- *pase kebudaya* [mengenai kebudayaan]- *pase cd* [pasang cakera padat]- atau *gapo-*

*gapo* [apa-apa] pun untuk *woye* [wayang] kulit Kelantan, atau persembahan negeri-negeri lain pun untuk, biar pelancong ini dengar sebelum dia *sapa mari* [sampai] di Malaysia ini dia boleh dengar, dia tahu doh. “Oh, di Kelantan ada wayang kulit, di Johor ada *kudo kepe* [kuda kepang], *ado zapin* [ada zapin]- di negeri ini. Kita tengok *woye* [wayang] kulit- *woye* [wayang] kulit mana? Kelantan”. Biasanya seorang pelancongan- “Saya nak tengok wayang kulit, saya dengar dah atas kapal *terbe* [terbang]- *alah* [semasa] mari saya dengar *dah woye* [*sudah wayang*] kulit”. Itu adalah salah satu contoh yang dibuat oleh kerajaan negeri untuk hendak mempromosi wayang kulit.

**AH : Selepas itu apakah nasihat Encik Nizam untuk orang baru zaman sekarang ini untuk berminat dengan kesenian wayang kulit.**

EN : Nasihat- *tak dok nok nasihat gapo* [tiada nak nasihat apa pun]- *kalu* [kalau] boleh belajar- mendalami seni persembahan wayang kulit supayanya tidak- *hile* [hilang], tidak *pupuh* [pupus] lah. *Tidak leke dek panah, tidak lapuk dek hujan* [Tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan merupakan peribahasa]- *ore kato* [orang kata]- biar generasi baru *hok ake date* [yang akan datang] ini pun tahu *gapo dio* [apa dia]- *buke woye* [bukan wayang] kulit *sajolah* [sahajalah]. Banyak persembahan-persembahan lain, *mace* [macam] mak yong ke, menora ke, silat ke, rebana ubi- sebab benda itu pun sekarang *loni* [ini] saya tengok pun- dari segi *persemahe-persemahe* [persembahan-persembahan] pun. *Kalu arap ko ore kato ore kapung biaso* [kalau harap ke orang kampung yang biasa] ini *meme jare bena doh nok* [memang jarang sekali dah nak]- *persemahe* [persembahan]- (bunyi telefon) Cuma *kalu* [kalau] banyak sikit pun dari segi *kerajae* [kerajaan], pejabat-pejabat *kerajae* [kerajaan] lah panggil untuk (bunyi burung berkicau) buat

*persembahe* [persembahan]. Sebab saya *napok nyo* [nampaknya]- *buke takdok sambute* [bukan tiada sambutan]- tetapi melibatkan kos yang agak tinggi untuk nak bayar kepada *pasuke gi* [pasukan pergi] main, *wak* [buat] persembahan itu untuk melibat *key ore kapung kiro perseorange* [kan orang kampung kira perseorangan] tidak berapa nak panggil lah untuk buat persembahan.

**AH :** **Selepas itu, Encik Nizam sendiri, ada ke pelajar atau waris-waris yang hendak teruskan langkah-langkah Encik Nizam ini.**

**EN :** Buat masa *loni anok sayo* [ini anak saya]. *Pahtu ado anok* [Lepas itu ada] murid saya pun ada *doh duo ore* [sudah dua orang] duk belajar, *doh duk main doh* [sedang bermain sudah].

**AH :** **Adakah dia menjadi tok dalang?**

**EN :** Ya. Jadi *tok dale* [tok dalang]. *Pah hok* [Lepas itu yang] main-main muzik pun ada ramai *doh sayo* [sudah saya] ajar- pandai.

**AH :** **Sebelum ini Encik Nizam pernah ditemu ramah kan? Siapakah yang menemu ramah encik nizam itu?**

**EN :** Temu ramah ini ramah lah. *Kalu* [kalau] pelajar-pelajar universiti- daripada (suara pengunjung) wartawan- media. Banyaklah daripada *tv ko* [televisyen ke]. Daripada pelancong-pelancong luar negara mari buat kajian. Dulu daripada contohnya daripada Jepun- dia mari temu ramah saya dia *kecek* [bercakap] *nga sayo* [dengan saya] mengenai *woye* [wayang] kulit. Dia banyak bertanya- *ngelah* [terakhir] sekali saya tanya dia “Awak hendak wak *gapo* [apa] ini?” “Saya hendak balik nak buat animasi (penemubual mengiakan) *dale* [dalam] bentuk- cerita

wayang kulit- gambar pun dale bentuk waye kulit tapi dari segi bentuk animasi-kartun.” Dia kata dia ini salah satu *ore* [orang] yang terlibat menerbitkan *Doremon* [cerita animasi Jepun]. (penemubual teruja) Jadi dia *loni* [sekarang] nya dia nak buat *pulok* [pula] cerita wayang kulit. Dia nak tiru tidak sepenuhnya gambar- Seri Rama pun dia buat *dale* [dalam] bentuk kartun gitulah.

**AH : Bahasa apakah yang digunakan?**

EN : Bahasa Jepun atau pun bahasa *ore putih nok suruh semo ore tengok* [Inggeris nak suruh semua orang tengok]- *ore pehe* [orang faham]. *Hok itu rugi nya kito* [itulah ruginya kita]. Produk kita- *ore ambik* [orang ambil]- dia jual. Jadi kita nak buat (bunyi lori) sendiri tidak mampu.

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

Hanapi Dollah. (2007). *Warisan Kelantan xxi*. Kelantan, Malaysia: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Mohamad Nizam Salleh. (2017, April 24). *Warisan kesenian wayang kulit*. [Interview]

Nik Mohamad Fadhil Halim & Muhammad Fawwaz Abdul Rahman. (2016). Main puteri dan cabarannya pada masa kini. Universiti Teknologi MARA.

Norhafiza Ramli & Dayang Ku Hidayah Awg Mohamad. (2016). Dikir Barat dan punca kewujudannya. Universiti Teknologi MARA.

Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2003). *Siri Mengena Budaya Wayang Kulit*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Nor Raihanah Husain. (2007). Analisa skrip terhadap cerita wayang kulit Kelantan kajian skrip 'jintan mas'. *Latihan ilmiah*. Universiti Malaysia Sarawak

Nining Nur Alaini and Dewi Nastiti Lestariningsih. (2014). Cerita Rakyat sebagai Referensi Pembelajaran BIPA: Teknik Pengajaran Bahasa Indonesia melalui Cerita Rakyat “Putri Mandalika”. *Asile 2014 Conference*. Bali, 29-30 September.

Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). Sejarah lisan. Retrieved July 8, 2017, from  
<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

# **INDEKS**

## INDEKS

<b>A</b>	
Agama Islam.....	1,44,45,47,48,50,52,59
Al-Quran.....	61,62,64,66
Awang Batil.....	25
<b>C</b>	
Canang.....	2,5,24,35,37,69,91
Cerita Pokok.....	1,4,72,73
Cerita Ranting.....	1,73,74,83
Cina.....	1,47,48,50,51,52,59,66,75
<b>D</b>	
Dikir Barat .....	3,13,19,20,23,24,31,37,38,40,41,42,54,56,94,95,102
Dikir Laba.....	3,22,23,24
<b>E</b>	
Exco Kebudayaan Kelantan.....	93
<b>G</b>	
Gabungan Tradisional.....	22,23
Gedak.....	2,24,68,69
Gendang.....	5,20,24,35,36,37,43,56,57,68,69,90
Gong.....	--2,4,5,24,32,36,56,57,68,89,90
<b>H</b>	
Hanuman Kera Putih.....	77,86
<b>I</b>	
Indonesia.....	1,3,4,33,43,44,46,47,53,57,68,89,90
<b>J</b>	
Jabatan Kesenian Warisan .....	135
<b>K</b>	
Kesi.....	2,5,20,24,35,37,41,68,75,89,90
Kuala Lumpur.....	8,9,11,13,29,30,38,97,102
<b>M</b>	
Maharaja Mawana.....	84,85,86,87
Main Puteri.....	57,102
Mak Yong.....	13,14,23,25,29,37,54,56,60,63,64,94,98
Minggu Kebudayaan Bergerak.....	33,34
<b>P</b>	
Pak Hamzah.....	10,11,12
Pak Ibrahim.....	12
Pak Lokan.....	3,24,25
Parut Selapik.....	25
Penari.....	8,9,13
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.....	8

	<b>R</b>
Rebat.....	25,37,39,40
Redak.....	24,25
	<b>S</b>
Seri Rama.....	71,72,76,77,79,84,85,86,87,100
Serunai.....	20,32,36,37,39,40,68,90
Silat.....	23,24,42,98
Singapura.....	94,95
Sita Dewi.....	72,84,85,86,87
Suasanu Des.....	8,9,13
Sunan Kali Jaga.....	42,44,45,46,53
	<b>T</b>
Tari Inai.....	3,23
Thailand.....	3,33,43,46,71
Tok Dalang.....	1, 4, 5, 8, 11, 28, 29, 32, 37, 37, 38, 47, 48, 51, 52, 58, 59, 63, 64, 65, 67,69,70,72,73,74,76,78,80,83,91,92,96,97,99
Tukang Karut.....	31
Tun Dr. Mahathir.....	16
	<b>W</b>
Wali Songgo.....	1,43,44,53,59

# LAMPIRAN

## LOG TEMUBUAL

Nor Adilah Binti Mansor dan Amalina Binti Hassan telah menemubual Encik Mohamad Nizam Bin Osman, yang dilahirkan pada 3 Mei 1968, di Kampung Morak, Tumpat, Kelantan, Malaysia. Temubual dijalankan di tempat kerja beliau Muzium Istana Jahar, Kota Bahru, Kelantan, Malaysia, mengenai wayang kulit negeri Kelantan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
Tape 1 (00:01:58)	Mengenai latar belakang pencerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohamad Nizam Bin Osman</li> <li>• 49 tahun</li> <li>• 3 Mei 1968</li> <li>• Kampung Morak, Tumpat, Kelantan, Malaysia</li> <li>• Pembantu Am Muzium Adat Istiadat Kota Jahar, Kota Bahru, Kelantan</li> </ul>
Tape 1 (00:04:54)	Hobi pencerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermain bola</li> <li>• Bermain badminton</li> </ul>
Tape 1 (00:18:58)	Status pencerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkahwin: Noraini Binti Awang</li> </ul>
Tape 1 (00:19:54)	Maklumat anak-anak pencerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anak pertama: Husni Faizal Azam bin Mohamad Nizam</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anak kedua: Cempaka Awani Binti Mohamad Nizam</li> </ul>
Tape 2 (00:00:07)	Maklumat keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bapa: Osman Bin Ali</li> <li>• Ibu: Halimah Binti Yusuf</li> <li>• Anak ketiga daripada enam beradik</li> </ul>
Tape 2 (00:10:00)	Tuan rumah yang membenarkan Encik Nizam dan kumpulan berlatih wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wak Isa</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG</b>		
Tape 3 (00:00:20)	Asal usul wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut kajian Encik Nizam pada 2014.</li> <li>• Asal usul wayang kulit di Indonesia.</li> <li>• Asal wayang kulit di Malaysia di Kampung Kebakat, Tumpat, Kelantan.</li> </ul>
Tape 3 (00:08:09)	Cerita tentang tok dalang yang pertama yang membawa wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok dalang Cina perempuan yang membawa masuk wayang kulit ke Kelantan.</li> <li>• Beliau tinggal</li> </ul>

Tape 3 (00:14:31)	Menceritakan tentang Wali Songgo	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wali Songgo merupakan orang yang mencipta wayang kulit</li> </ul>
Tape 3 (00:15:20)	Perkembangan wayang kulit di Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masih lagi yang ada menggiatkan persembahan wayang kulit.</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 3: CERITA – CERITA RAKYAT DALAM WAYANG KULIT DAN LAGU</b>		
<b>WAYANG KULIT</b>		
Tape 3 (00:18:50)	Perubahan alatan muzik dalam wayang kulit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada perkurangan cuma ada penambahan</li> </ul>
